


LAPORAN AKHIR

INDEKS GERAKAN KOPERASI 2023



LAPORAN AKHIR

INDEKS GERAKAN KOPERASI 2023



PASUKAN PENYELIDIK

KETUA PROJEK



Prof Dr. Haslinda Abdullah

AHLI PROJEK



Prof Dr. Ismi
Arif Ismail



Dr. Jeffrey
Lawrence D'silva



Dr. Aini Azeqa
Ma'rof



Dr. Hayrol Azril
Mohamed Shaffril



Dzuhaulmi
Dahalan



K A N D U N G A N

	KANDUNGAN	i
	SENARAI JADUAL	iii
	SENARAI RAJAH	v
	RINGKASAN EKSEKUTIF	vi
1.0	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Objektif Kajian	2
	1.3 Skop Kajian	3
2.0	SOROTAN LITERATUR	4
	2.1 Pengenalan	4
	2.2 Latar Belakang	4
	2.3 Pelan TransKoM	5
	2.4 Indeks Gerakan Koperasi (IGK)	6
3.0	METODOLOGI KAJIAN	7
	3.1 Pengenalan	7
	3.2 Rekabentuk Kajian	7
	3.3 Instrumen Kajian	7
	3.3.1 OBJEKTIF 1: Mengkaji dan Membangunkan Indeks Gerakan Koperasi	9
	3.4 Rangka Persampelan	30
	3.5 Tatacara Pengumpulan Data	31
	3.6 Analisis Data	31
4.0	DAPATAN KAJIAN	38
	4.1 Pengenalan	38
	4.2 Profil Demografi	38
	4.3 OBJEKTIF 2: Mengukur Indeks Gerakan Koperasi	44
	4.3.1 Dapatan Skor Indeks Gerakan Koperasi	45
	4.3.2 Perbandingan Sub Domain dengan Kluster Koperasi	50
	4.3.3 Dapatan Kajian Sub Domain	61
	4.3.4 Implikasi Kajian	88
	4.4 OBJEKTIF 3: Cadangan Penambahbaikan	111
	4.4.1 Domain Masyarakat	111
	4.4.2 Domain Alam Sekitar	122
	4.4.3 Domain Ekonomi	124
5.0	RUMUSAN	132
6.0	PELAN INTERVENSI	135
	6.1.1 Kluster Besar	137



	6.1.2	Kluster Sederhana	149
	6.1.3	Kluster Kecil & Mikro	181
7.0		LAMPIRAN	186
		RUJUKAN	216

S E N A R A I J A D U A L

Jadual 1	Nilai Kebolehppercayaan Sub Domain Masyarakat (n=29)	28
Jadual 2	Nilai Kebolehppercayaan Sub Domain Ekonomi (n=29)	28
Jadual 3	Nilai Kebolehppercayaan Sub Domain Alam Sekitar (n=29)	28
Jadual 4	Cadangan Persampelan Awal (n=1334)	30
Jadual 5	Taburan Sampel Kajian (n=991)	30
Jadual 6	Skala Tahap Koperasi IGK	32
Jadual 7	Dapatan Analisis Faktor Ujian Bartlett's	33
Jadual 8	Dapatan Ujian EFA Domain Masyarakat	35
Jadual 9	Dapatan Ujian EFA Domain Alam Sekitar	36
Jadual 10	Dapatan Ujian EFA Domain Ekonomi	37
Jadual 11	Nilai Skor Domain IGK2023	45
Jadual 12	Perbandingan Skor Indeks Domain Masyarakat mengikut Kluster Koperasi	50
Jadual 13	Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Pendidikan Mengikut Kluster Koperasi	51
Jadual 14	Perbandingan Skor Indeks Sub Domain Kesihatan Fizikal dan Kestabilan Mental Mengikut Kluster Koperasi	51
Jadual 15	Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Keterjaminan Makanan Mengikut Kluster Koperasi	52
Jadual 16	Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Keharmonian Masyarakat mengikut Kluster Koperasi	53
Jadual 17	Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Perumahan Mengikut Kluster Koperasi	53
Jadual 18	Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi Mengikut Kluster Koperasi	54
Jadual 19	Perbandingan skor indeks sub-domain Budaya dan Warisan mengikut Kluster Koperasi	55
Jadual 20	Perbandingan Skor Indeks Domain Alam Sekitar mengikut Kluster Koperasi	56
Jadual 21	Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar mengikut Kluster Koperasi	56
Jadual 22	Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Perubahan Iklim mengikut Kluster Koperasi	57



Jadual 23	Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Kerjasama dengan Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar mengikut Kluster Koperasi	57
Jadual 24	Perbandingan Skor Indeks Domain Ekonomi mengikut Kluster Koperasi	58
Jadual 25	Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Peluang Pekerjaan Baharu mengikut Kluster Koperasi	58
Jadual 26	Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Kerjasama Koperasi & Awam mengikut Kluster Koperasi	59
Jadual 27	Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Bantuan Kepada Anggota mengikut Kluster Koperasi	59
Jadual 28	Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Bantuan Kepada Masyarakat mengikut Kluster Koperasi	60
Jadual 29	Item Sub Domain Pendidikan (n=991)	63
Jadual 30	Item Sub Domain Kesihatan Fizikal dan Kestabilan Mental	64
Jadual 31	Item Sub Domain Keterjaminan Makanan	67
Jadual 32	Item Sub Domain Keharmonian Masyarakat	69
Jadual 33	Item Sub Domain Perumahan	69
Jadual 34	Item Sub Domain Penglibatan Masyarakat Dalam Kegiatan Koperasi	71
Jadual 35	Item Sub-Domain Budaya & Warisan	73
Jadual 36	Item Sub Domain Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar	75
Jadual 37	Item Sub Domain Perubahan Iklim	76
Jadual 38	Item Sub Domain Kerjasama dengan Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar	77
Jadual 39	Item Sub Domain Peluang Pekerjaan Baharu	81
Jadual 40	Item Sub Domain Kerjasama Koperasi dan Awam	83
Jadual 41	Item Sub Domain Bantuan Kepada Anggota	85
Jadual 42	Item Sub Domain Bantuan Kepada Masyarakat	87



SENARAI RAJAH

Rajah 1	Domain Utama IGK2023	10
Rajah 2	Carta Alir Proses Analisis EFA	35
Rajah 3	Domain Utama & Sub Domain Selepas Ujian EFA	46
Rajah 4	Skor Indeks IGK2023	48
Rajah 5	Skor Indeks Domain Masyarakat	49
Rajah 6	Skor Indeks Domain Alam Sekitar	50
Rajah 7	Skor Indeks Domain Ekonomi	51

RINGKASAN EKSEKUTIF


Berdasarkan dapatan kajian, skor indeks bagi tiga domain utama iaitu Masyarakat, Alam Sekitar, dan Ekonomi menunjukkan bahawa koperasi mempunyai tahap pencapaian yang berbeza dalam setiap domain. **Domain Ekonomi** mencatatkan skor tertinggi dengan 66.20, menunjukkan bahawa koperasi cenderung berjaya dalam aspek ekonomi dan keusahawanan. Domain Alam Sekitar pula mencatat skor 62.98, menandakan usaha koperasi dalam aspek kelestarian alam sekitar masih berada pada tahap sederhana dan memerlukan perhatian lebih lanjut. Domain Masyarakat pula mempunyai skor 61.21, menunjukkan bahawa terdapat ruang penambahbaikan dalam usaha koperasi menyokong kesejahteraan sosial.

Dalam analisis subdomain, **Keharmonian Masyarakat** menunjukkan pencapaian tertinggi dengan skor 74.75, menunjukkan bahawa koperasi telah berjaya memupuk perpaduan sosial yang baik dalam masyarakat. **Peluang Pekerjaan Baharu** (71.00) juga mencatatkan skor yang tinggi, menandakan keberkesanan koperasi dalam menyediakan peluang pekerjaan. Namun, **Kesihatan Fizikal** (53.00) dan **Perumahan** (52.75) merupakan dua subdomain dengan skor terendah, mencadangkan bahawa koperasi memerlukan intervensi yang lebih kuat dalam meningkatkan kesihatan fizikal serta akses kepada perumahan untuk masyarakat.

Selain itu, **Penglibatan Masyarakat dalam kegiatan koperasi** mencatat skor 64.50, menunjukkan bahawa walaupun ada penglibatan yang baik, lebih

banyak usaha diperlukan untuk menarik lebih banyak anggota masyarakat. **Bantuan kepada Anggota** (68.25) juga mendapat skor yang agak baik, menunjukkan bahawa koperasi aktif dalam membantu anggota mereka, namun **Bantuan kepada Masyarakat** lebih rendah pada 55.25, yang memerlukan lebih perhatian dalam usaha sosial yang lebih luas.

Secara keseluruhan, hasil kajian ini mencerminkan kekuatan dan kelemahan koperasi dalam pelbagai aspek, di mana beberapa subdomain menunjukkan prestasi baik, sementara yang lain memerlukan intervensi dan perancangan yang lebih strategik untuk mencapai keberhasilan yang lebih seimbang.





PENDAHULUAN



1 . 0 P E N D A H U L U A N

1.1 PENGENALAN

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah membangunkan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021- 2025 yang menjadi asas dalam merangka hala tuju pembangunan gerakan koperasi negara. TransKoM 2021-2025 merupakan dokumen transformasi strategik yang menggariskan matlamat, sasaran dan langkah strategik serta program utama/aktiviti yang akan dilaksanakan bagi memperkasakan Gerakan Koperasi di Malaysia. Kejayaan proses transformasi ini bergantung kepada bantuan, kerjasama dan usaha baik daripada semua pihak berkepentingan.

Lima (5) bidang tujahan telah dibangunkan di bawah TransKoM untuk mengatasi 10 cabaran utama yang telah dikenal pasti dan seterusnya memastikan anjakan transformasi dapat dicapai. Bidang Tujahan 1 di bawah

TransKoM iaitu Penerapan Nilai Kemakmuran Bersama memfokuskan untuk meletakkan koperasi di landasan yang betul sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi negara yang seimbang, inklusif dan mapan.

Antara langkah strategik dalam bidang Tujahan 1 adalah untuk memperkasakan koperasi sebagai Perusahaan Sosial (SE) yang memberi impak kepada masyarakat, ekonomi dan alam sekitar. Antara program aktiviti utama bagi mencapai langkah strategik ini adalah dengan membangunkan Co-operative Societies Index (Indeks Gerakan Koperasi) untuk mengukur sumbangan dan impak koperasi terhadap pembangunan sosial dan alam sekitar.

Dua petunjuk prestasi utama yang ditetapkan bagi merealisasikan langkah strategi ini adalah seperti berikut: (1)

Pembangunan Indeks Gerakan Koperasi (IGK), dan (ii) Peningkatan sumbangan koperasi terhadap pembangunan sosioekonomi dan alam sekitar melalui bacaan Indeks Gerakan Koperasi (IGK).

Oleh kerana IGK ini merupakan satu perkara baharu, pelbagai data dari pemegang taruh yang berkaitan perlu di kumpul bagi memastikan satu mekanisme pengukuran yang berkesan dapat dirancang untuk memastikan kelestarian gerakan koperasi di Malaysia.

Di samping itu, IGK ini akan diguna pakai oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai penanda aras prestasi koperasi dan rujukan umum demi kelestarian koperasi di Malaysia. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk membentuk satu instrumen yang sah dan boleh dipercayai dalam menambah baik agenda pembangunan koperasi Malaysia agar sentiasa relevan untuk menyantuni Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial 2030 (SEMy 2030) dan Agenda Pembangunan Mapan 2030.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum pembangunan IGK adalah untuk mengukur sumbangan dan impak koperasi terhadap pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Manakala objektif khusus adalah seperti berikut:

- i. Mengkaji dan membangunkan Indeks Gerakan Koperasi (IGK);
- ii. Mengukur Indeks Gerakan Koperasi (IGK); dan
- iii. Memberi cadangan penambahbaikan berdasarkan hasil kajian.

1.3 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini merangkumi perkara berikut:

- i. Menenal pasti dan membangunkan domain dan indikator pengukur IGK berdasarkan metodologi pembangunan indeks yang dapat diterima umum serta dapat mengukur indikator dengan tepat dan informatif.
- ii. Mengadakan perbincangan dengan wakil koperasi serta pengamal industri berkaitan bagi membentuk kerangka teori dan konsep kajian dan akhirnya menghasilkan domain dan indikator IGK yang akan digunakan.
- iii. Menentukan pemberat wajaran setiap domain melalui perbincangan dengan wakil daripada ALK Koperasi, Ahli Akademik, ANGKASA dan Agensi yang terpilih.
- iv. Menggunakan metodologi yang bersesuaian bagi mencapai objektif kajian yang ditetapkan.
- v. Melaksanakan analisis data menerusi sampel kajian melibatkan responden IGK.
- vi. Melaporkan dapatan kajian dan mencadangkan model intervensi kepada koperasi.

IGK2023



SOROTAN LITERATUR





2 . 0 S O R O T A N

L I T E R A T U R

2.1 P E N G E N A L A N

Bahagian ini menghuraikan secara ringkas penubuhan koperasi, topik utama literatur iaitu Pelan TransKom dan Indeks Gerakan Koperasi (IGK).

2.2 L A T A R B E L A K A N G

Gerakan koperasi di Malaysia bermula dengan terdaptarnya Koperasi Kredit Syarikat Bekerjasama-sama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Pekerja-Pekerja Jabatan Pos dan Telekom Berhad, dan merupakan koperasi yang pertama didaftarkan pada 21 Julai 1922. Koperasi tersebut kini dikenali sebagai Koperasi Telekom Malaysia Berhad (KOTA MAS). Koperasi luar bandar yang pertama didaftarkan adalah Syarikat Kampung Tebuk Haji Musa Bekerjasama-sama dengan Tanggungan Berhad di Parit Buntar, Krian, Perak, yang didaftarkan pada 3 Disember 1923.

Gerakan Koperasi di Sarawak bermula pada 3 Mei 1949, manakala di Sabah ianya diperkenalkan mulai tahun 1959. Pada asalnya Undang-undang Koperasi yang berkuat kuasa di Sabah dan Sarawak adalah Ordinan Koperasi 1949 (Cap. 66 of The Laws of Sarawak) dan Ordinan Koperasi No. 3/1958 of Sabah dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, sehinggalah Akta Koperasi 1993 (Act 502) dikuatkuasakan.

Gerakan koperasi di Malaysia bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti ekonomi; di antaranya seperti kredit, pengguna, pengisaran padi, perumahan, pembangunan tanah, kenderaan dan pengangkutan, pembalakan, kontraktor, perindustrian kecil dan insurans.

2.3 PELAN TRANSKOM

Pada 30 Mac 2021, kerajaan telah melancarkan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKom, 2021 – 2025) bagi memacu pembangunan koperasi yang lebih maju, progresif dan berdaya saing di masa hadapan. Matlamat Pelan TransKom adalah bagi

merealisasikan 5 anjakan transformasi dan membangunkan 5 bidang tujuan transformasi yang mempunyai 20 langkah strategik untuk sasaran 36 program atau aktiviti dengan 30 KPI yang telah dipersetujui.



2.4 INDEKS GERAKAN KOPERASI (IGK)

Indeks Gerakan Koperasi (IGK) adalah merupakan aktiviti utama dalam langkah strategik memperkasakan koperasi sebagai Perusahaan Sosial (SE) yang memberi impak kepada masyarakat, ekonomi dan alam sekitar di bawah bidang tujahan 1 iaitu meletakkan



koperasi di landasan yang betul sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi negara yang seimbang, inklusif dan mampan. Fasa transformasi melibatkan 3 fasa di mana fasa 1 adalah membangunkan indeks gerakan koperasi (IGK) dan fasa 2 hingga 3 melibatkan peningkatan sumbangan koperasi terhadap pembangunan sosioekonomi dan alam sekitar melalui bacaan Indeks Gerakan Koperasi (IGK).

IGK2023



METODOLOGI KAJIAN



3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bahagian ini memerihalkan reka bentuk kajian, instrumen kajian, rangka pensampelan, tatacara pengumpulan data dan juga bagaimana data di analisis.

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik atas talian.



3.3 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian ini akan dibangunkan berdasarkan kepada objektif kajian yang telah ditetapkan dan ianya tertumpu ke arah mengukur Indeks Gerakan Koperasi (IGK). Domain dan item untuk indeks kajian ini akan dibina berdasarkan kepada sorotan literatur dan juga dari pandangan anggota koperasi, industri dan masyarakat melalui sesi Nominal Group Technique. Pembinaan domain untuk IGK akan berasaskan kepada

konsep Social Return on Investment (SROI) dan bukan analisis faedah-kos. Social Return on Investment (SROI) adalah kerangka yang digunakan untuk mengukur dan memahami nilai sosial yang dihasilkan oleh sebuah organisasi, melebihi daripada nilai kewangan semata-mata. Dalam konteks koperasi, menggunakan konsep SROI untuk membina domain IGK dapat membantu menilai impak sosial koperasi secara



lebih holistik. Domain utama kajian akan meliputi tiga komponen iaitu masyarakat, ekonomi dan alam sekitar.

Dalam konteks **masyarakat**, antara indikator awal ialah sumbangan koperasi dari segi:

- 1) pendidikan;
- 2) kesihatan fizikal;
- 3) kestabilan mental;
- 4) penglibatan masyarakat dalam kegiatan koperasi;
- 5) budaya dan warisan;
- 6) perumahan;
- 7) keterjaminan makanan; dan
- 8) keharmonian masyarakat.

Sementara itu, dalam konteks **alam sekitar**, antara indikator awal ialah sumbangan koperasi dari segi:

- 1) pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar,
- 2) kerjasama dengan penyelidik tempatan untuk kelestarian alam sekitar; dan
- 3) perubahan iklim.

Manakala dalam konteks **ekonomi**, antara indikator awal ialah sumbangan koperasi dari segi:

- 1) peluang pekerjaan baharu;
- 2) akses kepada sokongan kewangan;
- 3) kerjasama koperasi dan awam;
- 4) pembiayaan antara rakan setara.

3.3.1 OBJEKTIF 1: MENGAJI DAN MEMBANGUNKAN INDEKS GERAKAN KOPERASI

Pembahagian tugas kepada para penyelidik dibuat mengikut kepakaran di mana setiap penyelidik perlu menyumbang idea bagi menghasilkan

item soalan berdasarkan domain yang telah diberi seperti yang dinyatakan di dalam bahagian 3.3.1.3: Pembinaan Item.

3.3.1.1 Pembentukan Domain

Indeks Gerakan Koperasi adalah alat yang digunakan untuk mengukur keberkesanan dan kemajuan koperasi sebagai sebuah organisasi

keusahawanan sosial. Terdapat tiga domain utama dalam indeks ini, seperti di dalam Rajah 1:



Rajah 1: Domain Utama IGK2023

3.3.1.2 Pembentukan Sub Domain

Pembentukan sub-domain merujuk kepada proses memecahkan domain utama menjadi beberapa bahagian yang lebih kecil dan spesifik, yang dikenali sebagai sub-domain. Tujuan pembentukan sub-domain adalah untuk

memperinci dan mengkhususkan aspek-aspek penting dalam setiap domain utama, supaya setiap sub-domain boleh diberikan tumpuan yang lebih mendalam dan terperinci.

a) Sub Domain Masyarakat

1) Pendidikan

Fokus kepada aspek pendidikan dalam komuniti koperasi, termasuk literasi, latihan, dan pembelajaran sepanjang hayat

2) Kesihatan Fizikal

Kesihatan fizikal di kalangan anggota koperasi merujuk kepada kesejahteraan keseluruhan individu dalam koperasi berkenaan dengan keadaan fizikal, kecergasan dan tabiat berkaitan kesihatan mereka

3) Kesihatan Mental

Menekankan pada kesihatan dan kesejahteraan anggota koperasi, termasuk akses kepada perkhidmatan kesihatan

4) Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi

Menggalakkan penyertaan aktif anggota dalam kegiatan koperasi dan aktiviti komuniti

5) Budaya dan Warisan

Menjaga dan mempromosikan budaya dan warisan tempatan dalam kalangan ahli koperasi

6) Perumahan

Menyediakan dan memastikan akses kepada perumahan yang berpatutan dan selesa untuk ahli

7) Keterjaminan Makanan

Menggalakkan keterjaminan makanan melalui pertanian lestari dan akses kepada makanan yang berkhasiat

8) Keharmonian Masyarakat

Memupuk keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat koperasi

b) Sub Domain Alam Sekitar

1) Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar

Menekankan usaha untuk menjaga dan memulihara alam sekitar

2) Kerjasama dengan Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar

Bekerjasama dengan penyelidik untuk mencari penyelesaian lestari.

3) Perubahan Iklim

Mengambil tindakan untuk mengurangkan kesan perubahan iklim melalui amalan dan teknologi hijau.

c) Sub Domain Ekonomi

1) Peluang Pekerjaan Baharu

Mewujudkan peluang pekerjaan baru melalui sokongan keusahawanan dan perniagaan kecil

2) Akses kepada Sokongan Kewangan

Menyediakan akses kepada pembiayaan dan sokongan kewangan untuk ahli koperasi.

3) Kerjasama Koperasi & Awam

Meningkatkan kerjasama antara koperasi dan sektor awam untuk pembangunan ekonomi.

4) Pembiayaan antara Rakan Setara

Menggalakkan model pembiayaan antara ahli koperasi untuk sokongan kewangan dalaman.

3.3.1.3 Pembinaan Item

3.3.1.3.1 Domain Masyarakat

Domain Masyarakat	
Sub Domain	Item
Pendidikan 	1. menyediakan peluang pendidikan dan latihan untuk anggota dan masyarakat
	2. menggalakkan anggota untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka melalui kursus dan bengkel
	3. menjalinkan kerjasama dengan institusi pendidikan tempatan untuk meningkatkan kualiti pendidikan yang diberikan kepada anggota (SE)
	4. memberikan bantuan kewangan atau biasiswa untuk anggota yang ingin melanjutkan pelajaran
	5. memberi penekanan kepada pendidikan berterusan dan pembelajaran sepanjang hayat
	6. sering mengadakan ceramah, seminar, atau forum ilmu untuk meningkatkan pengetahuan anggota dan masyarakat
	7. mempunyai sumber dan bahan pendidikan yang boleh diakses oleh semua anggota
	8. memastikan bahawa semua anggota berpeluang mendapat bimbingan berkaitan pendidikan koperasi

Domain Masyarakat	
Sub Domain	Item
Kesihatan Fizikal 	1. bekerjasama dengan agensi kerajaan/ NGO/ pihak luar untuk program penerangan berkaitan kepentingan kesihatan fizikal anggota dan masyarakat setempat
	2. mengadakan inisiatif untuk anggota dan masyarakat setempat mendapatkan pemeriksaan kesihatan percuma secara berkala
	3. menyediakan kawasan atau peralatan untuk beriadah kepada anggota dan masyarakat setempat

4. memberikan penerangan berkaitan makanan seimbang kepada anggota koperasi dan masyarakat setempat dengan kerjasama pihak agensi kerajaan/ NGO/ pihak luar

Domain Masyarakat	
Sub Domain	Item
Kesihatan Mental 	1. memberi maklumat kepada anggota akan kepentingan penjagaan kesihatan mental
	2. mengadakan program kesedaran berkaitan kesihatan mental kepada anggota dan masyarakat setempat
	3. memberi pendedahan berkaitan institusi yang boleh membantu anggota dan masyarakat setempat berkaitan kesihatan mental (Mentari)
	4. berkongsi maklumat berkaitan agensi dan NGO yang boleh membantu anggota dan masyarakat setempat yang mengalami kesihatan mental (Contoh: talian kasih 15999, HEAL 15555)
	5. bekerjasama dengan pihak KKM dan/atau NGO, psikologis dan kaunselor dalam memberikan penerangan kaedah mengurus persepsi berkaitan kesihatan mental kepada anggota dan masyarakat setempat
	6. bekerjasama dengan pihak KKM dan/atau NGO, psikologis dan kaunselor dalam memberikan penerangan kaedah mengurus persepsi berkaitan kesihatan mental kepada anggota dan masyarakat setempat

Domain Masyarakat	
Sub Domain	Item
Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi 	1. melibatkan sebahagian besar masyarakat dalam kebanyakan acara dan aktiviti
	2. mengadakan mesyuarat berkaitan aktiviti koperasi secara berkala bersama wakil masyarakat
	3. mendapat sokongan aktif daripada ahli masyarakat dalam bentuk masa/wang/ sumber lain untuk aktiviti koperasi
	4. menggalakkan ahli masyarakat terlibat dalam program khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh koperasi
	5. mendapat sambutan yang menggalakkan dari ahli masyarakat untuk kebanyakan acara atau inisiatif berkaitan koperasi
	6. bersedia menerima maklumbalas daripada masyarakat
	7. bekerjasama dengan entiti lain dalam projek kemasyarakatan

Domain Masyarakat	
Sub Domain	Item
Budaya dan Warisan 	1. mempromosikan budaya dan warisan tempatan secara berkala
	2. aktif dalam usaha memelihara warisan dan tradisi tempatan
	3. mencerminkan kepelbagaian budaya dalam masyarakat
	4. mendidik anggota dan ahli masyarakat tentang budaya tempatan
	5. mempromosikan seni dan kraf tempatan
	6. menggalakkan sambutan festival budaya tempatan dan tradisi

Domain Masyarakat	
Sub Domain	Item
Perumahan 	1. prihatin terhadap anggota yang masih tidak mempunyai tempat tinggal 2. mewujudkan pelbagai inisiatif bagi membantu anggota memiliki tempat tinggal 3. memastikan pemilikan tempat tinggal anggota merupakan sebahagian agenda koperasi 4. berkolaborasi dengan pihak berkuasa tempatan dan pihak yang berkaitan dalam usaha memberikan maklumat perumahan untuk anggota dan komuniti 5. memberikan penerangan berkaitan rumah mampu milik kepada anggota dan masyarakat setempat 6. bekerjasama dengan pihak bank untuk skim perumahan mampu milik anggota dan masyarakat setempat

Domain Masyarakat	
Sub Domain	Item
Keterjaminan Makanan 	1. memastikan kecukupan bekalan makanan dalam kalangan anggota 2. prihatin tentang kemampuan kewangan anggota di dalam memperolehi bekalan makanan 3. menggalakkan penyediaan makanan yang bebas racun kepada keluarga anggota dan masyarakat 4. menggalakkan penanaman sayur-sayuran/buah-buahan di tanah terbiar 5. menggalakkan penyertaan golongan muda di dalam sektor pertanian 6. menyediakan inisiatif pembangunan projek pertanian berkelompok untuk anggota yang berminat 7. menyediakan bantuan modal untuk aktiviti pertanian 8. membantu anggota menangani peningkatan harga makanan

Domain Masyarakat	
Sub Domain	Item
Keharmonian Masyarakat 	1. menganjurkan aktiviti gotong royong secara berkala
	2. melayani anggota secara adil
	3. mempromosi aktiviti kejiwaan yang sihat (cth: peduli jiran)
	4. menghargai sumbangan anggota dalam masyarakat
	5. tidak meminggirkan mana-mana anggota mengikut kelompok tertentu
	6. meraikan kepelbagaian masyarakat berbilang etnik
	7. menghulurkan bantuan kepada anggota dan ahli masyarakat yang ditimpa musibah

3.3.1.3.2 Domain Alam Sekitar

Domain Alam Sekitar	
Sub Domain	Item
Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar 	1. menganjurkan aktiviti membersihkan tasik/sungai/ pantai
	2. mengadakan kempen pengurangan pelepasan gas karbon ke udara
	3. menggalakkan anggota dan masyarakat untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar
	4. memaklumkan anggota tentang cara pembuangan sampah dengan betul
	5. menggalakkan aktiviti kitar semula
	6. melarang anggota untuk melakukan pembakaran terbuka
	7. melarang anggota untuk meneroka kawasan hutan secara haram
	8. mengurangkan aktiviti penggunaan plastik
	9. menggalakkan penggunaan air secara berhemah
	10. menggalakkan penjimatan tenaga elektrik

Domain Alam Sekitar	
Sub Domain	Item
Kerjasama dengan penyelidik tempatan untuk kelestarian alam sekitar 	1. menggalakkan kerjasama penyelidikan di antara penyelidik tempatan dan warga koperasi
	2. menyediakan geran penyelidikan berkaitan kelestarian alam sekitar untuk penyelidik tempatan
	3. berkerjasama dengan penyelidik tempatan untuk menghasilkan penerbitan sumbangan koperasi kepada kelestarian alam sekitar
	4. berkerjasama dengan penyelidik tempatan untuk memohon geran penyelidikan yang berkaitan dengan kelestarian alam sekitar
	5. berkongsi maklumat koperasi yang relevan dengan penyelidik tempatan

Domain Alam Sekitar	
Sub Domain	Item
Perubahan Iklim 	1. memaklumkan kepada anggota dan masyarakat tentang pemanasan global 2. memaklumkan kepada anggota dan masyarakat tentang punca perubahan iklim 3. memaklumkan kepada anggota dan masyarakat tentang kesan perubahan iklim dalam kehidupan 4. membantu anggota dan masyarakat merangka strategi adaptasi terhadap kesan perubahan iklim 5. membantu anggota dan masyarakat membuat persediaan menghadapi bencana alam seperti banjir 6. berkongsi maklumat berkaitan kesan perubahan iklim terhadap aktiviti koperasi

3.3.1.3.3 Domain Ekonomi

Domain Ekonomi	
Sub Domain	Item
Peluang Pekerjaan Baharu 	1. berusaha mempelbagaikan aktiviti sedia ada dalam kalangan anggota/ masyarakat
	2. meningkatkan tahap pengeluaran atau memperluaskan perkhidmatan dari semasa ke semasa
	3. membangunkan produk atau perkhidmatan baharu secara berkala
	4. berusaha mencari pasaran baharu di peringkat tempatan dan antarabangsa
	5. banyak menggunakan sumber tempatan (bahan mentah) untuk pengeluaran produk atau perkhidmatan
	6. bekerjasama dengan NGO atau ketua masyarakat tempatan untuk menganjurkan aktiviti perniagaan baharu
	7. menyediakan sumber/nasihat kepada anggota yang ingin memulakan perniagaan sendiri
	8. menggunakan tenaga kerja tempatan untuk meningkatkan skala perniagaan

Domain Ekonomi	
Sub Domain	Item
Akses kepada sokongan kewangan 	1. menyediakan perlindungan insuran untuk membantu anggota mengurangkan risiko dari ancaman seperti banjir/ kemalangan/ penyakit berjangkit dan sebagainya
	2. menganjurkan aktiviti celik kewangan kepada anggota
	3. menjalankan aktiviti perniagaan yang menjana pendapatan kepada anggota/ masyarakat
	4. mewujudkan dana kecemasan untuk membantu anggota/ masyarakat yang ditimpa musibah

Domain Ekonomi	
Sub Domain	Item
Kerjasama koperasi dan awam 	1. membangun platform dalam talian yang membolehkan anggota/ masyarakat menyumbang idea/ pandangan untuk meningkatkan skala perniagaan
	2. menganjurkan pertandingan dalam kalangan anggota/ masyarakat untuk mendapatkan idea inovatif
	3. menyediakan platform di mana anggota dan masyarakat berkongsi kepakaran untuk meningkatkan kemahiran/ peluang berkenalan
	4. mewujudkan kerjasama dalam kalangan anggota dan masyarakat untuk meningkatkan aktiviti seperti pemasaran, penyelidikan atau jerayawara

Domain Ekonomi	
Sub Domain	Item
Pembiayaan antara rakan setara 	1. menganjurkan program kesedaran untuk anggota mengenai pembiayaan alternatif seperti peer-to-peer/ koperasi ke koperasi
	2. memberi kesedaran tentang kewujudan pembiayaan digital Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) kepada anggota
	3. terlibat bersama dengan Malaysia Co-investment Fund (MyCIF) untuk perusahaan sosial

3.3.1.4 Pemberat Wajaran

Pemberat wajaran, atau lebih dikenali sebagai "weighted average" adalah suatu teknik statistik yang digunakan untuk mengira purata sesuatu set data di mana setiap nilai dalam set data tersebut tidak sama penting. Dalam

pengiraan purata wajaran, setiap nilai diberikan suatu "pemberat" yang mencerminkan kepentingannya relatif terhadap nilai-nilai lain. Formula Pekali Wajaran dan Skor Indeks adalah seperti berikut:

$$\text{Pekali Wajaran (\%)} = \left[\frac{\text{Min} - 1}{4} \right] \times 100$$

Penentuan pemberat bagi setiap domain dan indikator adalah berdasarkan kepada perbincangan dengan Majlis Pakar Rujuk. Sekiranya sesuatu indikator itu dinyatakan sebagai faktor yang sangat mempengaruhi, maka markah maksimum sebanyak 5 mata akan diberikan kepada indikator tersebut dan sebaliknya jika indikator itu dianggap sebagai faktor yang sangat

tidak mempengaruhi maka markah minimum 1 mata akan diberikan kepada indikator berkenaan. Julat markah yang akan diberikan oleh setiap pakar berkaitan dengan dimensi dan indikator ialah antara 1 hingga 5. Dengan cara begini, pemberat bagi setiap indikator akan berlainan mengikut pandangan yang telah diutarakan oleh pakar.

3.3.1.4.1 Domain Masyarakat

No.	Sub Domain	Ranking
A	Pendidikan	1
B	Kesehatan Fizikal	2
C	Kesehatan Mental	3
D	Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi	4
E	Budaya dan Warisan	5
F	Perumahan	6
G	Keterjaminan Makanan	7
H	Keharmonian Masyarakat	8

	A	B	C	D	E	F	G	H
1	✓✓✓ 24		✓ 8	✓ 8			✓	✓ 8
2	✓ 7	✓✓✓ 21		✓ 7	✓ 7	✓ 7		
3	✓ 6	✓ 6				✓ 6	✓ 12	✓ 12
4	✓ 5	✓ 5	✓ 5			✓ 5	✓ 15	✓ 5
5	✓ 4	✓ 4		✓ 4		✓✓ 8		✓ 4
6			✓ 9	✓ 3	✓ 6			✓ 3
7		✓ 2		✓ 2	✓ 4	✓ 2	✓ 2	✓ 2
8			✓✓ 2	✓✓ 2	✓✓ 1	✓ 1		
	46	38	24	26	18	29	37	34

Pemberat (%)	No.	Sub Domain	Ranking
20	A	Pendidikan	1
20	B	Kesehatan Fizikal & Kestabilan Mental	2
15	C	Keterjaminan Makanan	3
15	D	Keharmonian Masyarakat	4
15	E	Perumahan	5
10	F	Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi	6
5	G	Budaya dan Warisan	7
100%			

3.3.1.4.2 Domain Alam Sekitar

No.	Sub Domain	Ranking
A	Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar	1
B	Perubahan Iklim	2
C	Kerjasama dengan Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar	3



	A	B	C
1	✓✓✓✓✓✓ 18	✓ 3	
2	✓ 2	✓✓✓✓ 8	✓✓ 4
3		✓✓ 2	✓✓✓✓✓ 5
	20	13	9



Pemberat (%)	No.	Sub Domain	Ranking
50	A	Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar	1
30	B	Perubahan Iklim	2
20	C	Kerjasama dengan Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar	3

3.3.1.4.3 Domain Ekonomi

No.	Sub Domain	Ranking
A	Peluang Pekerjaan Baharu	1
B	Akses Kepada Sokongan Kewangan	2
C	Kerjasama koperasi & Orang Awam	3



	A	B	C
1	✓✓✓✓✓✓ 15	✓ 3	
2	✓ 2	✓✓ 4	✓✓✓ 6
3		✓✓✓ 3	✓✓✓ 3
	17	10	9



Pemberat (%)	No.	Sub Domain	Ranking
50	A	Peluang Pekerjaan Baharu	1
25	B	Akses Kepada Sokongan Kewangan	2
25	C	Kerjasama koperasi & Orang Awam	3
100%			

3.3.2 Kesahan Instrumen Kajian

Instrumen yang telah melalui proses semakan dan kesahan pakar (arbiter) merupakan langkah penting dalam memastikan kebolehpercayaan (reliabiliti) dan kesahan (validiti) instrumen kajian. Proses ini melibatkan penilaian daripada pakar dalam bidang yang berkaitan bagi memastikan bahawa instrumen tersebut mempunyai ciri-ciri yang diperlukan untuk mengukur konstruk atau konsep yang dikehendaki. Lima orang pakar telah dilantik sebagai penilai instrumen kajian ini, iaitu dari

Universiti Putra Malaysia (3 orang), Universiti Teknologi Malaysia (1 orang) dan Universiti Malaysia Kelantan (1 orang). Proses semakan dan kesahan oleh pakar adalah langkah yang penting dalam memastikan bahawa instrumen kajian atau pengukuran mempunyai ciri-ciri yang diperlukan untuk menghasilkan data yang berkualiti. Hasil daripada proses ini membantu meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan hasil kajian atau pengukuran yang dijalankan oleh penyelidik.

3.3.3 Pra Ujian

Pembahagian tugas kepada para penyelidik dibuat mengikut kepakaran mereka di mana setiap penyelidik perlu menyumbang idea bagi menghasilkan item soalan berdasarkan domain yang telah diberi. Setelah semua penyelidik berjaya menyelesaikan tugas mengikut bahagian masing-masing, item-item soalan dari pelbagai domain tersebut akan disatukan bagi

membentuk draf instrumen soal selidik. Setelah draf instrumen dengan jumlah item iaitu sekitar (143 item) berjaya dihasilkan, beberapa sesi perbincangan, bengkel pemantapan serta validasi instrumen daripada pakar telah dilakukan bagi memastikan, item soal selidik yang dibangunkan mampu memenuhi keperluan stakeholder kajian, serta mengukuhkan dan

memurnikan lagi instrumen tersebut. Validasi kandungan borang soal selidik dinilai melalui proses perbincangan bersama pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi membantu memurnikan borang soal selidik dari segi kerelevanan dan ejaan.

Manakala proses validasi pakar secara individu pula, menilai kandungan item soal selidik berdasarkan kepada tiga

kriteria iaitu kepentingan (essential), kejelasan (clarity), dan relevan (relevance). Seramai lima orang pakar mewakili pelbagai koperasi di Malaysia telah terlibat dalam proses validasi ini. Kumpulan pakar ini telah mengambil masa selama tiga jam untuk meneliti setiap item dan mengemukakan pandangan mereka secara bertulis dalam borang yang disediakan. (rujuk Lampiran 2.0)

3.3.4 Ujian Rintis

Ujian rintis (pilot test) merupakan langkah awal dan penting dalam proses penyelidikan untuk menguji kesahihan, kebolehpercayaan, dan kesesuaian instrumen kajian sebelum menjalankan kajian secara besar-besaran. Ujian rintis melibatkan 29 orang wakil koperasi telah dilaksanakan bagi menilai kebolehpercayaan instrumen dan kefahaman responden terhadap item yang terkandung dalam borang soal selidik. Hasil ujian reliabiliti untuk menentukan kebolehpercayaan item mendapati nilai *Cronbach Alpha*

melebihi 0.7 sesuai dengan nilai yang disarankan oleh Nunnally (1978). Selain itu, George dan Mallery (2003) mencadangkan pendekatan berperingkat yang terdiri daripada yang berikut:

- “ $\geq .9$ – Cemerlang,
- $\geq .8$ – Baik,
- $\geq .7$ – Boleh diterima,
- $\geq .6$ – Boleh dipersoalkan,
- $\geq .5$ – Lemah, dan
- $\leq .5$ – Tidak boleh diterima”.Dapatan nilai kebolehpercayaan di dalam Jadual 1, 2 dan 3, menunjukkan instrumen kajian difahami oleh responden.

a) Domain Masyarakat

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan Sub Domain Masyarakat (n=29)

Sub Domain	Nilai α
1. Pendidikan	.955
2. Kesihatan Fizikal dan Kestabilan Mental	.983
3. Keterjaminan Makanan	.957
4. Keharmonian Masyarakat	.910
5. Perumahan	.973
6. Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi	.897
7. Budaya dan Warisan	.941

b) Domain Ekonomi

Jadual 2: Nilai Kebolehpercayaan Sub Domain Ekonomi (n=29)

Sub Domain	Nilai α
1. Peluang Pekerjaan Baharu	.891
2. Akses Kepada Sokongan Kewangan	.797
3. Kerjasama Koperasi & Awam	.932
4. Pembiayaan Rakan Setara	.875

c) Domain Alam Sekitar

Jadual 3: Nilai Kebolehpercayaan Sub Domain Alam Sekitar (n=29)

Sub Domain	Nilai α
1. Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar	.983
2. Kerjasama dengan Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar	.937
3. Perubahan Iklim	.984

Ujian rintis adalah langkah yang penting dalam proses penyelidikan kerana ia membolehkan penyelidik untuk menyemak kesahihan dan kesesuaian instrumen kajian sebelum melaksanakan kajian sebenar. Dengan melakukan ujian rintis secara teliti, penyelidik dapat memastikan bahawa kajian yang dilakukan menghasilkan data yang berkualiti dan relevan bagi tujuan penyelidikan. Maklumat secara terperinci berkaitan dengan setiap item disertakan bersama di **Lampiran 7.3**

Setelah melalui pelbagai proses penambahbaikan, dan mengalami beberapa kali semakan, akhirnya satu set soal selidik yang mantap dengan jumlah 143 item berjaya dihasilkan. Instrumen dalam bentuk borang soal selidik ini juga telah diterjemahkan ke dalam bentuk Google form bagi memudahkan responden kajian menjawab soal selidik ini secara atas talian.

3.4 RANGKA PERSAMPELAN

Statistik 2022 menunjukkan bilangan koperasi di Malaysia ialah sebanyak 15,315 dan klasifikasi koperasi adalah berdasarkan kluster iaitu besar, sederhana, kecil dan mikro serta

melibatkan koperasi yang aktif sahaja. Berdasarkan kepada tahap keyakinan 95% dan margin kesilapan sebanyak 5%, bilangan sampel kajian berdasarkan Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Cadangan Persampelan Awal (n=1334)

Bil	Kluster				Jumlah
	Besar	Sederhana	Kecil	Mikro	
1.	285	497	399	183	1364
	Semua koperasi		Koperasi Gred A, B dan C i. Gred ditentukan berdasarkan: a) Jumlah Syer/Yuran (Pemberat 20%) b) Jumlah Aset (Pemberat 30%) c) Jumlah Perolehan (Pemberat 50%)		Ujian Rintis = 30 Data Sebenar = 1334

Jadual 5 di bawah menunjukkan taburan sebenar sampel kajian yang melibatkan 991 wakil koperasi di mana jumlah keseluruhan dalam semua kluster

adalah 984. dan sebanyak 7 sampel yang tiada rekod kluster koperasi (N/A).Jadual 5: Taburan Sampel Kajian (n=991).

Jadual 5: Taburan Sampel Kajian (n=991)

Bil	Kluster				Jumlah
	Besar	Sederhana	Kecil	Mikro	
1.	202	355	280	147	991
					Sampel Sebenar = 984 N/A=7

3.5 TATACARA PENGUMPULAN DATA

Borang soal selidik secara dalam talian digunakan bagi tujuan pengumpulan data. Sebelum pengumpulan data dijalankan, pihak penyelidik telah bekerjasama dengan pihak SKM untuk mengenal pasti 'sampling frame' untuk kajian ini. Dengan terbentuknya sampling frame, penyelidik telah mengenal pasti populasi dan sampel

koperasi yang akan terlibat dalam pengumpulan data ini. Proses pengumpulan data ini melibatkan dua fasa iaitu fasa pertama yang merupakan ujian rintis dengan 29 koperasi, dan fasa kedua melibatkan 991 koperasi untuk pengumpulan data sebenar (rujuk Jadual 5).

3.6 ANALISIS DATA

Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) akan digunakan untuk analisis *Exploratory Factor Analysis* (EFA) dan MS Excel untuk analisis domain dan pembentukan indeks. Setiap item pengiraan indeks menggunakan skala 1 hingga 5 yang bermaksud dari “sangat tidak setuju” (skala 1) hingga “sangat setuju” (skala 5).

Pengiraan indeks adalah berdasarkan nilai min bagi setiap domain. Nilai min

bagi setiap domain dikira dengan menggunakan formula SPSS di bawah:

Min = Mean (Item A to Item N) di mana Item A adalah item pertama, manakala Item N adalah item terakhir bagi sesuatu dimensi. Pengiraan di atas akan menghasilkan nilai min antara 1 hingga 5. Nilai min yang dihasilkan ini akan digunakan dalam pengiraan indeks berasaskan poin (1-100) dengan menggunakan formula $(\text{Min} - 1) * 25$ seperti formula di bawah:

$$\text{Skor Indeks (\%)} = \sum \left[\frac{\text{Pekali X Pemberat}}{100} \right]$$

Selanjutnya, mata bagi setiap dimensi akan didarab dengan pemberat masing-masing dan ini akan membawa kepada hasil setiap domain untuk mengukur Indeks Gerakan Koperasi. Di samping itu,

untuk memudahkan pemahaman berkaitan dengan penilaian sumbangan koperasi terhadap masyarakat, ekonomi dan alam sekitar, skala berikut seperti dalam Jadual 6 akan digunakan:

Jadual 6: Skala Tahap Koperasi IGK

Tahap	Skala
0 - 39	Sangat Tidak Memuaskan
40 - 49	Tidak Memuaskan
50 - 59	Kurang Memuaskan
60 - 69	Sederhana
70 - 79	Memuaskan
80 - 100	Sangat Memuaskan

3.6.1 Dapatan Ujian *Exploratory Factor Analysis* (EFA)

Exploratory Factor Analysis (EFA) atau Analisis Faktor Eksploratori digunakan bagi mengenalpasti, mengurangkan serta menyusun sebilangan besar item soal selidik ke dalam kelas tertentu di bawah suatu variable besandar (Chua Yan Piew, 2014). Ujian Bartlett's dan Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) digunakan

bagi mengenal pasti sama ada korelasi antara item mencukupi untuk melakukan analisis faktor dan untuk mengesan multi-collineariti antara item.

- nilai (p-value < 0.05) dalam ujian Bartlett's menunjukkan item-item adalah mencukupi;


- nilai ($KMO > 0.5$) menunjukkan kesesuaian analisis faktor dan tidak mempunyai masalah multi-collineariti yang serius. (Jadual 7).

menunjukkan kesesuaian data yang boleh dianalisis menggunakan kaedah analisis faktor. Keputusan analisis faktor menunjukkan 14 sub-domain yang dapat dikenal pasti untuk kajian ini.

Nilai KMO melebihi 0.5 dan ujian Bartlett's yang signifikan ($p\text{-value} < .05$)

Jadual 7: Dapatan Analisis Faktor Ujian Bartlett's

KMO and Bartlett's Test		
Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.984
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	192273.845
	df	8911
	Sig.	.000



Rajah 2: Carta Alir Proses Analisis EFA

3.6.1.1 Domain Masyarakat

Sub Domain Masyarakat menunjukkan perubahan item selepas melakukan ujian EFA iaitu melibatkan Sub Domain Pendidikan iaitu pengurangan item kepada 12, Sub Domain Keharmonian Masyarakat berkurang menjadi 7 item.

Manakala Sub Domain Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi bertambah kepada 10 item dan item sub domain yang lain kekal seperti di dalam Jadual 8.

Jadual 8: Dapatan Ujian EFA Domain Masyarakat

No.	Sub Domain	Sebelum EFA	Selepas EFA
1.	Pendidikan	17	12
2.	Kesihatan Fizikal dan Kestabilan Mental	14	14
3.	Keterjaminan Makanan	7	7
4.	Keharmonian Masyarakat	15	7
5.	Perumahan	12	12
6.	Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi	7	10
7.	Budaya dan Warisan	6	6

3.6.1.2 Domain Alam Sekitar

Daripada Jadual 9, menunjukkan Sub domain Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar mengalami pengurangan item yang ketara dari 14 kepada 8, menunjukkan bahawa beberapa item mungkin telah

digabungkan atau dikeluarkan kerana kurang signifikan dalam pengukuran konsep ini. Item Perubahan Iklim kekal, menandakan setiap item asalnya adalah penting dan mencukupi untuk menggambarkan isu perubahan iklim.

Sebaliknya, sub domain Kerjasama dengan Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar melihat peningkatan dalam bilangan item dari 5 kepada 10, mencerminkan bahawa lebih

banyak aspek penting perlu dimasukkan untuk menangkap sepenuhnya kerjasama ini dalam usaha kelestarian alam sekitar.

Jadual 9: Dapatan Ujian EFA Domain Alam Sekitar

No.	Sub Domain	Sebelum EFA	Selepas EFA
1.	Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar	14	8
2.	Kerjasama dengan Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar	5	10
3.	Perubahan Iklim	11	11

3.6.1.3 Domain Ekonomi

Hasil EFA dalam Jadual 10, menunjukkan perubahan penting dalam beberapa sub domain. Peluang Pekerjaan Baharu mengalami sedikit peningkatan item dari 9 kepada 10, sementara Kerjasama Koperasi & Awam menunjukkan peningkatan yang lebih ketara dari 8 kepada 12, menandakan pentingnya aspek kerjasama dalam konteks ini. Sebaliknya, sub domain Akses Kepada Sokongan Kewangan dan Pembiayaan Rakan Setara masing-masing mengalami

penghapusan item sepenuhnya, menunjukkan bahawa item-item asal mungkin tidak relevan atau tidak lagi diperlukan selepas analisis. Sebaliknya, sub domain Bantuan Kepada Anggota dan Bantuan Kepada Masyarakat muncul dengan item baharu, masing-masing menambah 3 dan 6 item, menandakan penekanan yang lebih besar perlu diberikan dalam aspek bantuan ini selepas analisis.

Jadual 10: Dapatan Ujian EFA Domain Ekonomi

No.	Sub Domain	Sebelum EFA	Selepas EFA
1.	Peluang Pekerjaan Baharu	9	10
2.	Akses Kepada Sokongan Kewangan	6	0
3.	Kerjasama Koperasi & Awam	8	12
4.	Pembiayaan Rakan Setara	3	0
5.	Bantuan Kepada Anggota	0	3
6.	Bantuan Kepada Masyarakat	0	6

EFA membantu dalam mengenal pasti item-item yang paling relevan dan penting dalam setiap sub domain. Ini mengurangkan atau menambah bilangan item berdasarkan kepentingannya, yang mana hasilnya memberikan gambaran yang lebih tepat dan ringkas mengenai setiap sub domain tersebut. Pengurangan item juga membantu dalam menyederhanakan instrumen pengukuran tanpa kehilangan makna atau kejelasan.

IGK2023



DAPATAN KAJIAN



4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini membentangkan dapatan kajian di mana ia terbahagi kepada beberapa segmen iaitu profil responden & koperasi, pengukuran indeks gerakan

koperasi iaitu dapatan domain utama indeks gerakan koperasi, dapatan sub-domain dan cadangan penambahbaikan hasil dapatan kajian.

4.2 PROFIL DEMOGRAFI

Bahagian ini membincangkan tentang profil demografi berjumlah 991 responden/ koperasi dari pelbagai aspek iaitu umur, jantina, etnik, agama, pendidikan tertinggi, status pekerjaan, taburan zon, tahun koperasi didaftarkan dan juga jenis kluster koperasi. Responden yang mewakili koperasi dalam kajian ini merupakan ahli

lembaga koperasi (ALK) yang memegang jawatan sama ada; Pengerusi, Setiausaha atau Bendahari yang mewakili koperasi masing-masing. Oleh itu, responden dalam kajian ini adalah koperasi yang telah dipilih oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual 4 iaitu Rangka Pensampelan**.

4.2.1 Taburan Umur Responden



18 - 30 tahun	31 - 40 tahun	41 – 50 tahun	51 – 60 tahun	61 tahun ke atas
5.4% (54)	25.8% (256)	25.6% (254)	21.1% (209)	22% (218)

4.2.2 Taburan Jantina Responden



4.2.3 Taburan Etnik Responden



Bumiputera Sarawak	Cina	Melayu	India	Bumiputera Sabah
2.9% (29)	3.0% (30)	82.3% (816)	2.4% (24)	8.3% (82)

4.2.4 Taburan Agama Responden



Islam
90.2% (894)


Budhha
16.6% (16)

Hindu
2.2% (22)


Kristian
5.8% (57)


Lain-lain
0.2% (2)

4.2.5 Taburan Pendidikan Tertinggi Responden




4.2.5 Taburan Status Pekerjaan Responden







4.2.7 Taburan Zon Koperasi



4.2.8 Taburan Tahun Koperasi Didaftarkan




4.2.9 Taburan Kluster Koperasi



4.3 OBJEKTIF 2: MENGUKUR INDEKS GERAKAN KOPERASI

Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perubahan sub domain dan bilangan item yang diperolehi apabila melakukan ujian *Exploratory Factor Analysis* (EFA) seperti yang telah dinyatakan di dalam Bab 3 di bawah

analisis data (3.6.1) Dapatan ini merangkumi pelbagai aspek terdiri daripada 7 sub Domain Masyarakat, 4 sub Domain Ekonomi dan 3 sub Domain Alam Sekitar yang meliputi 128 item secara keseluruhan.



Rajah 3: Domain Utama & Sub Domain Selepas Ujian EFA

4.3.1 Dapatan Skor Indeks Gerakan Koperasi

Skor IGK ini mencerminkan tahap pencapaian koperasi dalam aspek-aspek seperti keterlibatan masyarakat, kelestarian alam sekitar, dan impak ekonomi. Setiap skor yang diperoleh daripada analisis ini membantu koperasi memahami kekuatan dan kelemahan

dalam setiap domain yang diukur, membolehkan koperasi menyusun strategi untuk peningkatan berterusan bagi mencapai sasaran menjadikan koperasi sebagai sebuah organisasi keusahawanan sosial.


4.3.1.1 Skor Indeks Keseluruhan IGK

Dapatan menunjukkan bahawa Skor Indeks keseluruhan IGK adalah 63.46 iaitu berada di tahap sederhana. **Skor tertinggi 66.20 dalam Domain Ekonomi** menunjukkan bahawa koperasi berprestasi agak baik dalam memberikan impak ekonomi kepada anggotanya. Skor Domain Alam Sekitar

iaitu 62.98, menunjukkan komitmen koperasi yang wajar terhadap kelestarian alam sekitar. Skor 61.21 dalam Domain Masyarakat menunjukkan bahawa koperasi telah mencapai tahap sederhana dalam memberi impak positif kepada komuniti.

Jadual 11: Nilai Skor Domain IGK2023

Domain	Nilai Skor
Masyarakat	61.21
Ekonomi	66.20
Alam Sekitar	62.98
Skor Keseluruhan	63.46




Rajah 4: Skor Indeks IGK2023

4.3.1.2 Skor Indeks Domain Masyarakat

Dapatan kajian menunjukkan skor indeks domain masyarakat pada tahap sederhana dengan skor 61.21. Sub domain Masyarakat iaitu **Keharmonian Masyarakat** mencapai skor tertinggi iaitu **74.75 (memuaskan)**. Sementara itu tiga sub domain iaitu Pendidikan (66.25), Penglibatan Masyarakat dalam

Kegiatan Koperasi (64.50), dan Keterjaminan Makanan (60.25) berada di tahap sederhana. Sebaliknya tiga sub domain lagi iaitu Budaya dan Warisan (55.00), Kesihatan Fizikal & Kestabilan Mental (53.00) dan Perumahan (52.75) berada di tahap kurang memuaskan.




Rajah 5: Skor Indeks Domain Masyarakat

4.3.1.3 Skor Indeks Domain Alam Sekitar

Dapatan kajian menunjukkan skor indeks domain Alam Sekitar pada tahap sederhana dengan 61.98. Sub domain Alam Sekitar iaitu **Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar** mencapai skor tertinggi iaitu **70.25 (memuaskan)**.

Sebaliknya dua sub domain lain iaitu Perubahan Iklim (56.00) dan Kerjasama dengan Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar (55.25) berada di tahap kurang memuaskan.




Rajah 6: Skor Indeks Domain Alam Sekitar

4.3.1.4 Skor Indeks Domain Ekonomi

Dapatan kajian menunjukkan Skor Indeks Domain Ekonomi berada di tahap sederhana dengan 66.20. Sub domain ekonomi iaitu **Peluang Pekerjaan Baharu** mencapai skor tertinggi iaitu **71.00 (memuaskan)** disusuli Bantuan

Kepada Anggota dengan skor 68.25 (sederhana), sementara itu dua sub domain lain iaitu Kerjasama Koperasi dan Awam (59.75) dan Bantuan Kepada Masyarakat (55.25) berada di tahap kurang memuaskan.



Rajah 7: Skor Indeks Domain Ekonomi

4.3.2 Perbandingan Sub Domain dengan Kluster Koperasi

Dalam analisis perbandingan sub domain mengikut kluster koperasi, terdapat variasi yang ketara dalam pencapaian berdasarkan saiz dan kapasiti koperasi. Setiap kluster koperasi

(besar, sederhana, kecil, dan mikro) mempunyai cabaran dan kekuatan yang berbeza dalam domain yang dikaji, iaitu Masyarakat, Alam Sekitar, dan Ekonomi.

4.3.2.1 Domain Masyarakat

Jadual 12 merupakan perbandingan skor indeks domain Masyarakat mengikut kluster koperasi. Dapatan menunjukkan koperasi kluster Besar, Sederhana, dan

Kecil mencapai tahap sederhana. Manakala, koperasi kluster Mikro berada pada tahap kurang memuaskan.

Jadual 12: Perbandingan Skor Indeks Domain Masyarakat mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	3.2770	56.93
Kecil	280	3.4372	60.93
Sederhana	355	3.4653	61.63
Besar	202	3.5114	62.79

4.3.2.1.1 Sub Domain Pendidikan

Jadual 13 merupakan perbandingan skor indeks sub-domain Pendidikan mengikut kluster koperasi. Dapatan menunjukkan keempat-empat koperasi kluster iaitu mikro, kecil, sederhana dan besar berada pada tahap sederhana.

Jadual 13: Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Pendidikan Mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	3.5193	62.98
Kecil	280	3.6080	65.20
Sederhana	355	3.6634	66.59
Besar	202	3.7884	69.71

4.3.2.1.2 Sub Domain Kesihatan Fizikal dan Kestabilan Mental

Jadual 14 pula merupakan perbandingan skor indeks sub-domain Kesihatan Fizikal dan Kestabilan Mental dalam Kegiatan Koperasi mengikut kluster koperasi. Dapatan kajian menunjukkan majoriti kluster untuk sub domain ini berada di tahap kurang memuaskan manakala kluster mikro berada di tahap tidak memuaskan.

Jadual 14: Perbandingan Skor Indeks Sub Domain Kesihatan Fizikal dan Kestabilan Mental Mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	2.9704	49.26
Kecil	280	3.1327	53.31
Sederhana	355	3.1352	53.38
Besar	202	3.1779	54.45

Setiap kluster terutamanya kluster mikro perlu melaksanakan tindakan segera bagi sub-domain Kesihatan Fizikal dan Mental. Penambahbaikan ini kritikal sekiranya skor domain

Masyarakat ingin ditambah baik dalam masa yang sama akan meningkatkan skor keseluruhan Indeks Gerakan Koperasi.

4.3.2.1.2.1 Sub Domain Keterjaminan Makanan

Sub-domain seterusnya di bawah Domain Masyarakat ialah Keterjaminan Makanan. Perbandingan skor indeks sub-domain Keterjaminan Makanan mengikut kluster koperasi menunjukkan koperasi Kecil, Sederhana dan Besar

mencapai tahap sederhana. Skor indeks koperasi Mikro berada pada tahap kurang memuaskan. Jadual 15 meringkaskan perbandingan skor indeks sub-domain Keterjaminan Makanan mengikut kluster koperasi.

Jadual 15: Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Keterjaminan Makanan Mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	3.2031	55.08
Kecil	280	3.4240	60.60
Sederhana	355	3.4604	61.51
Besar	202	3.4583	61.46

4.3.2.1.3 Sub Domain Keharmonian Masyarakat

Jadual 16 meringkaskan perbandingan skor indeks sub-domain Keharmonian Masyarakat mengikut kluster koperasi.

Dapatan menunjukkan semua kluster koperasi mencapai tahap memuaskan.

Jadual 16: Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Keharmonian Masyarakat mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	3.9269	73.17
Kecil	280	3.9719	74.30
Sederhana	355	3.9968	74.92
Besar	202	4.0619	76.55

4.3.2.1.4 Sub Domain Perumahan

Jadual 17 pula merupakan perbandingan skor indeks sub-domain Perumahan mengikut kluster koperasi. Dapatan menunjukkan majoriti kluster

untuk sub-domain ini berada di tahap kurang memuaskan manakala kluster mikro berada di tahap tidak memuaskan.

Jadual 17: Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Perumahan Mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	2.8220	45.55
Kecil	280	3.1045	52.61
Sederhana	355	3.1890	54.73
Besar	202	3.2191	55.48

Sekiranya skor indeks domain Masyarakat ingin ditingkatkan, setiap kluster perlu melakukan tindakan secara serius di sub-domain perumahan kerana

masing-masing berada di tahap kurang memuaskan hingga tidak memuaskan terutama sekali kluster mikro.

4.3.2.1.5 Sub Domain Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi

Jadual 18 pula merupakan perbandingan skor indeks sub-domain Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi mengikut kluster koperasi. Dapatan menunjukkan koperasi kluster

Besar, Sederhana dan Kecil mencapai tahap sederhana. Manakala, koperasi kluster Mikro berada pada tahap kurang memuaskan.

Jadual 18: Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi Mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	3.3830	59.58
Kecil	280	3.6236	65.59
Sederhana	355	3.5808	64.52
Besar	202	3.6906	67.27

4.3.2.1.6 Sub Domain Budaya dan Warisan

Jadual 19 pula merupakan keempat-empat koperasi kluster iaitu perbandingan skor indeks sub-domain mikro, kecil, sederhana dan besar budaya dan warisan mengikut kluster berada pada tahap kurang memuaskan. Dapatan menunjukkan

Jadual 19: Perbandingan skor indeks sub-domain Budaya dan Warisan mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	3.1145	52.86
Kecil	280	3.1958	54.90
Sederhana	355	3.2315	55.79
Besar	202	3.1840	54.60

4.3.2.2 Domain Alam Sekitar

Jadual 20 merupakan perbandingan skor indeks domain Alam Sekitar mengikut kluster koperasi. Dapatan menunjukkan kesemua koperasi kluster iaitu Besar, Sederhana, Kecil, dan Mikro mencapai tahap sederhana.

Jadual 20: Perbandingan Skor Indeks Domain Alam Sekitar mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	3.4365	60.91
Kecil	280	3.5240	63.10
Sederhana	355	3.5297	63.24
Besar	202	3.5159	62.90

4.3.2.2.1 Sub Domain Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar

Jadual 21 menunjukkan perbandingan skor indeks sub-domain Pemeliharaan & Pemuliharaan Alam Sekitar mengikut kluster koperasi. Hasil analisis menunjukkan koperasi kluster mikro dan kecil merekodkan skor tahap memuaskan manakala koperasi kluster besar dan sederhana mencatatkan skor tahap sederhana.

Jadual 21: Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	3.8793	71.98
Kecil	280	3.8192	70.48
Sederhana	355	3.7915	69.79
Besar	202	3.7754	69.39

4.3.2.2.2 Sub Domain Perubahan Iklim

Jadual 22 membentangkan dapatan skor berkaitan indeks perubahan iklim. Kesemua kluster koperasi iaitu mikro, kecil, sederhana dan besar merekodkan skor tahap kurang memuaskan. Jika

diteliti dengan lebih spesifik koperasi kluster besar merekodkan skor tertinggi (57.64) manakala koperasi kluster mikro mencatatkan skor terendah (51.12).

Jadual 22: Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Perubahan Iklim mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	3.0451	51.12
Kecil	280	3.2955	57.39
Sederhana	355	3.2558	56.40
Besar	202	3.3056	57.64

4.3.2.2.3 Sub Domain Kerjasama dengan Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar

Dapatan Jadual 23 adalah hasil analisis berkaitan perbandingan skor indeks sub-domain Kerjasama Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar mengikut kluster koperasi. Dapatan yang diperolehi telah menunjukkan bahawa

koperasi kluster besar, sederhana dan kecil mencatatkan skor tahap kurang memuaskan. Hasil analisis juga merekodkan skor tahap tidak memuaskan bagi koperasi kluster mikro.

Jadual 23: Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Kerjasama dengan Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	2.9938	49.85
Kecil	280	3.2289	55.72
Sederhana	355	3.2679	56.70
Besar	202	3.2565	56.41

4.3.2.3 Domain Ekonomi

Jadual 24 merupakan perbandingan skor indeks domain Ekonomi mengikut kluster koperasi. Dapatan menunjukkan koperasi kluster Besar, Sederhana, dan

Kecil mencapai tahap sederhana. Manakala, koperasi kluster Mikro berada pada tahap kurang memuaskan.

Jadual 24: Perbandingan Skor Indeks Domain Ekonomi mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	3.2083	55.21
Kecil	280	3.4610	61.53
Sederhana	355	3.5135	62.84
Besar	202	3.6531	66.33

4.3.2.3.1 Sub Domain Peluang Pekerjaan Baharu

Jadual 25 merupakan perbandingan skor indeks sub-domain peluang pekerjaan baharu mengikut kluster koperasi. Dapatan menunjukkan koperasi kluster

mikro berada pada tahap sederhana. Manakala, koperasi kluster kecil, sederhana, dan besar mencapai tahap memuaskan.

Jadual 25: Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Peluang Pekerjaan Baharu mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	3.5190	62.98
Kecil	280	3.8307	70.77
Sederhana	355	3.8761	71.90
Besar	202	4.0183	75.46

4.3.2.3.2 Sub Domain Kerjasama Koperasi dan Awam

Jadual 26 pula merupakan koperasi kluster mikro dan kecil berada perbandingan skor indeks sub-domain pada tahap kurang memuaskan. Kerjasama Koperasi & Awam mengikut Manakala, koperasi kluster sederhana kluster koperasi. Dapatan menunjukkan dan besar mencapai tahap sederhana.

Jadual 26: Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Kerjasama Koperasi & Awam mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	3.0805	52.01
Kecil	280	3.3539	58.85
Sederhana	355	3.4195	60.49
Besar	202	3.5726	64.32

4.3.2.3.3 Sub Domain Bantuan Kepada Anggota

Jadual 27 pula merupakan koperasi kluster Mikro dan kecil berada perbandingan skor indeks sub-domain pada tahap kurang memuaskan. Bantuan Kepada Anggota mengikut Manakala, koperasi kluster Sederhana kluster koperasi. Dapatan menunjukkan dan Besar mencapai tahap sederhana

Jadual 27: Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Bantuan Kepada Anggota mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	3.0805	52.01
Kecil	280	3.3539	58.85
Sederhana	355	3.4195	60.49
Besar	202	3.5726	64.31

4.3.2.3.4 Sub Domain Bantuan Kepada Masyarakat

Jadual 28 merupakan perbandingan skor indeks sub-domain Bantuan Kepada Masyarakat mengikut kluster koperasi. Dapatan menunjukkan koperasi kluster Mikro berada pada tahap tidak memuaskan. Manakala, koperasi kluster Kecil, Sederhana, dan Besar mencapai tahap kurang memuaskan.

Jadual 28: Perbandingan Skor Indeks Sub-Domain Bantuan Kepada Masyarakat mengikut Kluster Koperasi

Kluster	n	Min	Skor
Mikro	147	2.9524	48.81
Kecil	280	3.1917	54.79
Sederhana	355	3.2441	56.10
Besar	202	3.3573	58.93

4.3.3 Dapatan Kajian Sub Domain

Dalam kajian yang dijalankan, setiap sub domain yang terlibat dalam penilaian Indeks Gerakan Koperasi (IGK) menunjukkan variasi yang signifikan dalam bilangan item sebelum dan selepas proses *Exploratory Factor Analysis* (EFA). Dapatan ini membantu

memperjelaskan struktur pengukuran dalam setiap sub domain, seterusnya memberikan panduan untuk penambahbaikan dalam pelaksanaan strategi koperasi yang lebih efektif dan berkesan.

4.3.3.1 Domain Masyarakat

Domain Masyarakat dalam Indeks Gerakan Koperasi (IGK) merangkumi pelbagai aspek penting yang mencerminkan kesejahteraan sosial dan kualiti hidup anggota yang terlibat dalam koperasi. Analisis bagi setiap sub domain dalam domain ini membantu memahami kekuatan dan cabaran yang dihadapi oleh koperasi dalam memenuhi keperluan anggota dan masyarakat.



4.3.3.1.1 Sub Domain Pendidikan

Jadual 29 meringkaskan taburan sub-domain Masyarakat ke arah keusahawanan sosial iaitu Pendidikan. Dapatan kajian mendapati bahawa dalam subdomain Pendidikan, terdapat beberapa item yang mencatatkan tahap kepuasan yang berbeza-beza dalam kalangan anggota koperasi. Item yang mencatatkan skor tertinggi ialah "menggalakkan anggota untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka melalui kursus dan bengkel," dengan min 4.09 dan sisihan piawai 0.946. Ini diikuti oleh item "memastikan bahawa anggota berpeluang mendapat bimbingan berkaitan pendidikan koperasi" dengan min 3.90 dan sisihan piawai 0.993, di mana responden bersetuju atau sangat bersetuju.

Sebaliknya, item yang mencatatkan skor terendah ialah "mengadakan ceramah/seminar atau forum ilmu untuk

meningkatkan pengetahuan masyarakat," dengan min 3.34 dan sisihan piawai 1.244, iaitu responden bersetuju atau sangat bersetuju dengan item ini. Selain itu, item "mempunyai sumber dan bahan pendidikan yang boleh diakses oleh anggota" juga mencatatkan skor rendah, dengan min 3.36 dan sisihan piawai 1.191, di mana responden bersetuju atau sangat bersetuju.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa usaha menggalakkan peningkatan pengetahuan dan kemahiran melalui kursus dan bengkel mendapat sambutan baik, manakala usaha mengadakan ceramah atau seminar serta menyediakan bahan pendidikan perlu dipertingkatkan untuk mencapai tahap kepuasan yang lebih tinggi dalam kalangan anggota koperasi.

Jadual 29: Item Sub Domain Pendidikan (n=991)

ITEM	STS	TS	TP	S	SS	N	Min	SP
1. menggalakkan anggota untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka melalui kursus dan bengkel	2.3	3.6	15.6	39.2	39.3	991	4.09	.946
2. memastikan bahawa anggota berpeluang mendapat bimbingan berkaitan pendidikan koperasi	3.1	5.5	19.7	42.0	29.7	991	3.90	.993
3. menyediakan peluang pendidikan dan latihan untuk anggota	3.7	5.8	21.6	38.1	30.8	991	3.86	1.036
4. memberi penekanan kepada pendidikan berterusan dan pembelajaran sepanjang hayat	5.5	6.2	23.1	36.6	28.6	991	3.76	1.099
5. menyediakan khidmat nasihat perundingan kepada anggota	6.0	8.4	21.0	38.5	26.1	991	3.71	1.121
6. mengadakan ceramah/ seminar atau forum ilmu untuk meningkatkan pengetahuan anggota	6.9	8.8	21.2	35.7	27.4	991	3.68	1.164
7. menjalinkan kerjasama dengan institusi pendidikan tempatan untuk meningkatkan kualiti pendidikan yang diberikan kepada anggota	6.9	9.4	23.2	33.2	27.3	991	3.65	1.173
8. menggalakkan masyarakat untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka melalui kursus dan bengkel	7.1	9.1	22.4	36.1	25.2	991	3.63	1.162
9. menjalinkan kerjasama dengan institusi pendidikan tempatan untuk meningkatkan kualiti pendidikan yang diberikan kepada masyarakat	8.3	12.3	26.6	31.4	21.4	991	3.45	1.192
10. menyediakan peluang pendidikan dan latihan untuk masyarakat	9.0	12.4	27.2	31.9	19.5	991	3.40	1.191
11. mempunyai sumber dan bahan pendidikan yang boleh diakses oleh anggota	9.0	13.9	28.1	30.6	18.5	991	3.36	1.191

12. mengadakan ceramah/ seminar atau forum ilmu untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat	10.8	13.9	25.6	29.9	19.8	991	3.34	1.244
---	------	------	------	------	------	-----	------	-------

4.3.3.1.2 Sub Domain Kesihatan Fizikal dan Kestabilan Mental

Jadual 30 menunjukkan dapatan bagi sub domain Kesihatan Fizikal dan Kestabilan Mental di mana data menggambarkan majoriti (12 item) berada di tahap sederhana dengan skor min di antara 3.42 dan 3.00 kecuali dua item iaitu “berkongsi maklumat berkaitan agensi dan NGO yang boleh

membantu masyarakat setempat yang mengalami kesihatan mental”(M=2.94, SP= 1.28) dan “mengadakan program kemahiran mengurus berkaitan kesihatan mental kepada masyarakat” (M=2.90, SP=1.26) yang berada di tahap rendah.

Jadual 30: Item Sub Domain Kesihatan Fizikal dan Kestabilan Mental

ITEM	STS	TS	TP	S	SS	N	Min	SP
1. memberikan bantuan kepada anggota yang mengalami masalah kesihatan fizikal (cth:kerusi roda/ katil hospital/ tongkat)	15.5	18.1	26.8	22.7	16.9	991	3.42	1.274
2. bekerjasama dengan agensi kerajaan/ NGO untuk program penerangan berkaitan kepentingan kesihatan fizikal dan mental kepada anggota setempat	10.7	12.7	26.5	30.6	19.5	991	3.35	1.231
3. bekerjasama dengan agensi kerajaan/ NGO untuk program penerangan berkaitan kepentingan kesihatan fizikal dan mental kepada masyarakat setempat	12.7	14.9	28.3	27.3	16.8	991	3.20	1.249

4. mengadakan inisiatif program/ aktiviti untuk anggota setempat untuk pemeriksaan kesihatan percuma secara berkala	14.0	15.8	26.5	25.9	17.7	991	3.17	1.287
5. memberikan penerangan berkaitan makanan seimbang kepada anggota dengan kerjasama pihak agensi kerajaan/ NGO	14.7	14.2	26.4	28.5	16.1	991	3.17	1.278
6. menyediakan kemudahan seperti kawasan, peralatan, dan infrastruktur untuk beriadah bagi anggota setempat	14.6	15.0	27.0	25.8	17.5	991	3.16	1.291
7. berkongsi maklumat berkaitan agensi dan NGO yang boleh membantu anggota setempat yang mengalami kesihatan mental (Contoh: talian kasih 15999, HEAL 15555)	15.5	15.3	27.2	26.4	15.4	991	3.11	1.283
8. mengadakan program kemahiran mengurus berkaitan kesihatan mental kepada anggota	15.4	16.0	26.9	26.3	15.2	991	3.10	1.282
9. memberikan bantuan kepada masyarakat yang mengalami masalah kesihatan fizikal (cth:kerusi roda/ katil hospital/ tongkat)	15.5	18.1	26.8	22.7	16.9	991	3.07	1.304
10. mengadakan inisiatif program/ aktiviti untuk masyarakat setempat untuk pemeriksaan kesihatan percuma secara berkala	16.2	17.3	28.9	21.6	16.0	991	3.04	1.296
11. memberikan penerangan berkaitan makanan seimbang kepada masyarakat dengan kerjasama pihak agensi kerajaan/ NGO	16.4	17.5	28.8	23.9	13.4	991	3.00	1.269
12. menyediakan kemudahan seperti kawasan, peralatan, dan infrastruktur untuk beriadah bagi masyarakat setempat	17.1	17.7	27.4	23.5	14.3	991	3.00	1.292

13. berkongsi maklumat berkaitan agensi dan NGO yang boleh membantu masyarakat setempat yang mengalami kesihatan mental (Contoh: talian kasih 15999, HEAL 15555)	18.1	17.8	28.8	22.8	12.6	991	2.94	1.277
14. mengadakan program kemahiran mengurus berkaitan kesihatan mental kepada masyarakat	18.2	19.7	28.7	21.0	12.5	991	2.90	1.275

4.3.3.1.3 Sub Domain Keterjaminan Makanan

Daripada Jadual 31, semua item yang dinilai mendapat skor min sederhana ($M=2.34-3.669$) berdasarkan skala Likert 5-mata. Tiga skor min sederhana tertinggi dicatatkan pada item “mengalakkan penyediaan makanan yang selamat kepada keluarga anggota” ($M=3.61$; $SP=1.206$); “menggalakkan penyertaan golongan muda dalam sektor pertanian” ($M=3.59$; $SP=1.260$); dan “menggalakkan penanaman sayur-sayuran/ buah-buahan” ($M=3.52$;

$SP=1.283$). Manakala, tiga skor min sederhana terendah ditunjukkan pada item “membantu anggota mengurangkan beban kewangan disebabkan peningkatan harga makanan” ($M=3.34$; $SP=1.267$); “menyediakan inisiatif pembangunan projek pertanian berkelompok untuk anggota yang berminat” ($M=3.28$; $SP=1.304$); dan “menyediakan bantuan modal untuk aktiviti pertanian” ($M=3.12$; $SP=1.321$).

Jadual 31: Item Sub Domain Keterjaminan Makanan

ITEM	STS	TS	TP	S	SS	N	Min	SP
1. menggalakkan penyediaan makanan yang selamat kepada keluarga anggota	8.7	8.0	23.5	33.0	26.8	991	3.61	1.206
2. menggalakkan penyertaan golongan muda dalam sektor pertanian	10.1	8.7	21.2	31.8	28.3	991	3.59	1.260
3. menggalakkan penanaman sayur-sayuran/ buah-buahan	11.8	8.3	22.1	31.8	26.0	991	3.52	1.283
4. menggalakkan penyediaan makanan yang selamat kepada keluarga masyarakat	11.3	10.8	25.7	29.4	22.8	991	3.42	1.263
5. membantu anggota mengurangkan beban kewangan disebabkan peningkatan harga makanan	12.0	11.6	28.1	27.0	21.3	991	3.34	1.267
6. menyediakan inisiatif pembangunan projek pertanian berkelompok untuk anggota yang berminat	14.3	11.7	25.2	28.7	20.1	991	3.28	1.304
7. menyediakan bantuan modal untuk aktiviti pertanian	16.3	14.8	26.7	24.2	17.9	991	3.12	1.321

4.3.3.1.4 Sub Domain Keharmonian Masyarakat

Daripada tujuh item yang dinilai, enam item mencatatkan skor min kesediaan ke arah keusahawanan sosial yang tinggi (M=3.67-5.00). Tiga item tertinggi ditunjukkan pada item “menghulurkan bantuan kepada anggota yang ditimpa musibah” (M=4.30; SP=.839); diikuti “melayani anggota secara adil (contoh: tidak pilih kasih dalam pemberian

bantuan)” (M=4.28; SP=.895) dan “tidak meminggirkan mana-mana anggota mengikut kelompok tertentu” (M=4.20; SP=.933). Hanya satu item yang dinilai menunjukkan skor min sederhana iaitu “menghargai sumbangan masyarakat dengan memberi pengiktirafan yang wajar” (M=3.64; SP=1.168).

Jadual 32: Item Sub Domain Keharmonian Masyarakat

ITEM	STS	TS	TP	S	SS	N	Min	SP
1. menghulurkan bantuan kepada anggota yang ditimpa musibah	0.8	2.5	12.2	34.5	49.9	991	4.30	.839
2. melayani anggota secara adil (cth: tidak pilih kasih dalam pemberian bantuan)	1.7	2.4	12.4	33.2	50.3	991	4.28	.895
3. tidak meminggirkan mana-mana anggota mengikut kelompok tertentu	2.4	2.2	14.3	35.2	45.8	991	4.20	.933
4. menghargai sumbangan anggota dengan memberi pengiktirafan yang wajar	2.8	4.1	17.1	37.7	38.2	991	4.04	.986
5. meraikan kepelbagaian masyarakat berbilang etnik	4.2	4.0	18.0	35.8	37.9	991	3.99	1.050
6. melayani masyarakat secara adil (cth: tidak pilih kasih dalam pemberian bantuan)	6.3	5.4	18.8	32.1	37.4	991	3.89	1.154
7. menghargai sumbangan masyarakat dengan memberi pengiktirafan yang wajar	7.4	7.6	25.5	32.5	27.0	991	3.64	1.168

4.3.3.1.5 Sub Domain Perumahan

Jadual 33 menunjukkan dapatan 12 item bagi sub-domain Perumahan di mana tahap kepuasan berada di antara sederhana dan tidak memuaskan. Item yang mencatatkan skor tertinggi ialah "mengambil berat terhadap anggota yang masih tidak mempunyai tempat tinggal," dengan min 3.42 dan sisihan piawai 1.230. Ini diikuti oleh item

"mewujudkan pelbagai inisiatif bagi membantu anggota memiliki tempat tinggal" dengan min 3.32 dan sisihan piawai 1.251, sebaliknya, item yang mencatatkan skor terendah ialah "memastikan pemilikan tempat tinggal masyarakat merupakan sebahagian agenda koperasi," dengan min 2.94 dan sisihan piawai 1.284. Selain itu, item

"bekerjasama dengan pihak institusi kewangan untuk skim perumahan mampu milik masyarakat setempat" juga mencatatkan skor rendah, dengan

min 2.94 dan sisihan piawai 1.315, di mana ALK bersetuju atau sangat bersetuju.

Jadual 33: Item Sub Domain Perumahan

ITEM	STS	TS	TP	S	SS	N	Min	SP
1. mengambil berat terhadap anggota yang masih tidak mempunyai tempat tinggal	9.9	11.1	28.7	27.7	22.6	991	3.42	1.230
2. mewujudkan pelbagai inisiatif bagi membantu anggota memiliki tempat tinggal	11.7	12.6	27.6	28.4	19.7	991	3.32	1.251
3. berkolaborasi dengan pihak berkuasa tempatan dan pihak yang berkaitan dalam usaha memberikan maklumat perumahan untuk anggota	14.7	12.9	28.9	24.2	19.3	991	3.20	1.301
4. memastikan pemilikan tempat tinggal anggota merupakan sebahagian agenda koperasi	14.7	15.0	28.4	23.2	18.7	991	3.16	1.302
5. memberikan penerangan berkaitan rumah mampu milik kepada anggota setempat	16.4	13.1	28.8	23.2	18.5	991	3.14	1.320
6. mengambil berat terhadap masyarakat yang masih tidak mempunyai tempat tinggal	14.6	14.1	32.8	21.9	16.5	991	3.12	1.263
7. bekerjasama dengan pihak institusi kewangan untuk skim perumahan mampu milik anggota setempat	18.2	13.7	28.7	22.1	17.4	991	3.07	1.333
8. berkolaborasi dengan pihak berkuasa tempatan dan pihak yang berkaitan dalam usaha memberikan maklumat perumahan untuk masyarakat	16.6	15.1	31.1	21.2	15.9	991	3.05	1.291
9. mewujudkan pelbagai inisiatif bagi membantu masyarakat memiliki tempat tinggal	16.3	15.1	33.1	20.2	15.2	991	3.03	1.272

10. memberikan penerangan berkaitan rumah mampu milik kepada masyarakat setempat	18.5	15.3	30.3	20.1	15.8	991	2.99	1.315
11. bekerjasama dengan pihak institusi kewangan untuk skim perumahan mampu milik masyarakat setempat	19.4	16.3	29.9	19.5	14.9	991	2.94	1.315
12. memastikan pemilikan tempat tinggal masyarakat merupakan sebahagian agenda koperasi	18.3	16.8	32.1	18.8	14.1	991	2.94	1.284

4.3.3.1.6 Sub Domain Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi

Jadual 34 meringkaskan taburan sub-domain Masyarakat bagi IGK 2023 ke arah keusahawanan sosial iaitu Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi. Analisis deskriptif ke atas 10 item menunjukkan gerakan koperasi di Malaysia bersedia di tahap paling tinggi untuk menerima maklum balas berkaitan aktiviti koperasi daripada masyarakat ($M=3.89$; $SP=1.026$). Ini ditunjukkan dengan peratusan majoriti ALK yang bersetuju dengan kenyataan ini.

Majoriti ALK turut bersedia untuk menghulurkan bantuan kepada masyarakat yang ditimpa musibah

($M=3.80$; $SP=1.153$). Manakala, baki lapan item menunjukkan skor min sederhana di antara ($M=2.34 - 3.669$) dengan tiga skor sederhana yang terendah dicatatkan pada item “mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat untuk kebanyakan acara atau inisiatif berkaitan koperasi” ($M=3.50$; $SP=1.173$); “mendapat sokongan daripada masyarakat dalam bentuk masa/wang/ sumber lain untuk aktiviti koperasi” ($M=3.40$; $SP=1.273$); dan “mengadakan mesyuarat berkaitan aktiviti koperasi secara berkala bersama wakil masyarakat” ($M=3.31$; $SP=1.239$).

Jadual 34: Item Sub Domain Penglibatan Masyarakat Dalam Kegiatan Koperasi

ITEM	STS	TS	TP	S	SS	N	Min	SP
1. bersedia menerima maklum balas berkaitan aktiviti koperasi daripada masyarakat	4.3	4.3	19.8	41.3	30.3	991	3.89	1.026
2. menghulurkan bantuan kepada masyarakat yang ditimpa musibah	6.3	6.9	20.5	33.7	32.7	991	3.80	1.153
3. bekerjasama dengan entiti lain (cth: badan korporat/ NGO dll) dalam projek kemasyarakatan	8.3	7.2	22.3	36.6	25.6	991	3.64	1.176
4. menyediakan jawatankuasa yang menyelaraskan aktiviti kemasyarakatan	8.3	8.8	24.0	31.7	27.2	991	3.61	1.207
5. melibatkan sebahagian masyarakat dalam kebanyakan acara dan aktiviti	8.0	9.4	22.1	35.6	24.9	991	3.60	1.186
6. menggalakkan masyarakat terlibat dalam program khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh koperasi	9.0	8.7	23.3	35.7	23.3	991	3.56	1.194
7. menganjurkan aktiviti gotong royong secara berkala	7.6	11.0	25.4	32.0	24.0	991	3.54	1.185
8. mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat untuk kebanyakan acara atau inisiatif berkaitan koperasi	8.4	9.9	25.8	34.7	21.2	991	3.50	1.173
9. mendapat sokongan daripada masyarakat dalam bentuk masa/ wang/sumber lain untuk aktiviti koperasi	11.8	11.4	24.2	30.5	22.1	991	3.40	1.273
10. mengadakan mesyuarat berkaitan aktiviti koperasi secara berkala bersama wakil masyarakat	10.6	14.9	26.1	29.2	19.2	991	3.31	1.239

4.3.3.1.7 Sub Domain Budaya dan Warisan

Jadual 35 meringkaskan taburan sub-domain Masyarakat ke arah keusahawanan sosial iaitu Budaya dan Warisan. Dapatan kajian mendapati bahawa dalam sub-domain Budaya dan Warisan, tahap kepuasan anggota koperasi berbeza-beza berdasarkan item yang dikaji. Item yang mencatatkan skor tertinggi adalah "menggalakkan sambutan festival budaya dan tradisi tempatan" dengan min 3.37 dan sisihan piawai 1.231. Ini menunjukkan bahawa inisiatif untuk menggalakkan sambutan festival budaya dan tradisi tempatan diterima baik oleh anggota koperasi, walaupun terdapat ruang untuk peningkatan. Item "mendidik anggota tentang budaya tempatan" turut mencatatkan skor yang hampir sama, dengan min 3.33 dan sisihan piawai 1.206, menunjukkan kepentingan pendidikan budaya dalam kalangan anggota koperasi.

Sebaliknya, item yang mencatatkan skor terendah adalah "mempromosikan

budaya dan warisan tempatan secara berkala (cth: seni dan kraf tempatan)" dengan min 3.04 dan sisihan piawai 1.262. Ini diikuti oleh item "aktif dalam usaha memelihara warisan dan tradisi tempatan" yang mencatatkan min 3.07 dan sisihan piawai 1.269. Kedua-dua item ini menunjukkan bahawa usaha mempromosikan dan memelihara budaya serta warisan tempatan masih belum mencapai tahap kepuasan yang diinginkan dalam kalangan anggota koperasi.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat usaha yang positif dalam menggalakkan sambutan festival budaya dan mendidik anggota tentang budaya tempatan, masih terdapat keperluan untuk memperkukuhkan usaha mempromosikan dan memelihara budaya serta warisan tempatan secara berkala. Inisiatif ini perlu diberi perhatian serius untuk memastikan budaya dan warisan tempatan dapat

terus dipelihara dan dihargai oleh anggota koperasi dan masyarakat keseluruhan.

Jadual 35: Item Sub-Domain Budaya & Warisan

ITEM	STS	TS	TP	S	SS	N	Min	SP
1. menggalakkan sambutan festival budaya dan tradisi tempatan	11.3	9.9	29.1	29.6	20.2	991	3.37	1.231
2. mendidik anggota tentang budaya tempatan	10.8	11.8	28.9	31.1	17.5	991	3.33	1.206
3. mencerminkan kepelbagaian budaya dalam masyarakat melalui aktiviti yang dijalankan oleh koperasi	13.5	12.3	29.9	28.4	15.9	991	3.21	1.242
4. mendidik masyarakat tentang budaya tempatan	14.1	14.0	30.0	25.7	16.1	991	3.16	1.259
5. aktif dalam usaha memelihara warisan dan tradisi tempatan	16.1	14.4	30.0	25.1	14.3	991	3.07	1.269
6. mempromosikan budaya dan warisan tempatan secara berkala (cth: seni dan kraf tempatan)	16.2	15.2	30.7	24.1	13.7	991	3.04	1.262

4.3.3.2 Domain Alam Sekitar

Domain Alam Sekitar dalam Indeks Gerakan Koperasi (IGK) menilai sejauh mana koperasi memainkan peranan dalam melindungi dan memelihara alam sekitar. Analisis terhadap sub domain dalam domain ini memberikan gambaran tentang bagaimana koperasi berusaha untuk mencapai kelestarian dan menangani isu-isu alam sekitar yang kritikal.



4.3.3.2.1 Sub Domain Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar

Jadual 36 menunjukkan lapan item yang dikaji bagi sub-domain pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Analisis deskriptif menunjukkan bahawa tujuh item merekodkan min skor tahap tinggi manakala baki satu item merekodkan min skor tahap rendah. Selain itu hasil analisis memaklumkan min skor tertinggi ($M = 3.97$; $SP = 1.09$) direkodkan item 'menggalakkan penjimatan tenaga elektrik' dan min skor kedua tertinggi direkodkan item

'menggalakkan penggunaan air secara berhemah' ($n = 3.93$; $SP = 1.12$). Item berkaitan 'menggalakkan penggunaan teknologi hijau sekiranya bersesuaian' ($M = 3.83$; $SP = 1.15$), merekodkan min skor ketiga tertinggi. Dua item yang merekodkan min skor terendah ialah 'mengadakan aktiviti alam sekitar secara berkala (gotong-royong)' ($M = 3.66$; $SP = 1.19$) dan item berkaitan 'mengurangkan aktiviti penggunaan plastik' ($M = 3.75$; $SP = 1.16$).

Jadual 36: Item Sub Domain Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar

ITEM	STS	TS	TP	S	SS	N	Min	SP
1. menggalakkan penjimatan tenaga elektrik	5.2	3.9	18.0	34.6	38.2	991	3.97	1.092
2. menggalakkan penggunaan air secara berhemah	6.1	3.9	18.2	35.1	36.7	991	3.93	1.117
3. menggalakkan penggunaan teknologi hijau sekiranya bersesuaian	7.1	4.6	19.7	35.7	32.9	991	3.83	1.148
4. melarang anggota untuk melakukan pembakaran terbuka	8.8	6.8	19.8	29.6	35.1	991	3.81	1.180
5. menggalakkan aktiviti kitar semula	6.8	7.3	20.7	33.7	31.6	991	3.76	1.169
6. melarang anggota untuk meneroka kawasan hutan secara haram	6.9	6.5	20.1	31.7	34.9	991	3.75	1.245
7. mengurangkan aktiviti penggunaan plastik	6.8	6.2	23.0	33.0	31.1	991	3.75	1.156
8. mengadakan aktiviti alam sekitar secara berkala (gotong royong)	7.4	8.0	23.8	32.5	28.4	991	3.66	1.180

4.3.3.2.2 Sub Domain Perubahan Iklim

Jadual 37 memberikan fokus kepada 11 item yang dikaji di bawah sub-domain perubahan iklim. Kesemua 11 item yang dikaji merekodkan min skor tahap sederhana. Min skor tertinggi direkodkan item 'membantu anggota membuat persediaan menghadapi bencana alam seperti banjir' ($M = 3.38$; $SP = 1.27$), ini diikuti item berkaitan dengan 'berkongsi maklumat berkaitan

kesan perubahan iklim terhadap aktiviti koperasi' ($M = 3.38$; $SP = 1.26$) dan item berkaitan dengan 'memaklumkan kepada anggota tentang pemanasan global' ($M = 3.35$; $SP = 1.25$). Item 'membantu masyarakat merangka strategi adaptasi terhadap kesan perubahan iklim' ($M = 3.08$; $SP = 1.27$) dan item 'memaklumkan kepada masyarakat tentang punca perubahan

iklim" ($M = 3.12$; $SP = 1.27$) adalah dua item yang merekodkan min skor terendah.

Jadual 37: Item Sub Domain Perubahan Iklim

ITEM	STS	TS	TP	S	SS	N	Min	SP
1. membantu anggota membuat persediaan menghadapi bencana alam seperti banjir	12.1	11.1	25.3	29.9	21.6	991	3.38	1.272
2. berkongsi maklumat berkaitan kesan perubahan iklim terhadap aktiviti koperasi	11.6	11.0	27.0	29.0	21.4	991	3.38	1.257
3. memaklumkan kepada anggota tentang pemanasan global	11.5	11.8	26.7	29.9	20.1	991	3.35	1.248
4. memaklumkan kepada anggota tentang kesan perubahan iklim dalam kehidupan	11.2	12.6	27.5	27.9	20.8	991	3.34	1.252
5. memaklumkan kepada anggota tentang punca perubahan iklim	11.6	12.6	28.5	27.1	20.2	991	3.32	1.253
6. membantu masyarakat membuat persediaan menghadapi bencana alam seperti banjir	13.8	13.2	28.8	24.7	19.5	991	3.23	1.289
7. membantu anggota merangka strategi adaptasi terhadap kesan perubahan iklim	15.4	14.8	32.3	21.6	15.8	991	3.22	1.262
8. memaklumkan kepada masyarakat tentang pemanasan global	14.7	14.1	30.3	23.4	17.5	991	3.15	1.282
9. memaklumkan kepada masyarakat tentang kesan perubahan iklim dalam kehidupan	14.7	14.1	31.0	23.1	17.1	991	3.14	1.275
10. memaklumkan kepada masyarakat tentang punca perubahan iklim	14.6	14.5	31.5	22.9	16.4	991	3.12	1.267
11. membantu masyarakat merangka strategi adaptasi terhadap kesan perubahan iklim	15.4	14.8	32.3	21.6	15.8	991	3.08	1.269

4.3.3.2.3 Sub Domain Kerjasama dengan Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar

Jadual 38 menunjukkan 10 item yang dikaji di bawah sub-domain ini. Hasil analisis menunjukkan bahawa kesemua 10 item merekodkan min skor tahap sederhana. Tiga item yang mencatatkan min skor tertinggi ialah item berkaitan 'menggalakkan anggota untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar' ($M = 3.52$; $SP = 1.23$), 'memberi pendedahan kepada anggota tentang cara pembuangan sampah dengan

betul' ($M = 3.49$; $SP = 1.25$) dan 'menggalakkan kerjasama penyelidikan berkaitan kelestarian alam sekitar di antara penyelidik tempatan dan warga koperasi' ($M = 3.40$; $SP = 1.27$). Hasil analisis menunjukkan dua item mencatatkan min skor terendah iaitu 'mengadakan kempen pengurangan pelepasan gas karbon ke udara' ($M = 2.90$; $SP = 1.32$) dan item 'menganjurkan aktiviti membersihkan tasik/ sungai/ pantai' ($M = 2.92$; $SP = 1.32$).

Jadual 38: Item Sub Domain Kerjasama dengan Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar

ITEM	STS	TS	TP	S	SS	N	Min	SP
1. menggalakkan anggota untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar	10.3	8.6	23.2	34.4	23.5	991	3.52	1.229
2. memberi pendedahan kepada anggota tentang cara pembuangan sampah dengan betul	10.0	10.9	23.2	31.8	24.1	991	3.49	1.245
3. menggalakkan kerjasama penyelidikan berkaitan kelestarian alam sekitar di antara penyelidik tempatan dan warga koperasi	12.2	9.4	27.0	29.4	22.0	991	3.40	1.265

4. menggalakkan masyarakat untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar	12.2	11.0	24.9	30.9	21.0	991	3.37	1.268
5. memberi pendedahan kepada masyarakat tentang cara pembuangan sampah dengan betul	12.1	12.3	26.3	27.3	21.9	991	3.35	1.280
6. berkongsi maklumat koperasi yang relevan dengan penyelidik tempatan	12.8	11.0	27.6	28.5	20.1	991	3.32	1.269
7. bekerjasama dengan penyelidik tempatan untuk memohon geran penyelidikan yang berkaitan dengan kelestarian alam sekitar daripada penaja yang berpotensi	17.1	15.0	29.5	21.9	16.5	991	3.06	1.308
8. menyediakan geran penyelidikan berkaitan kelestarian alam sekitar untuk penyelidik tempatan	19.7	15.7	29.2	20.3	15.1	991	2.95	1.324
9. menganjurkan aktiviti membersihkan tasik/sungai/ pantai	20.0	16.6	28.8	20.5	14.1	991	2.92	1.316
10. mengadakan kempen pengurangan pelepasan gas karbon ke udara	20.4	17.1	29.1	19.3	14.2	991	2.90	1.319

4.3.3.3 Domain Ekonomi

Domain Ekonomi dalam Indeks Gerakan Koperasi (IGK) menilai peranan koperasi dalam menyokong dan memajukan aspek ekonomi anggota dan masyarakat. Setiap sub domain di bawah domain ini memberikan pandangan yang lebih terperinci mengenai fungsi koperasi menyumbang kepada peluang ekonomi dan sokongan kewangan bagi anggota dan masyarakat.



4.3.3.3.1 Sub Domain Peluang Pekerjaan Baharu

Kajian ini mendapati bahawa dalam subdomain Peluang Pekerjaan Baharu, terdapat beberapa item yang mencatatkan tahap kepuasan yang berbeza-beza dalam kalangan anggota koperasi. Item yang mencatatkan skor tertinggi ialah "berusaha mempelbagaikan aktiviti perniagaan sedia ada dalam kalangan anggota," dengan min 4.20 dan sisihan piawai 0.895. Peratusan responden yang

bersetuju atau sangat bersetuju dengan item ini adalah 81.7%, menunjukkan bahawa inisiatif ini diterima sangat baik oleh anggota koperasi. Ini diikuti oleh item "meningkatkan tahap pengeluaran atau memperluaskan perkhidmatan dari semasa ke semasa" dengan min 4.17 dan sisihan piawai 0.907, di mana 80.8% responden bersetuju atau sangat bersetuju.

Item "menggunakan tenaga kerja tempatan untuk meningkatkan skala perniagaan" mencatatkan min 3.91 dan sisihan piawai 1.102, dengan 71.4% responden bersetuju atau sangat bersetuju. Selain itu, item "menjalankan aktiviti perniagaan yang menjana pendapatan kepada anggota" juga mendapat sambutan baik dengan min 3.90 dan sisihan piawai 1.110, serta 69.9% responden yang bersetuju atau sangat bersetuju.

Sebaliknya, item yang mencatatkan skor terendah ialah "menyediakan sumber/nasihat kepada anggota yang ingin memulakan perniagaan sendiri," dengan min 3.54 dan sisihan piawai 1.224. Hanya 56.2% responden bersetuju atau sangat bersetuju dengan item ini. Selain itu, item "banyak menggunakan sumber tempatan (bahan mentah) untuk pengeluaran produk atau perkhidmatan" juga mencatatkan skor rendah, dengan min 3.60 dan sisihan

piawai 1.206, di mana hanya 57.2% responden bersetuju atau sangat bersetuju. Item "bekerjasama dengan NGO / ketua masyarakat tempatan untuk menganjurkan aktiviti perniagaan baharu" mencatatkan min 3.60 dan sisihan piawai 1.209, dengan 57.9% responden yang bersetuju atau sangat bersetuju.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa usaha mempelbagaikan aktiviti perniagaan sedia ada dan meningkatkan tahap pengeluaran atau memperluaskan perkhidmatan mendapat sambutan yang sangat baik, manakala usaha menyediakan sumber dan nasihat kepada anggota yang ingin memulakan perniagaan sendiri serta menggunakan sumber tempatan untuk pengeluaran produk atau perkhidmatan perlu dipertingkatkan untuk mencapai tahap kepuasan yang lebih tinggi di kalangan anggota koperasi.

Jadual 39: Item Sub Domain Peluang Pekerjaan Baharu

ITEM	STS	TS	TP	S	SS	N	Min	SP
1. berusaha mempelbagaikan aktiviti perniagaan sedia ada dalam kalangan anggota	1.7	2.6	13.9	37.5	44.2	991	4.20	.895
2. meningkatkan tahap pengeluaran atau memperluaskan perkhidmatan dari semasa ke semasa	2.1	2.1	14.9	38.1	42.7	991	4.17	.907
3. menggunakan tenaga kerja tempatan untuk meningkatkan skala perniagaan	5.4	4.7	18.4	35.8	35.6	991	3.91	1.102
4. menjalankan aktiviti perniagaan yang menjana pendapatan kepada anggota	5.1	5.5	19.4	33.7	36.2	991	3.90	1.110
5. membangunkan produk atau perkhidmatan baharu secara berkala	4.7	5.1	20.1	36.3	33.7	991	3.89	1.077
6. berusaha mencari pasaran baharu di peringkat tempatan dan antarabangsa	5.4	5.8	20.8	34.3	33.7	991	3.85	1.116
7. berusaha mempelbagaikan aktiviti perniagaan sedia ada dalam kalangan masyarakat	7.4	7.2	20.7	32.8	32.0	991	3.75	1.189
8. banyak menggunakan sumber tempatan (bahan mentah) untuk pengeluaran produk atau perkhidmatan	8.6	7.7	26.5	30.0	27.2	991	3.60	1.206
9. bekerjasama dengan NGO / ketua masyarakat tempatan untuk menganjurkan aktiviti perniagaan baharu	8.7	8.0	25.4	31.0	26.9	991	3.60	1.209
10. menyediakan sumber/ nasihat kepada anggota yang ingin memulakan perniagaan sendiri	8.8	10.4	24.6	30.6	25.6	991	3.54	1.224

4.3.3.3.2 Sub Domain Kerjasama Koperasi dan Awam

Kajian ini mendapati bahawa dalam subdomain Kerjasama Koperasi dan Awam, terdapat beberapa item yang mencatatkan tahap kepuasan yang berbeza-beza di kalangan anggota koperasi. Item yang mencatatkan skor tertinggi ialah "mewujudkan kerjasama dalam kalangan anggota untuk meningkatkan aktiviti seperti pemasaran, penyelidikan atau pameran," dengan min 3.70 dan sisihan piawai 1.120. Peratusan responden yang bersetuju atau sangat bersetuju dengan item ini adalah 63.1%, menunjukkan bahawa inisiatif ini diterima baik oleh anggota koperasi. Ini diikuti oleh item "membangunkan platform dalam talian yang boleh menghubungkan anggota menyumbang idea untuk meningkatkan skala perniagaan" dengan min 3.66 dan sisihan piawai 1.180, di mana 61.5% responden bersetuju atau sangat bersetuju.

Sebaliknya, item yang mencatatkan skor terendah iaitu "menganjurkan

pertandingan dalam kalangan masyarakat untuk mendapatkan idea inovatif," dengan min 3.06 dan sisihan piawai 1.280. Hanya 38.1% responden bersetuju atau sangat bersetuju dengan item ini. Selain itu, item "menyediakan platform di mana masyarakat berkongsi kepakaran untuk meningkatkan kemahiran/peluang berkenalan" juga mencatatkan skor rendah, dengan min 3.19 dan sisihan piawai 1.251, di mana hanya 42.6% responden bersetuju atau sangat bersetuju.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa usaha mewujudkan kerjasama dalam kalangan anggota untuk meningkatkan aktiviti pemasaran, penyelidikan atau pameran, serta membangunkan platform dalam talian untuk menghubungkan anggota dalam menyumbang idea mendapat sambutan yang baik. Manakala, usaha menganjurkan pertandingan dalam kalangan masyarakat untuk mendapatkan idea inovatif serta

menyediakan platform untuk kepuasan yang lebih tinggi di kalangan masyarakat berkongsi kepakaran perlu anggota koperasi. dipertingkatkan untuk mencapai tahap

Jadual 40: Item Sub Domain Kerjasama Koperasi dan Awam

ITEM	STS	TS	TP	S	SS	N	Min	SP
1. mewujudkan kerjasama dalam kalangan anggota untuk meningkatkan aktiviti seperti pemasaran, penyelidikan atau pameran	5.9	8.1	22.9	36.6	26.5	991	3.70	1.120
2. membangunkan platform dalam talian yang boleh menghubungkan anggota menyumbang idea untuk meningkatkan skala perniagaan	7.6	8.2	22.7	34.1	27.4	991	3.66	1.180
3. menyediakan platform di mana anggota berkongsi kepakaran untuk meningkatkan kemahiran/ peluang berkenalan	8.6	9.2	26.3	32.8	23.1	991	3.53	1.188
4. menganjurkan aktiviti celik kewangan kepada anggota	8.9	10.0	27.2	29.8	24.1	991	3.50	1.211
5. menganjurkan program kesedaran untuk anggota mengenai pembiayaan alternatif dalam kalangan koperasi	10.5	10.9	27.1	29.6	21.9	991	3.41	1.237
6. mewujudkan kerjasama dalam kalangan masyarakat untuk meningkatkan aktiviti seperti pemasaran, penyelidikan atau pameran	5.9	8.1	22.9	36.6	26.5	991	3.34	1.232
7. memberi kesedaran tentang kewujudan pembiayaan untuk mendigitalisasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) kepada anggota	12.4	11.4	28.8	27.3	20.1	991	3.31	1.261
8. menganjurkan pertandingan dalam kalangan anggota untuk mendapatkan idea inovatif	11.7	12.6	28.1	29.0	18.7	991	3.30	1.241

9. menyediakan perlindungan insurans untuk membantu anggota mengurangkan risiko dari ancaman seperti banjir/ kemalangan/ penyakit berjangkit dan sebagainya	13.9	12.7	25.9	24.7	22.7	991	3.30	1.324
10. membangunkan platform dalam talian yang boleh menghubungkan masyarakat menyumbang idea untuk meningkatkan skala perniagaan	12.8	12.4	28.3	27.7	18.8	991	3.27	1.262
11. menyediakan platform di mana masyarakat berkongsi kepakaan untuk meningkatkan kemahiran/ peluang berkenalan	13.3	13.5	30.6	25.7	16.9	991	3.19	1.251
12. menganjurkan pertandingan dalam kalangan masyarakat untuk mendapatkan idea inovatif	16.1	15.5	30.2	22.9	15.2	991	3.06	1.280

4.3.3.3.3 Sub Domain Bantuan Kepada Anggota

Kajian ini mendapati bahawa dalam subdomain Bantuan kepada Anggota, terdapat beberapa item yang mencatatkan tahap kepuasan yang berbeza-beza di kalangan anggota koperasi. Item yang mencatatkan skor tertinggi ialah "memberi bantuan kewangan kepada anggota yang memerlukan," dengan min 3.89 dan sisihan piawai 1.123. Peratusan responden yang bersetuju atau sangat bersetuju dengan item ini adalah 68.8%, menunjukkan bahawa inisiatif ini

diterima baik oleh anggota koperasi. Ini diikuti oleh item "mewujudkan dana kecemasan untuk membantu anggota yang ditimpa musibah" dengan min 3.87 dan sisihan piawai 1.145, di mana 68.6% responden bersetuju atau sangat bersetuju.

Sebaliknya, item yang mencatatkan skor terendah ialah "memberikan bantuan kewangan atau biasiswa untuk anggota yang ingin melanjutkan pelajaran," dengan min 3.44 dan sisihan piawai

1.314. Hanya 53.2% responden bersetuju atau sangat bersetuju dengan item ini.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa usaha memberi bantuan kewangan kepada anggota yang memerlukan dan mewujudkan dana kecemasan untuk membantu

anggota yang ditimpa musibah mendapat sambutan yang baik. Manakala, usaha memberikan bantuan kewangan atau biasiswa untuk anggota yang ingin melanjutkan pelajaran memerlukan penambahbaikan untuk mencapai tahap kepuasan yang lebih tinggi di kalangan anggota koperasi.

Jadual 41: Item Sub Domain Bantuan Kepada Anggota

ITEM	STS	TS	TP	S	SS	N	Min	SP
1. memberi bantuan kewangan kepada anggota yang memerlukan	5.0	6.3	19.9	32.1	36.7	991	3.89	1.123
2. mewujudkan dana kecemasan untuk membantu anggota yang ditimpa musibah	5.7	6.7	19.1	32.4	36.2	991	3.87	1.145
3. memberikan bantuan kewangan atau biasiswa untuk anggota yang ingin melanjutkan pelajaran	11.9	11.8	23.0	26.8	26.4	991	3.44	1.314

4.3.3.3.4 Sub Domain Bantuan Kepada Masyarakat

Kajian ini mendapati bahawa dalam subdomain Bantuan kepada Masyarakat, terdapat beberapa item yang mencatatkan tahap kepuasan yang berbeza-beza di kalangan anggota koperasi. Item yang mencatatkan skor tertinggi ialah "memastikan bahawa masyarakat berpeluang mendapat bimbingan berkaitan pendidikan koperasi," dengan min 3.41 dan sisihan piawai 1.199. Peratusan responden yang bersetuju atau sangat bersetuju dengan item ini adalah 51.8%, menunjukkan bahawa inisiatif ini diterima baik oleh masyarakat.

Ini diikuti oleh item "mewujudkan dana kecemasan untuk membantu masyarakat yang ditimpa musibah" dengan min 3.30 dan sisihan piawai 1.283, di mana 47.0% responden bersetuju atau sangat bersetuju. Item "memberi bantuan kewangan kepada masyarakat yang memerlukan" juga mencatatkan skor yang hampir sama dengan min 3.29 dan sisihan piawai

1.289, di mana 47.1% responden bersetuju atau sangat bersetuju.

Sebaliknya, item yang mencatatkan skor terendah ialah "memberikan bantuan kewangan atau biasiswa untuk masyarakat yang ingin melanjutkan pelajaran," dengan min 2.93 dan sisihan piawai 1.351. Hanya 35.8% responden bersetuju atau sangat bersetuju dengan item ini. Selain itu, item "mempunyai sumber dan bahan pendidikan yang boleh diakses oleh masyarakat" juga mencatatkan skor rendah, dengan min 3.10 dan sisihan piawai 1.234, di mana hanya 39.6% responden bersetuju atau sangat bersetuju.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa usaha memastikan masyarakat mendapat bimbingan berkaitan pendidikan koperasi dan mewujudkan dana kecemasan untuk membantu masyarakat yang ditimpa musibah mendapat sambutan yang baik. Manakala, usaha memberikan bantuan

kewangan atau biasiswa untuk masyarakat yang ingin melanjutkan pelajaran dan menyediakan sumber dan bahan pendidikan yang boleh diakses

oleh masyarakat memerlukan penambahbaikan untuk mencapai tahap kepuasan yang lebih tinggi di kalangan masyarakat.

Jadual 42: Item Sub Domain Bantuan Kepada Masyarakat

ITEM	STS	TS	TP	S	SS	N	Min	SP
1. memastikan bahawa masyarakat berpeluang mendapat bimbingan berkaitan pendidikan koperasi	9.6	11.2	27.4	32.0	19.8	991	3.41	1.199
2. mewujudkan dana kecemasan untuk membantu masyarakat yang ditimpa musibah	12.6	12.6	27.7	25.8	21.2	991	3.30	1.283
3. memberi bantuan kewangan kepada masyarakat yang memerlukan	12.9	12.9	27.0	26.1	21.0	991	3.29	1.289
4. menyediakan khidmat nasihat perundingan kepada masyarakat	12.2	15.5	27.6	28.0	16.6	991	3.21	1.243
5. mempunyai sumber dan bahan pendidikan yang boleh diakses oleh masyarakat	13.3	17.6	29.5	25.4	14.2	991	3.10	1.234
6. memberikan bantuan kewangan atau biasiswa untuk masyarakat yang ingin melanjutkan pelajaran	20.4	17.9	25.9	20.0	15.8	991	2.93	1.351

4.3.4 Implikasi Kajian



Kajian indeks gerakan koperasi (IGK) yang menunjukkan skor bagi tiga domain utama iaitu Masyarakat (61.21), Alam Sekitar (62.98), dan Ekonomi (66.20) mempunyai beberapa implikasi penting terhadap keberkesanan dan perkembangan gerakan koperasi di Malaysia. Skor indeks Domain Masyarakat menunjukkan bahawa peranan koperasi dalam memperkasa masyarakat masih berada pada tahap sederhana. Walaupun terdapat usaha untuk memperkukuh keharmonian masyarakat, aspek-aspek seperti

pendidikan, kesihatan, dan penglibatan dalam aktiviti koperasi masih memerlukan penambahbaikan. Dapatan ini menunjukkan koperasi perlu mempertingkatkan usaha mereka dalam menyediakan program yang lebih relevan dan berkesan untuk memenuhi keperluan masyarakat.

Skor indeks Domain Alam Sekitar mendapat skor lebih tinggi daripada Domain Masyarakat tetapi masih di tahap sederhana. Skor bahagian ini menunjukkan adanya kesedaran dan usaha yang sedang dijalankan oleh koperasi untuk pemuliharaan dan kelestarian alam sekitar. Walau bagaimanapun, tahap pencapaian yang sederhana ini menunjukkan bahawa masih ada ruang untuk koperasi meningkatkan peranan mereka dalam menangani isu perubahan iklim dan meningkatkan kerjasama dengan penyelidik tempatan. Koperasi perlu lebih proaktif dalam menerapkan

amalan kelestarian dalam operasi mereka dan menyokong inisiatif hijau.

Skor tertinggi dalam Domain Ekonomi menunjukkan bahawa koperasi berfungsi dengan baik dalam mencipta peluang ekonomi untuk anggotanya. Namun, pencapaian sederhana ini juga mencerminkan bahawa terdapat aspek yang boleh diperbaiki, seperti memperkukuh kerjasama antara koperasi dengan sektor awam dan meningkatkan bantuan kepada masyarakat. Ini penting untuk memastikan koperasi dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam pertumbuhan ekonomi negara dan meningkatkan kesejahteraan anggota mereka.



4.3.4.1 Domain Masyarakat

4.3.4.1.1 Sub Domain Pendidikan

Dapatan kajian dalam subdomain Pendidikan menunjukkan beberapa implikasi penting bagi koperasi dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan dan kemahiran anggota serta masyarakat. Pertama, dapatan yang menunjukkan skor tinggi bagi inisiatif menggalakkan peningkatan pengetahuan dan kemahiran melalui kursus dan bengkel mencerminkan keberkesanan program latihan yang ditawarkan. Ini menunjukkan bahawa koperasi perlu terus memperhebat usaha dalam menyediakan kursus dan bengkel yang relevan dan berkualiti tinggi untuk memenuhi keperluan anggota. Selain itu, bimbingan berkaitan pendidikan koperasi yang turut mendapat skor tinggi menunjukkan pentingnya peranan bimbingan dan kaunseling dalam membantu anggota mencapai kejayaan dalam pendidikan koperasi.

Sebaliknya, dapatan yang menunjukkan skor rendah bagi ceramah, seminar, dan forum ilmu serta akses kepada sumber dan bahan pendidikan menandakan perlunya peningkatan dalam aspek-aspek ini. Kegagalan untuk meningkatkan usaha dalam mengadakan ceramah dan seminar boleh mengakibatkan anggota kurang terdedah kepada pengetahuan dan maklumat baru yang penting untuk pembangunan diri dan koperasi. Begitu juga, kekurangan akses kepada bahan pendidikan boleh membataskan peluang anggota untuk memperkaya ilmu pengetahuan mereka secara berterusan.

Selain itu, skor yang rendah bagi inisiatif kerjasama dengan institusi pendidikan tempatan menekankan perlunya koperasi menjalin lebih banyak kolaborasi untuk memastikan kualiti pendidikan yang diberikan adalah tinggi dan relevan dengan keperluan semasa.

Ini juga menunjukkan bahawa koperasi perlu berperanan lebih aktif dalam menjalin hubungan strategik dengan institusi pendidikan untuk memanfaatkan sumber dan kepakaran yang ada.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi petunjuk jelas bahawa sementara usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui kursus dan bengkel adalah penting,

koperasi juga perlu memperluas dan memperdalam inisiatif pendidikan mereka dengan meningkatkan akses kepada bahan pendidikan, mengadakan lebih banyak ceramah dan seminar, serta menjalin kerjasama yang kukuh dengan institusi pendidikan tempatan. Melalui pendekatan yang komprehensif ini, koperasi boleh memainkan peranan yang lebih signifikan dalam pembangunan sosioekonomi anggota dan masyarakat secara keseluruhan.

4.3.4.1.2 Sub Domain Kesihatan Fizikal dan Kestabilan Mental

Berdasarkan dapatan kajian dalam subdomain Kesihatan Fizikal dan Kestabilan Mental menunjukkan beberapa implikasi penting bagi

koperasi dalam usaha meningkatkan kesihatan fizikal dan kestabilan mental anggota serta masyarakat.

1. Keperluan alatan fizikal: Pertama, dapatan yang menunjukkan min skor tertinggi iaitu 'inisiatif memberikan bantuan kepada anggota yang mengalami masalah kesihatan fizikal' mencerminkan keperluan mendesak untuk menyediakan sokongan fizikal yang konkrit seperti kerusi roda, katil hospital, dan tongkat. Ini menunjukkan bahawa anggota sangat menghargai bantuan fizikal yang diberikan, dan koperasi perlu terus memperkukuhkan inisiatif ini untuk memastikan sokongan yang berterusan dan mencukupi.

2. Program kemahiran mengurus kesihatan mental: dapatan yang menunjukkan min skor rendah iaitu item 'usaha mengadakan program kemahiran mengurus kesihatan mental kepada masyarakat' dan 'berkongsi maklumat berkaitan agensi dan NGO yang boleh membantu masyarakat setempat' menandakan perlunya peningkatan dalam aspek kesihatan mental. Kekurangan program kemahiran mengurus kesihatan mental dan maklumat yang cukup mengenai sumber bantuan kesihatan mental boleh mengakibatkan anggota dan masyarakat kurang mendapat sokongan yang diperlukan untuk mengatasi masalah kesihatan mental. Oleh itu, koperasi perlu lebih proaktif dalam menyediakan program-program pendidikan dan sokongan kesihatan mental yang komprehensif dan mudah diakses.
3. Kerjasama: Selain itu, dapatan kajian mencerminkan keperluan kerjasama dengan agensi kerajaan dan NGO dalam program penerangan berkaitan kesihatan fizikal dan mental adalah penting, tetapi masih memerlukan penambahbaikan. Ini menunjukkan kepentingan kerjasama strategik untuk memperluas jangkauan dan keberkesanan program kesihatan. Koperasi harus memperkukuhkan hubungan dengan agensi dan NGO untuk mengadakan lebih banyak program penerangan dan kesedaran yang berfokus pada kepentingan kesihatan fizikal dan mental.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi petunjuk jelas bahawa sementara usaha memberikan bantuan fizikal mendapat sambutan yang baik, koperasi juga perlu memperluas dan memperdalam inisiatif kesihatan mental mereka dengan menyediakan lebih banyak program kemahiran mengurus kesihatan mental dan berkongsi

maklumat yang relevan mengenai sumber bantuan kesihatan mental. Melalui pendekatan yang komprehensif ini, koperasi boleh memainkan peranan yang lebih signifikan dalam memastikan kesihatan fizikal dan kestabilan mental anggota dan masyarakat terus terpelihara dan dipertingkatkan.

4.3.4.1.3 Sub Domain Keterjaminan Makanan

Dapatan sub-domain Keterjaminan Makanan menunjukkan gerakan koperasi di Malaysia perlu melipatgandakan usaha dalam aspek ini terutama dalam konteks keusahawanan sosial. Ini berdasarkan skor sederhana yang ditunjukkan pada semua item sub-

domain yang memerihalkan tahap kesediaan sederhana gerakan koperasi dalam hal ini secara umum. Kegagalan untuk menangani Keterjaminan Makanan boleh menyebabkan perkara berikut:

1. Meningkatkan kebergantungan kepada pihak luar

Ketiadaan inisiatif keterjaminan makanan dalam gerakan koperasi sudah pasti menyumbang kepada kekurangan bekalan makanan terutama dalam kalangan ahli masyarakat yang rentan. Hal ini juga mengakibatkan peningkatan kebergantungan kepada sumber luar, mengurangkan keupayaan sendiri dan daya tahan sama ada dalam kalangan ahli dan masyarakat.

2. Kesan ekonomi

Pengabaian aspek keterjaminan makanan boleh membawa kepada ketidaktentuan harga di pasaran tempatan, selain menimbulkan kesukaran dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah untuk membeli barang makanan asas. Petani atau pembekal makanan yang bergantung kepada sokongan koperasi mungkin menghadapi kesukaran mengekalkan mata pencarian mereka tanpa inisiatif koperasi untuk menstabilkan ehwal pasaran.

3. Kesihatan dan kesejahteraan

Pengabaian aspek keterjaminan makanan boleh menjejaskan kesihatan dan perkembangan kanak-kanak selain menggugat kesejahteraan masyarakat secara

umum. Isu kesihatan awam seperti kerentanan terhadap penyakit, kekurangan zat dan pengurangan produktiviti berpotensi untuk meningkat sekiranya isu ini tidak dikawal.

4. Ketegangan sosial

Kegagalan gerakan koperasi untuk memberi tumpuan kepada aspek keterjaminan makanan boleh membawa kepada isu ketegangan sosial dan pergolakan dalam masyarakat. Persaingan yang tidak sihat untuk memperoleh bekalan makanan dalam kalangan ahli masyarakat akan berlaku akibat bekalan sumber yang terhad. Keadaan ini memaksa sebahagian atau kesemua ahli masyarakat untuk berpindah ke tempat tinggal lain bagi mencari kelangsungan hidup yang lebih baik. Ini yang membawa kepada isu integrasi sosial serta kejelekitan ahli masyarakat itu sendiri.

5. Kesan terhadap alam sekitar

Pengabaian aspek keterjaminan makanan dalam gerakan koperasi boleh membawa kepada amalan pertanian yang tidak mapan. Ini berlaku apabila setiap ahli dalam lapisan masyarakat berusaha untuk menghasilkan bekalan makanan yang berkualiti dan mencukupi, sekali gus berpotensi menjejaskan ekosistem bekalan rangkaian makanan tempatan. Isu kebergantungan terhadap julat tanaman yang terhad turut menjejaskan biodiversiti tempatan, menjadikan sumber bekalan makanan tempatan lebih rentan terhadap ancaman perosak, penyakit dan perubahan iklim.

4.3.4.1.4 Sub Domain Keharmonian Masyarakat

Dapatan sub-domain Keharmonian Masyarakat menunjukkan gerakan koperasi di Malaysia berada di landasan yang betul dalam aspek ini terutama dalam konteks keusahawanan sosial. Ini berdasarkan skor di tahap tinggi yang ditunjukkan pada hampir semua item sub-domain yang memerihalkan tahap kesediaan yang tinggi dalam kalangan

rata-rata gerakan koperasi dalam hal ini secara umum. Cuma platform pengiktirafan yang wajar mungkin boleh diperkasakan bagi menghargai sumbangan masyarakat, tidak terhad dalam kalangan ahli gerakan koperasi sahaja. Terdapat beberapa implikasi jika perkara ini tidak diberi perhatian.

1. Kehilangan sokongan

Kegagalan untuk mengiktiraf sumbangan masyarakat boleh membantutkan sinergi dalam kalangan pemegang kepentingan utama, termasuk ahli, penyokong dan masyarakat setempat. Pada masa yang sama, kepercayaan dan sokongan dalam kalangan mereka juga akan berkurangan. Masyarakat secara umum berpotensi untuk tidak cenderung untuk melibatkan diri untuk menyertai aktiviti koperasi jika mereka merasakan sumbangan mereka tidak dihargai atau dipinggirkan.

2. Persepsi awam yang negatif

Gerakan koperasi yang gagal mengiktiraf dan menghargai sumbangan masyarakat berpotensi untuk ditanggapi secara negatif dari sudut persepsi awam. Reputasi koperasi akan menurun disebabkan kehilangan kredibiliti dan pengaruh di mata masyarakat.

3. Konflik dalaman

Ahli masyarakat yang berasa tidak dihargai dan tidak diiktiraf tidak akan berpuas hati dan boleh membawa kepada konflik dalaman, sekaligus berlaku penurunan moral dalam gerakan koperasi. Kekurangan pengiktirafan terhadap sumbangan masyarakat boleh mewujudkan cabaran tadbir urus disebabkan ahli masyarakat mungkin berasa terpinggir yang akhirnya mengurangkan komited mereka terhadap pencapaian matlamat koperasi.

4.3.4.1.5 Sub Domain Perumahan

Dapatan kajian dalam sub-domain Perumahan menunjukkan beberapa implikasi penting bagi koperasi dalam usaha meningkatkan akses kepada perumahan bagi anggota dan masyarakat.

Pertama, dapatan yang menunjukkan skor tertinggi iaitu 'mengambil berat terhadap anggota yang tidak mempunyai tempat tinggal' mencerminkan kepentingan sokongan sosial dalam menangani isu perumahan. Ini menunjukkan bahawa anggota koperasi sangat menghargai perhatian dan sokongan yang diberikan oleh koperasi dalam usaha memastikan

setiap anggota mempunyai tempat tinggal yang selesa dan selamat. Oleh itu, koperasi perlu terus memperkukuhkan inisiatif ini untuk memastikan sokongan yang berterusan dan mencukupi bagi anggota yang memerlukan.

Manakala dapatan skor min terendah iaitu 'usaha memastikan pemilikan tempat tinggal masyarakat sebagai sebahagian agenda koperasi' menandakan perlunya peningkatan dalam aspek ini. Sekiranya pihak koperasi tidak mengambil tindakan yang signifikan untuk menambahbaik tahap

kepuasan untuk item ini kebarangkalian skor keseluruhan indeks akan terjejas.

Selain itu, skor rendah bagi usaha bekerjasama dengan institusi kewangan untuk skim perumahan mampu milik menekankan kepentingan kolaborasi strategik untuk memperluas akses kepada perumahan mampu milik. Koperasi harus memperkukuhkan hubungan dengan institusi kewangan untuk menyediakan lebih banyak pilihan skim perumahan yang sesuai dengan keperluan anggota dan masyarakat. Ini juga menunjukkan keperluan untuk koperasi memberikan maklumat yang jelas dan mudah di akses mengenai skim perumahan mampu milik yang tersedia.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi petunjuk jelas bahawa sementara usaha mengambil berat terhadap anggota yang tidak mempunyai tempat tinggal mendapat sambutan yang baik, koperasi juga perlu memperluas dan memperdalam inisiatif perumahan mereka dengan memastikan pemilikan tempat tinggal masyarakat sebagai agenda utama dan bekerjasama dengan institusi kewangan untuk menyediakan skim perumahan mampu milik. Melalui pendekatan yang komprehensif ini, koperasi boleh memainkan peranan yang lebih signifikan dalam memastikan akses kepada perumahan yang selesa dan mampu milik bagi anggota dan masyarakat keseluruhan.

4.3.4.1.6 Sub Domain Penglibatan Masyarakat

Dapatan sub-domain Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi menunjukkan matlamat gerakan koperasi di Malaysia perlu menyediakan ruang yang lebih luas untuk melibatkan masyarakat dalam kegiatan koperasi.

Skor sederhana pada kebanyakan item sub-domain ini dilihat boleh mengekang gerakan koperasi di Malaysia ke arah mencapai matlamat keusahawanan sosial pada masa hadapan. Beberapa implikasi yang boleh berlaku antaranya:

1. Kehilangan sokongan

Gerakan koperasi sangat bergantung kepada kepercayaan dan penglibatan aktif ahli mereka serta masyarakat secara umum. Sekiranya tiada penglibatan masyarakat, gerakan koperasi dilihat mengasingkan diri dengan pihak berkepentingan sekali gus menyebabkan penurunan sokongan dan penglibatan awam. Oleh itu, koperasi berpotensi menghadapi kesukaran untuk menarik ahli baharu dalam masyarakat selain mengekalkan ahli sedia ada ke arah kemapanan dan pertumbuhan gerakan koperasi.

2. Kerelevanan gerakan koperasi

Keusahawanan sosial bertujuan untuk menangani cabaran masyarakat melalui penyelesaian inovatif. Kegagalan koperasi untuk melibatkan masyarakat turut menggambarkan bahawa gerakan koperasi tidak dapat memahami cabaran baru yang mendatang sekali gus berisiko di dalam melaksanakan inisiatif yang tidak berkesan atau tidak relevan sama ada dalam kalangan ahli mereka sendiri dan masyarakat. Dalam hal ini, gerakan koperasi mungkin terlepas maklum balas dan pandangan berharga yang boleh memacu inovasi serta meningkatkan perkhidmatan atau penghasilan produk mereka.

3. Ketidakstabilan kewangan

Gerakan koperasi sering bergantung pada sokongan dan kepercayaan ahli dan masyarakat. Penurunan sokongan boleh mempengaruhi pendapatan dan kestabilan kewangan gerakan koperasi. Kebanyakan projek keusahawanan sosial banyak bergantung kepada pembiayaan luaran sama ada dalam bentuk geran, derma, atau pelabur berpotensi. Kegagalan untuk melibatkan masyarakat dalam gerakan koperasi berpotensi untuk mengurangkan daya tarikan koperasi sebagai entiti penerima pembiayaan.

4. Penghakisan matlamat sosial

Gerakan koperasi dan keusahawanan sosial didorong oleh matlamat sosial tertentu. Ketiadaan penglibatan masyarakat boleh menyebabkan penyimpangan matlamat dan nilai teras gerakan koperasi, selain merencatkan tujuan dan identiti gerakan koperasi. Ini berlaku disebabkan aktiviti koperasi tidak lagi selari dengan keperluan dan keutamaan masyarakat. Oleh itu, gerakan koperasi berisiko untuk menjadi tidak relevan sekali gus menjejaskan daya tahan untuk jangka masa panjang.

5. Meminimumkan manfaat daripada pemegang taruh utama

Gerakan koperasi sering mendapat manfaat daripada dasar dan peraturan yang menyokong terutama daripada pemegang taruh utama iaitu SKM. Kerenggangan hubungan koperasi dengan masyarakat dalam konteks keusahawanan sosial boleh membawa kepada kekurangan sokongan daripada penggubal dasar, selain meminimumkan keuntungan atau manfaat yang boleh diperolehi daripada dasar yang digubal oleh SKM.

6. Kehilangan modal sosial

Modal sosial adalah aspek yang penting bagi gerakan koperasi di dalam mencapai matlamat keusahawanan sosial. Ia dibina melalui rangkaian hubungan dan

kepercayaan di antara pihak koperasi dan masyarakat. Kegagalan dalam hubungan ini boleh melemahkan rangkaian sosial serta menjadikan gerakan koperasi lebih sukar untuk menggerakkan sumber dan sokongan. Gerakan koperasi sepatutnya menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan komuniti sebagai salah satu dari matlamat gerakan. Terputusnya hubungan dengan masyarakat mengakibatkan kehilangan manfaat ini, sekali gus mengurangkan impak positif kepada masyarakat secara umum.

4.3.4.1.7 Sub Domain Budaya dan Warisan

Dapatan kajian dalam subdomain Budaya dan Warisan menunjukkan beberapa implikasi penting bagi koperasi dalam usaha memelihara dan mempromosikan budaya serta warisan tempatan. Pertama, dapatan yang menunjukkan skor tertinggi bagi inisiatif menggalakkan sambutan festival budaya dan tradisi tempatan mencerminkan keberkesanan program-program yang dianjurkan. Ini menunjukkan bahawa koperasi perlu terus memperhebat usaha dalam mengadakan festival budaya dan tradisi yang dapat menarik minat dan penyertaan anggota koperasi.

Sebaliknya, dapatan yang menunjukkan skor rendah bagi usaha mempromosikan

dan memelihara budaya serta warisan tempatan secara berkala menandakan perlunya peningkatan dalam aspek ini. Kegagalan untuk meningkatkan usaha dalam mempromosikan seni dan kraf tempatan boleh mengakibatkan budaya dan warisan tempatan kurang dikenali dan dihargai. Oleh itu, koperasi perlu lebih aktif dalam usaha mempromosikan budaya dan warisan tempatan melalui pelbagai platform dan aktiviti yang menarik.

Selain itu, skor rendah dalam mendidik masyarakat tentang budaya tempatan menekankan perlunya koperasi meningkatkan program pendidikan budaya yang menyeluruh. Ini boleh

melibatkan penyediaan bahan pendidikan yang menarik dan interaktif, serta penganjuran bengkel dan seminar yang dapat meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai kepentingan memelihara budaya dan warisan tempatan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi petunjuk jelas bahawa koperasi perlu memperluas dan

memperdalam inisiatif budaya mereka dengan meningkatkan frekuensi dan kualiti program-program berkaitan budaya dan warisan. Melalui pendekatan yang komprehensif ini, koperasi boleh memainkan peranan yang lebih signifikan dalam memastikan budaya dan warisan tempatan terus dipelihara dan dihargai oleh anggota koperasi dan masyarakat keseluruhan.

4.3.4.2 Domain Alam Sekitar

4.3.4.2.1 Sub Domain Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar

Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar adalah aspek penting bagi memastikan kemapanan alam sekitar. Antara implikasi kajian bagi sub-domain pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar adalah majoriti anggota mempunyai sikap yang positif berkaitan dengan penjimatan sumber tenaga. Mereka didapati bersedia untuk menggalakkan anggota koperasi dan

masyarakat untuk menjimatkan penggunaan elektrik, sumber air dan menggalakkan lebih banyak penggunaan teknologi hijau. Kajian juga memaklumkan bahawa ada ruang penambahbaikan bagi keterlibatan pihak koperasi dalam aktiviti gotong-royong bersama masyarakat serta aktiviti berkaitan pengurangan penggunaan plastik.

4.3.4.2.2 Sub Domain Perubahan Iklim

Analisis yang dilakukan memberikan gambaran positif bahawa majoriti ALK maklum tentang kesan perubahan iklim dari segi banjir, pemanasan global dan tahu bahawa perubahan iklim memberikan kesan kepada aktiviti koperasi. Ini membolehkan mereka membantu dengan lebih baik anggota koperasi dan masyarakat untuk bersedia

serta mengadaptasi terhadap kesan perubahan iklim di masa hadapan dengan lebih baik. Namun begitu, analisis menunjukkan bahawa pihak koperasi boleh memainkan peranan yang lebih aktif dalam membantu masyarakat dalam merangka strategi menghadapi perubahan iklim yang berkesan dan efektif.

4.3.4.2.3 Sub Domain Kerjasama dengan Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar

Bagi sub-domain ini, majoriti ALK didapati menggalakkan keterlibatan dalam aktiviti kesukarelawanan. Sekiranya banyak aktiviti kesukarelawanan yang berlaku, ini dapat menjimatkan banyak kos dan ini membolehkan pihak koperasi menganjurkan lebih banyak program berkaitan pemeliharaan alam sekitar. Dapatan juga memberikan gambaran bahawa majoriti ALK menekankan tentang cara pembuangan sampah yang betul bagi melestarikan alam sekitar. Ini penting kerana boleh mengurangkan masalah lambakan sampah yang berlaku

di pusat pembuangan sampah. Hasil analisis memaklumkan bahawa ALK bersedia untuk bekerjasama dengan penyelidik tempatan bagi menjalankan penyelidikan yang memanfaatkan alam sekitar. Ini memberikan gambaran bahawa lebih banyak data penting berkaitan pemeliharaan alam sekitar boleh di hasil dan dikongsikan kepada pihak berkepentingan. Namun begitu, ramai ALK yang berpendapat tidak banyak koperasi terlibat dengan kempen pengurangan gas karbon ke udara dan kempen penganjuran aktiviti membersihkan sungai, tasik dan pantai.

4.3.4.3 Domain Ekonomi

4.3.4.3.1 Sub Domain Peluang Pekerjaan Baharu

Dapatan kajian dalam subdomain Peluang Pekerjaan Baharu menunjukkan beberapa implikasi penting bagi koperasi dalam usaha meningkatkan peluang pekerjaan dan memperluaskan perniagaan anggota. Pertama, dapatan yang menunjukkan skor tertinggi bagi inisiatif mempelbagaikan aktiviti perniagaan sedia ada mencerminkan keberkesanan usaha ini dalam meningkatkan kepuasan anggota. Ini menunjukkan bahawa anggota koperasi menghargai usaha untuk mempelbagaikan perniagaan yang memberikan mereka lebih banyak peluang untuk meningkatkan pendapatan dan kestabilan ekonomi. Oleh itu, koperasi perlu terus memperkukuhkan usaha ini dan mencari lebih banyak cara untuk mempelbagaikan aktiviti perniagaan yang boleh memberi manfaat kepada anggota.

Sebaliknya, dapatan yang menunjukkan skor rendah bagi usaha menyediakan sumber dan nasihat kepada anggota yang ingin memulakan perniagaan sendiri menandakan perlunya peningkatan dalam aspek ini. Kegagalan untuk menyediakan sokongan dan bimbingan yang mencukupi kepada anggota yang ingin memulakan perniagaan boleh menghalang mereka daripada berjaya dalam usaha perniagaan mereka. Oleh itu, koperasi perlu lebih proaktif dalam menyediakan sumber maklumat, nasihat, dan bimbingan yang komprehensif kepada anggota yang ingin memulakan perniagaan sendiri. Ini boleh melibatkan penyediaan program latihan, seminar, dan bengkel yang fokus pada keusahawanan dan pengurusan perniagaan.

Selain itu, dapatan yang menunjukkan skor rendah bagi penggunaan sumber tempatan untuk pengeluaran produk

atau perkhidmatan menekankan kepentingan untuk meningkatkan penggunaan bahan mentah tempatan. Koperasi perlu menggalakkan penggunaan sumber tempatan dalam pengeluaran produk mereka untuk meningkatkan kelestarian dan menyokong ekonomi tempatan. Ini juga boleh membantu mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan daya saing produk koperasi di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Dapatan juga menunjukkan bahawa kerjasama dengan NGO dan ketua masyarakat tempatan dalam menganjurkan aktiviti perniagaan baharu mencatatkan skor sederhana dimana ia menandakan potensi besar dalam memperluaskan jaringan perniagaan dan mendapatkan sokongan komuniti. Oleh itu, koperasi perlu memperkukuhkan hubungan ini untuk

memanfaatkan sumber yang ada dalam masyarakat dan mengembangkan jaringan perniagaan mereka.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi petunjuk jelas bahawa sementara usaha mempelbagaikan aktiviti perniagaan sedia ada mendapat sambutan yang baik, koperasi juga perlu memperluas dan memperdalam inisiatif mereka dalam menyediakan sokongan kepada anggota yang ingin memulakan perniagaan sendiri, meningkatkan penggunaan sumber tempatan, dan memperkukuhkan kerjasama dengan NGO serta ketua masyarakat tempatan. Melalui pendekatan yang komprehensif ini, koperasi boleh memainkan peranan yang lebih signifikan dalam memastikan peluang pekerjaan yang lebih baik dan kestabilan ekonomi yang lebih tinggi bagi anggota mereka.

4.3.4.3.2 Sub Domain Kerjasama antara Koperasi dan Awam

Dapatan kajian dalam subdomain Kerjasama Koperasi dan Awam menunjukkan beberapa implikasi penting bagi koperasi dalam usaha meningkatkan kerjasama antara anggota dan masyarakat serta memaksimumkan manfaat daripada aktiviti koperasi. Pertama, dapatan yang menunjukkan skor tertinggi bagi inisiatif mewujudkan kerjasama dalam kalangan anggota untuk meningkatkan aktiviti seperti pemasaran, penyelidikan, atau pameran mencerminkan keberkesanan usaha ini dalam meningkatkan kepuasan anggota. Ini menunjukkan bahawa anggota koperasi menghargai peluang untuk bekerjasama dalam aktiviti yang dapat memperkukuhkan perniagaan dan meningkatkan pengetahuan mereka. Oleh itu, koperasi perlu terus memperkukuhkan usaha ini dengan menyediakan lebih banyak platform dan peluang untuk kerjasama antara anggota.

Sebaliknya, dapatan yang menunjukkan skor rendah bagi usaha menganjurkan pertandingan dalam kalangan masyarakat untuk mendapatkan idea inovatif menandakan perlunya peningkatan dalam aspek ini. Kekurangan program inovasi boleh mengakibatkan kurangnya dorongan untuk menghasilkan idea-idea baharu yang boleh memacu perkembangan koperasi. Oleh itu, koperasi perlu lebih proaktif dalam menganjurkan pertandingan dan program yang mempromosikan inovasi dalam kalangan masyarakat. Ini boleh melibatkan menyediakan ganjaran menarik untuk idea terbaik dan mengadakan bengkel inovasi untuk membantu anggota dan masyarakat mengembangkan idea mereka.

Selain itu, dapatan yang menunjukkan skor rendah bagi penyediaan platform di mana masyarakat berkongsi kepakaran untuk meningkatkan kemahiran dan peluang berkenalan menekankan

kepentingan untuk meningkatkan interaksi dan jaringan dalam kalangan masyarakat. Koperasi perlu menyediakan lebih banyak platform interaktif seperti forum dalam talian, kumpulan fokus, dan sesi rangkaian yang membolehkan anggota dan masyarakat berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka. Ini juga boleh membantu membina komuniti yang lebih kuat dan lebih bersatu.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi petunjuk jelas bahawa

sementara usaha mewujudkan kerjasama dalam kalangan anggota mendapat sambutan yang baik, koperasi juga perlu memperluas dan memperdalam inisiatif mereka dalam mendorong inovasi dan meningkatkan jaringan dalam kalangan masyarakat. Melalui pendekatan yang komprehensif ini, koperasi boleh memainkan peranan yang lebih signifikan dalam memastikan kerjasama yang lebih erat antara anggota dan masyarakat, serta memaksimumkan manfaat daripada aktiviti koperasi.

4.3.4.3.3 Sub Domain Bantuan Kepada Anggota

Dapatan kajian dalam subdomain Bantuan kepada Anggota menunjukkan beberapa implikasi penting bagi koperasi dalam usaha meningkatkan sokongan kepada anggotanya. Pertama, dapatan yang menunjukkan skor tertinggi bagi inisiatif memberi bantuan kewangan kepada anggota yang memerlukan mencerminkan kepentingan dan keberkesanan bantuan kewangan dalam memenuhi keperluan

segera anggota. Ini menunjukkan bahawa anggota koperasi menghargai sokongan kewangan yang diberikan, yang membantu mereka mengatasi kesulitan kewangan sementara dan meningkatkan kesejahteraan mereka. Oleh itu, koperasi perlu terus memperkukuhkan dan mungkin memperluas program bantuan kewangan untuk memastikan lebih

ramai anggota dapat menerima manfaatnya.

Sebaliknya, dapatan yang menunjukkan skor rendah bagi usaha memberikan bantuan kewangan atau biasiswa untuk anggota yang ingin melanjutkan pelajaran menandakan perlunya peningkatan dalam aspek ini. Kekurangan bantuan kewangan atau biasiswa untuk pendidikan boleh menghalang anggota daripada meningkatkan kelayakan dan kemahiran mereka, yang seterusnya boleh memberi kesan negatif kepada perkembangan kerjaya dan potensi pendapatan mereka. Oleh itu, koperasi perlu lebih proaktif dalam menyediakan lebih banyak peluang bantuan pendidikan melalui biasiswa, pinjaman pendidikan tanpa faedah, atau subsidi yuran pendidikan untuk membantu anggota melanjutkan pelajaran.

Selain itu, dapatan yang menunjukkan sokongan yang baik untuk mewujudkan dana kecemasan bagi membantu

anggota yang ditimpa musibah menunjukkan bahawa anggota menghargai langkah-langkah keselamatan kewangan yang disediakan oleh koperasi. Ini menekankan kepentingan koperasi untuk terus menyediakan dan mungkin memperluas dana kecemasan untuk memastikan sokongan kewangan yang cepat dan mencukupi tersedia bagi anggota yang menghadapi situasi kecemasan seperti bencana alam, kemalangan, atau krisis kesihatan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi petunjuk jelas bahawa koperasi perlu terus memperkuat program bantuan kewangan langsung dan dana kecemasan, sementara pada masa yang sama meningkatkan inisiatif bantuan kewangan untuk pendidikan. Melalui pendekatan yang komprehensif ini, koperasi boleh memainkan peranan yang lebih signifikan dalam memastikan kesejahteraan kewangan dan pendidikan anggotanya terpelihara dan dipertingkatkan.

4.3.4.3.4 Sub Domain Bantuan Kepada Masyarakat

Dapatan kajian dalam subdomain Bantuan kepada Masyarakat menunjukkan beberapa implikasi penting bagi koperasi dalam usaha meningkatkan sokongan kepada masyarakat. Pertama, dapatan yang menunjukkan skor tertinggi bagi inisiatif memastikan bahawa masyarakat berpeluang mendapat bimbingan berkaitan pendidikan koperasi mencerminkan kepentingan dan keberkesanan usaha ini dalam memberikan pengetahuan yang berguna kepada masyarakat. Ini menunjukkan bahawa masyarakat menghargai bimbingan pendidikan yang diberikan oleh koperasi, yang membantu meningkatkan pemahaman mereka tentang koperasi dan manfaatnya. Oleh itu, koperasi perlu terus memperkukuhkan dan mungkin memperluas program bimbingan pendidikan ini untuk memastikan lebih ramai anggota masyarakat dapat menerima manfaatnya.

Sebaliknya, dapatan yang menunjukkan skor rendah bagi usaha memberikan bantuan kewangan atau biasiswa untuk masyarakat yang ingin melanjutkan pelajaran menandakan perlunya peningkatan dalam aspek ini. Kekurangan bantuan kewangan atau biasiswa untuk pendidikan boleh menghalang masyarakat daripada meningkatkan kelayakan dan kemahiran mereka, yang seterusnya boleh memberi kesan negatif kepada pembangunan ekonomi dan sosial mereka. Oleh itu, koperasi perlu lebih proaktif dalam menyediakan lebih banyak peluang bantuan pendidikan melalui biasiswa, pinjaman pendidikan tanpa faedah, atau subsidi yuran pendidikan untuk membantu masyarakat melanjutkan pelajaran.

Selain itu, dapatan yang menunjukkan skor rendah bagi penyediaan sumber dan bahan pendidikan yang boleh diakses oleh masyarakat menekankan kepentingan untuk meningkatkan akses

kepada bahan pendidikan. Koperasi perlu menyediakan lebih banyak sumber pendidikan seperti buku, artikel, jurnal, dan akses kepada perpustakaan digital untuk memastikan masyarakat mempunyai akses yang mencukupi kepada maklumat dan bahan pembelajaran yang relevan.

Dapatan juga menunjukkan bahawa usaha mewujudkan dana kecemasan untuk membantu masyarakat yang ditimpa musibah mendapat sokongan yang baik, menunjukkan bahawa masyarakat menghargai langkah-langkah keselamatan kewangan yang disediakan oleh koperasi. Ini menekankan kepentingan koperasi untuk terus menyediakan dan mungkin memperluas dana kecemasan untuk

memastikan sokongan kewangan yang cepat dan mencukupi tersedia bagi masyarakat yang menghadapi situasi kecemasan seperti bencana alam, kemalangan, atau krisis kesihatan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi petunjuk jelas bahawa koperasi perlu terus memperkuat program bimbingan pendidikan dan dana kecemasan, sementara pada masa yang sama meningkatkan inisiatif bantuan kewangan untuk pendidikan dan penyediaan sumber pendidikan. Melalui pendekatan yang komprehensif ini, koperasi boleh memainkan peranan yang lebih signifikan dalam memastikan kesejahteraan dan pembangunan masyarakat terpelihara dan dipertingkatkan.

4.4 OBJEKTIF 3: CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

4.4.1 Domain Masyarakat

4.4.1.1 Sub Domain Pendidikan

Berdasarkan dapatan kajian dalam subdomain Pendidikan, beberapa cadangan yang komprehensif telah dirumuskan untuk meningkatkan tahap kepuasan anggota koperasi. Pertama, adalah penting untuk memperbanyakkan kursus dan bengkel yang fokus kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran anggota kerana inisiatif ini telah terbukti sangat diterima baik, dengan skor purata tinggi. Menyediakan pelbagai topik kursus dan bengkel yang relevan dengan keperluan semasa anggota koperasi dapat meningkatkan lagi tahap kepuasan. Selain itu, memastikan anggota terus berpeluang mendapat bimbingan berkaitan pendidikan koperasi, yang mencatatkan skor purata tinggi, adalah kritikal. Ini boleh dilakukan melalui program bimbingan berkala, sesi kaunseling pendidikan, dan akses kepada mentor yang berpengalaman dalam bidang koperasi.

Untuk mengatasi skor rendah dalam penganjuran ceramah, seminar, dan forum ilmu, adalah perlu meningkatkan frekuensi dan kualiti acara-acara ini dengan melibatkan penceramah yang berkaliber dan topik-topik yang menarik dan relevan. Selain itu, menjalin lebih banyak kerjasama dengan institusi pendidikan tempatan untuk meningkatkan kualiti pendidikan yang diberikan kepada anggota koperasi adalah penting. Ini termasuk program kerjasama dalam penyediaan kursus, latihan, dan peluang penyelidikan yang boleh memberi manfaat kepada anggota koperasi. Peningkatan akses kepada sumber dan bahan pendidikan juga perlu diberi perhatian. Dengan mencatatkan skor purata sederhana, ini menunjukkan keperluan untuk menyediakan lebih banyak bahan pendidikan seperti buku, artikel, jurnal, dan akses kepada perpustakaan digital.

Memberi penekanan kepada pendidikan berterusan dan pembelajaran sepanjang hayat adalah satu lagi cadangan penting. Ini boleh dilakukan dengan menawarkan program-program pendidikan yang fleksibel dan mudah diakses, yang membolehkan anggota koperasi terus belajar tanpa mengira usia atau tahap pendidikan mereka. Menyediakan khidmat nasihat perundingan kepada anggota koperasi, yang mencatatkan skor purata yang tinggi juga boleh meningkatkan tahap kepuasan. Ini melibatkan penyediaan perunding yang berpengalaman dalam pelbagai bidang yang relevan dengan keperluan anggota, seperti kewangan, pemasaran, dan pengurusan koperasi.

Menggalakkan masyarakat untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka melalui kursus dan

bengkel, walaupun mencatatkan skor yang lebih rendah, menunjukkan keperluan untuk memperluaskan usaha pendidikan kepada masyarakat umum, bukan hanya terhad kepada anggota koperasi. Menjalinkan kerjasama dengan institusi pendidikan tempatan untuk meningkatkan kualiti pendidikan yang diberikan kepada masyarakat adalah penting, ini boleh melibatkan program-program khusus yang disesuaikan untuk keperluan masyarakat setempat dan membantu meningkatkan tahap pendidikan keseluruhan. Dengan melaksanakan cadangan-cadangan ini, diharapkan koperasi dapat meningkatkan tahap kepuasan anggota dan masyarakat dalam subdomain pendidikan, serta menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan dan kemahiran dalam kalangan anggota koperasi di Malaysia.

4.4.1.2 Sub Domain Kesihatan Fizikal dan Mental

Berdasarkan dapatan kajian dalam sub-domain Kesihatan Fizikal dan Kestabilan Mental, beberapa cadangan telah dirumuskan untuk meningkatkan tahap kepuasan anggota koperasi. Pertama, koperasi perlu mempertingkatkan bantuan fizikal kepada anggota yang mengalami masalah kesihatan fizikal seperti kerusi roda, katil hospital, dan tongkat, kerana inisiatif ini mencatatkan min skor tertinggi. Menyediakan lebih banyak peralatan dan bantuan fizikal yang diperlukan dapat meningkatkan kualiti hidup anggota koperasi. Untuk melaksanakan inisiatif ini, pihak koperasi perlu mengenal pasti anggota yang benar-benar memerlukan bantuan akibat dari masalah kesihatan fizikal dan menyimpan data yang berkaitan untuk tujuan tindakan susulan. Selain itu, kerjasama strategik dengan agensi kerajaan dan NGO dalam program penerangan berkaitan kesihatan fizikal dan mental perlu dipertingkatkan, memandangkan program-program ini mendapat sambutan yang baik dan

sangat diperlukan. Koperasi boleh menganjurkan lebih banyak program kesedaran kesihatan yang melibatkan pelbagai agensi untuk memberikan maklumat dan sokongan yang komprehensif kepada anggota.

Usaha untuk mengadakan program kemahiran mengurus kesihatan mental kepada anggota dan masyarakat juga perlu diperhebat. Dengan skor yang rendah, koperasi perlu memperkenalkan lebih banyak program yang fokus kepada pengurusan kesihatan mental seperti bengkel, seminar, dan sesi kaunseling. Mengadakan inisiatif program pemeriksaan kesihatan percuma secara berkala kepada anggota dan masyarakat setempat perlu diteruskan dan dipertingkatkan, kerana ini akan memastikan kesihatan fizikal mereka terjaga. Selain itu, menyediakan kemudahan seperti kawasan, peralatan, dan infrastruktur untuk beriadah bagi anggota dan masyarakat setempat juga penting kerana ini dapat meningkatkan

kualiti hidup mereka. Koperasi boleh membangunkan lebih banyak fasiliti riadah yang dapat digunakan sertra mudah diakses oleh anggota untuk menjaga kesihatan fizikal mereka dengan kos yang minimum.

Isu Kesihatan mental memerlukan intervensi yang menyeluruh di mana ianya juga boleh dikaitkan dengan pemakanan yang seimbang, keperihatinan ini boleh dimulakan dengan memberikan penerangan berkaitan makanan seimbang kepada anggota dan masyarakat dengan kerjasama agensi kerajaan dan NGO bagi meningkatkan skor bahagian ini. Ini kerana pemakanan mempengaruhi kesihatan fizikal dan juga mental, menganjurkan kempen kesedaran mengenai pemakanan seimbang dan

gaya hidup sihat yang melibatkan pakar pemakanan dan kesihatan. Keperihatinan pihak koperasi boleh dimulakan dengan perkongsian berkaitan agensi dan NGO yang boleh membantu anggota dan masyarakat setempat yang berhadapan dengan isu kesihatan mental. Seterusnya pihak koperasi boleh menyediakan lebih banyak sumber maklumat seperti risalah, laman-web, dan talian bantuan yang mudah di akses oleh anggota yang memerlukan bantuan kesihatan mental. Dengan melaksanakan cadangan ini, koperasi dapat meningkatkan tahap kepuasan anggota dan masyarakat dalam sub-domain kesihatan fizikal dan kestabilan mental, dalam masa yang sama dapat memastikan kesihatan fizikal dan mental mereka terus terpelihara dan dipertingkatkan.

4.4.1.3 Sub Domain Keterjaminan Makanan

Aspek penambahbaikan sub-domain keterjaminan makanan perlu diberi keutamaan khususnya dalam konteks semua item yang dinilai di tahap sederhana oleh rata-rata gerakan koperasi di Malaysia ke arah mencapai matlamat keusahawanan sosial. Beberapa langkah berikut adalah dicadangkan sebagai langkah penambahbaikan:

1. Membangunkan rangkaian makanan tempatan

Gerakan koperasi boleh bekerjasama dengan petani atau pengeluar makanan tempatan untuk memastikan bekalan makanan yang stabil dan berpatutan. Pada masa yang sama, setiap koperasi boleh mewujudkan platform pemasaran bekalan makanan seperti inisiatif pasar tani bagi memudahkan pengedaran bekalan makanan yang segar dan berkualiti secara langsung kepada ahli dan masyarakat.

2. Pendidikan dan latihan

Gerakan koperasi boleh menyediakan latihan dalam amalan pertanian mapan dan teknik penanaman yang cekap serta berkesan kepada ahli dan masyarakat setempat khususnya dalam kalangan generasi muda. Kempen kesedaran tentang pemakanan sihat dan kepentingan aspek keterjaminan makanan juga perlu diperkasakan.

3. Meningkatkan infrastruktur

Gerakan koperasi boleh melabur dalam kemudahan penyimpanan bekalan makanan yang baik seperti gudang sejuk beku bagi memastikan makanan dapat disimpan lebih lama, selain mengurangkan pembaziran. Kemudahan pengangkutan sendiri yang lebih cekap juga boleh difikirkan bagi mengangkut hasil pertanian dari ladang ke pasaran dengan lebih cepat dan selamat untuk manfaat ahli dan masyarakat.

4. Program sokongan kewangan

Gerakan koperasi disarankan untuk menyediakan pinjaman mikro/bantuan kewangan kepada ahli dan masyarakat setempat untuk membeli benih, baja dan peralatan pertanian. Dana khusus juga wajar diperuntukkan untuk menyokong projek keterjaminan makanan dan inisiatif pertanian mapan dalam kalangan ahli masyarakat yang berpotensi.

5. Inisiatif komuniti

Gerakan koperasi boleh menggalakkan ahli dan masyarakat setempat untuk mengusahakan projek kebun komuniti di kawasan bandar dan luar bandar ke arah meningkatkan daya pengeluaran makanan tempatan. Penganjuran program makanan di sekolah-sekolah untuk menyediakan pakej/menu makanan yang berkhasiat kepada kanak-kanak, selain mendidik mereka tentang kepentingan pemakanan yang sihat.

4.4.1.4 Sub Domain Keharmonian Masyarakat

Langkah penambahbaikan berhubung aspek pengiktirafan ahli masyarakat ke arah mencapai matlamat keusahawanan sosial wajar dilaksanakan antaranya:

1. Pengiktirafan dan penghargaan

Gerakan koperasi boleh mewujudkan anugerah tertentu dengan penganjuran majlis penghargaan bagi menghargai sumbangan ahli dalam masyarakat. Platform ini boleh menampilkan profil ahli masyarakat yang berjaya yang memberi sumbangan besar kepada masyarakat.

2. Penglibatan aktif ahli masyarakat

Koperasi boleh mengadakan sesi libat urus secara berkala dengan ahli masyarakat untuk memahami keperluan, cabaran dan sumbangan mereka. Dalam kata lain, penglibatan ahli masyarakat dalam proses pengambilan keputusan dibuat melalui perbincangan terbuka dan undian dalam ALK gerakan koperasi.

4.4.1.5 Sub Domain Perumahan

Dapatan kajian dalam sub-domain Perumahan menunjukkan beberapa implikasi penting bagi koperasi dalam usaha meningkatkan akses kepada perumahan bagi anggota dan masyarakat. Pertama, dapatan yang menunjukkan skor tertinggi iaitu 'mengambil berat terhadap anggota yang tidak mempunyai tempat tinggal' mencerminkan kepentingan sokongan sosial dalam menangani isu perumahan. Ini menunjukkan bahawa anggota koperasi sangat menghargai perhatian dan sokongan yang diberikan oleh koperasi dalam usaha memastikan setiap anggota mempunyai tempat tinggal yang selesa dan selamat. Oleh itu, koperasi perlu terus memperkukuhkan inisiatif ini untuk memastikan sokongan yang berterusan

dan mencukupi bagi anggota yang memerlukan.

Manakala dapatan skor min terendah iaitu 'usaha memastikan pemilikan tempat tinggal masyarakat sebagai sebahagian agenda koperasi' menandakan perlunya peningkatan dalam aspek ini. Sekiranya pihak koperasi tidak mengambil tindakan yang signifikan untuk menambahbaik tahap kepuasan untuk item ini kebarangkalian skor keseluruhan indeks akan terjejas.

Selain itu, skor rendah bagi usaha bekerjasama dengan institusi kewangan untuk skim perumahan mampu milik menekankan kepentingan kolaborasi strategik untuk memperluas akses kepada perumahan mampu milik.

Koperasi harus memperkuat hubungan dengan institusi kewangan untuk menyediakan lebih banyak pilihan skim perumahan yang sesuai dengan keperluan anggota dan masyarakat. Ini juga menunjukkan keperluan untuk koperasi memberikan maklumat yang jelas dan mudah di akses mengenai skim perumahan mampu milik yang tersedia.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi petunjuk jelas bahawa sementara usaha mengambil berat terhadap anggota yang tidak mempunyai tempat tinggal mendapat

sambutan yang baik, koperasi juga perlu memperluas dan memperdalam inisiatif perumahan mereka dengan memastikan pemilikan tempat tinggal masyarakat sebagai agenda utama dan bekerjasama dengan institusi kewangan untuk menyediakan skim perumahan mampu milik. Melalui pendekatan yang komprehensif ini, koperasi boleh memainkan peranan yang lebih signifikan dalam memastikan akses kepada perumahan yang selesa dan mampu milik bagi anggota dan masyarakat keseluruhan.

4.4.1.6 Sub Domain Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi

Aspek penambahbaikan perlu diberi keutamaan khususnya dalam konteks kerjasama koperasi dengan entiti lain dalam projek kemasyarakatan, pelarasan aktiviti kemasyarakatan melalui penubuhan jawatankuasa penyelarasan, melibatkan sebahagian masyarakat dalam kebanyakan acara dan aktiviti koperasi, menggalakkan

masyarakat terlibat dalam program khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh koperasi, penganjuran aktiviti gotong royong secara berkala, meningkatkan kesedaran masyarakat ke arah meningkatkan sambutan dalam kalangan mereka di kebanyakan acara atau inisiatif berkaitan koperasi, mendapatkan sokongan masyarakat

dalam bentuk masa/wang/sumber lain secara berkala bersama wakil untuk aktiviti koperasi dan mengadakan masyarakat. Ini boleh dilakukan dengan mesyuarat berkaitan aktiviti koperasi cara berikut:

1. Komunikasi berkesan

Aktiviti hebahan kepada ahli dan masyarakat setempat perlu diperkasakan terutama mengenai aktiviti koperasi, pencapaian dan cabaran gerakan koperasi. Ini boleh dilakukan melalui buletin, media sosial dan mesyuarat komuniti tempatan. Saluran komunikasi terbuka dalam kalangan ahli dan masyarakat boleh diwujudkan bagi mendapatkan maklum balas dalam perkara tertentu sama ada melalui tinjauan dalam talian dan forum awam.

2. Mengukuhkan penglibatan komuniti

Koperasi perlu menunjukkan sokongan ke atas projek/aktiviti yang menangani keperluan tempatan dengan melibatkan ahli masyarakat di dalam proses perancangan dan pelaksanaan. Ini boleh dilakukan melalui kerjasama terancang dengan organisasi tempatan, sekolah dan entiti perniagaan ke arah mempelbagaikan rakan sinergi yang berpotensi untuk mengembangkan impak gerakan koperasi.

3. Pendidikan dan latihan

Koperasi boleh menyediakan program latihan dan pendidikan untuk ahli dan masyarakat mengenai prinsip asas koperasi, literasi kewangan dan keusahawanan sosial. Kempen kesedaran bagi mendidik masyarakat perlu diperkasa terutama mengenai manfaat koperasi dan cara untuk terlibat.

4.4.1.7 Sub Domain Budaya dan Warisan

Berdasarkan dapatan kajian dalam subdomain Budaya dan Warisan, beberapa cadangan telah dirumuskan untuk meningkatkan tahap kepuasan anggota koperasi. Pertama, menggalakkan sambutan festival budaya dan tradisi tempatan perlu diteruskan dan diperhebat, memandangkan inisiatif ini mencatatkan skor tertinggi. Festival ini boleh melibatkan pelbagai aktiviti menarik seperti pameran seni, pertunjukan budaya, dan pertandingan tradisi yang mampu menarik minat pelbagai lapisan masyarakat. Selain itu, pendidikan budaya untuk anggota koperasi juga perlu diperluaskan. Ini boleh dilakukan melalui kursus, bengkel, dan seminar yang menyeluruh dan interaktif, fokus pada budaya tempatan untuk meningkatkan pengetahuan dan penghargaan terhadap budaya tersebut.

Untuk mencerminkan kepelbagaian budaya dalam masyarakat, koperasi harus memastikan bahawa setiap aktiviti yang dianjurkan merangkumi

pelbagai elemen budaya. Ini boleh dicapai dengan menjalin kerjasama dengan komuniti-komuniti budaya tempatan untuk menyertai dan memeriahkan aktiviti koperasi. Usaha memelihara warisan dan tradisi tempatan juga perlu diperkukuhkan memandangkan skor purata bagi inisiatif ini adalah rendah. Program pemeliharaan warisan yang melibatkan penyertaan aktif anggota koperasi dan masyarakat, seperti projek pemulihan bangunan bersejarah, dokumentasi tradisi lisan, dan pameran artifak budaya, boleh dianjurkan.

Promosi budaya dan warisan tempatan perlu dilakukan secara berkala dan berterusan. Koperasi boleh menggunakan pelbagai platform promosi seperti media sosial, laman web, dan pameran tetap di premis koperasi untuk memperkenalkan seni dan kraf tempatan. Usaha promosi ini perlu diperkayakan dengan cerita-cerita menarik dan visual yang

menggambarkan keindahan budaya dan warisan tempatan. Selain itu, koperasi juga harus mengadakan program-program pendidikan yang menyasarkan pelajar sekolah, komuniti setempat, dan pelancong untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap budaya tempatan. Ini boleh melibatkan lawatan berpandu ke tapak-tapak budaya, ceramah budaya, dan pameran

interaktif. Dengan melaksanakan cadangan-cadangan ini, koperasi dapat meningkatkan tahap kepuasan anggota dan masyarakat dalam subdomain budaya dan warisan. Ini akan membantu koperasi mencapai matlamatnya sebagai gerakan usahawan sosial dalam memastikan budaya dan warisan tempatan terus dipelihara, dihargai, dan diwarisi oleh generasi akan datang

4.4.2 Domain Alam Sekitar

4.4.2.1 Sub Domain Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar

Pihak koperasi boleh menambah dan mempelbagai kempen serta promosi yang dapat menggalakkan lebih ramai anggota koperasi dan masyarakat untuk terlibat dalam aktiviti penjimatan sumber seperti tenaga elektrik, sumber air dan penggunaan teknologi hijau. Pelbagai saluran boleh digunakan bagi tujuan ini seperti media tradisional (TV, Radio, Surat khabar, etc) dan juga media sosial (*TikTok, Facebook, Instagram, Twitter etc*). Bagi menggalakkan penggunaan teknologi hijau, ia mungkin melibatkan tambahan kos. Sekiranya

relevan, pihak koperasi boleh memperuntukkan dana tambahan atau subsidi kepada mana-mana anggota koperasi yang berminat menggunakan teknologi hijau (cth: sistem solar). Selain itu pihak koperasi juga boleh bekerjasama dengan persatuan komuniti, ketua masyarakat atau wakil Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) untuk merangka strategi bagi menggalakkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti gotong-royong dan kempen pengurangan penggunaan plastik.

4.4.2.2 Sub Domain Perubahan Iklim

Pihak koperasi boleh mewujudkan pasukan respons bencana banjir yang menghulurkan bantuan dan meringankan beban mangsa di musim bencana. Pihak koperasi juga boleh mengadakan beberapa siri perbincangan berkumpulan bersama wakil anggota koperasi dan masyarakat

bagi merangka strategi menghadapi impak perubahan iklim seperti bencana banjir dan pemanasan global. Ini kerana strategi bagi menghadapi dan pengukuhan adaptasi komuniti terhadap impak perubahan iklim akan berkesan dan menjadi efektif sekiranya pihak koperasi menghasilkan strategi

tersebut berdasarkan apa yang anggota koperasi dan masyarakat perlu, mahu dan mampu lakukan.

4.4.2.3 Sub Domain Kerjasama dengan Penyelidik Tempatan untuk Kelestarian Alam Sekitar

Antara cadangan kajian yang diutarakan bagi sub-domain ini ialah koperasi boleh merangka kerjasama yang lebih aktif bersama pihak NGO (cth: Malaysian Nature Society) berkaitan pemeliharaan alam sekitar. Antara aspek yang boleh ditekankan dalam kerjasama ini ialah cara



pembuangan sampah yang betul, kempen pengurangan pelepasan gas karbon ke udara dan penganjuran aktiviti pembersihan sungai, tasik dan pantai. Geran penyelidikan bersama atau matching grant boleh diwujudkan

di antara pihak koperasi dan universiti tempatan/luar negara bagi mewujudkan lebih banyak kerjasama penyelidikan yang memberikan fokus kepada pengukuhan peranan koperasi dalam aktiviti pemeliharaan alam sekitar. Selain itu, kajian pembentukan Indeks Adaptasi Perubahan Iklim Koperasi Malaysia yang dilakukan secara berkala boleh dipertimbang.



4.4.3 Domain Ekonomi

4.4.3.1 Sub Domain Peluang Pekerjaan Baharu

Berdasarkan dapatan kajian dalam subdomain Peluang Pekerjaan Baharu, beberapa cadangan telah dirumuskan untuk meningkatkan tahap kepuasan anggota koperasi. Pertama, koperasi perlu terus memperkuat usaha mempelbagaikan aktiviti perniagaan sedia ada, kerana inisiatif ini mencatatkan skor tertinggi. Koperasi boleh mengadakan kajian pasaran untuk mengenal pasti peluang perniagaan baharu yang sesuai dan bermanfaat bagi anggota, termasuk mengembangkan perniagaan ke dalam bidang-bidang yang berkaitan dan berpotensi tinggi.

Selain itu, koperasi perlu terus meningkatkan tahap pengeluaran dan memperluaskan perkhidmatan mereka secara berkala, kerana inisiatif ini juga mendapat sambutan yang sangat baik. Usaha ini boleh melibatkan peningkatan teknologi pengeluaran, latihan pekerja, dan inovasi produk untuk memastikan

koperasi sentiasa berada di hadapan dalam persaingan pasaran.

Di samping itu, usaha menyediakan sumber dan nasihat kepada anggota yang ingin memulakan perniagaan sendiri perlu diperhebat, memandangkan inisiatif ini mencatatkan skor rendah. Koperasi boleh memperkenalkan program bimbingan yang komprehensif untuk anggota yang berminat memulakan perniagaan, termasuk penyediaan kursus keusahawanan, sesi bimbingan individu, dan jaringan dengan usahawan berpengalaman yang boleh memberikan nasihat praktikal. Untuk meningkatkan skor rendah dalam penggunaan sumber tempatan, koperasi perlu menggalakkan penggunaan bahan mentah tempatan dalam proses pengeluaran. Koperasi boleh bekerjasama dengan pembekal tempatan untuk memastikan bahan mentah berkualiti tinggi dan berpatutan, serta mempromosikan

penggunaan produk tempatan kepada pelanggan bagi meningkatkan permintaan dan menyokong ekonomi tempatan.



Selain itu, koperasi perlu berusaha mencari pasaran baharu di peringkat tempatan dan antarabangsa. Ini boleh dilakukan melalui penyertaan dalam pameran perdagangan, misi perniagaan ke luar negara, dan penggunaan platform e-dagang untuk mencapai pelanggan di luar kawasan geografi tradisional. Memandangkan kerjasama

dengan NGO dan ketua masyarakat tempatan mencatatkan skor sederhana, koperasi perlu memperkuat hubungan ini untuk menganjurkan aktiviti perniagaan baharu. Kerjasama ini boleh membantu mengembangkan jaringan perniagaan, mendapatkan sokongan komuniti, dan memanfaatkan sumber yang ada dalam masyarakat.

Dengan melaksanakan cadangan-cadangan ini, koperasi dapat meningkatkan tahap kepuasan anggota dalam subdomain Peluang Pekerjaan Baharu. Ini akan membantu koperasi mencapai matlamatnya sebagai gerakan usahawan sosial, memastikan pembangunan ekonomi yang mampan dan inklusif, serta memperkuat sokongan kepada anggota dan masyarakat secara keseluruhan.

4.4.3.2 Sub Domain Kerjasama antara Koperasi dan Orang Awam

Berdasarkan dapatan kajian dalam subdomain Kerjasama Koperasi dan Awam, beberapa cadangan telah dirumuskan untuk meningkatkan tahap kepuasan anggota koperasi. Pertama, koperasi perlu terus memperkukuhkan usaha mewujudkan kerjasama dalam kalangan anggota untuk meningkatkan aktiviti seperti pemasaran, penyelidikan, atau pameran, kerana inisiatif ini mencatatkan skor tertinggi. Koperasi boleh mengadakan lebih banyak program kolaborasi dan menyediakan platform untuk anggota berkongsi pengetahuan dan pengalaman. Selain itu, koperasi perlu membangunkan lebih banyak platform dalam talian yang menghubungkan anggota untuk menyumbang idea dan meningkatkan skala perniagaan, memandangkan inisiatif ini mendapat sambutan yang baik. Platform dalam talian ini boleh menjadi tempat untuk anggota berbincang, bertukar idea, dan mencari peluang perniagaan baharu secara lebih efisien.

Usaha menganjurkan pertandingan dalam kalangan masyarakat untuk mendapatkan idea inovatif mencatatkan skor rendah. Oleh itu, koperasi perlu memperkenalkan lebih banyak program inovasi dan pertandingan yang menawarkan ganjaran menarik untuk idea terbaik. Ini boleh termasuk *hackathon*, pertandingan idea perniagaan, dan bengkel inovasi yang melibatkan pakar industri. Selain itu, koperasi perlu menyediakan lebih banyak platform di mana masyarakat boleh berkongsi kepakaran mereka untuk meningkatkan kemahiran dan peluang berkenalan. Ini boleh melibatkan sesi rangkaian, forum dalam talian, dan kumpulan fokus yang membolehkan anggota dan masyarakat berkongsi pengetahuan dan membina hubungan profesional yang berharga.

Koperasi juga perlu menganjurkan lebih banyak aktiviti celik kewangan dan program kesedaran mengenai pembiayaan alternatif dalam kalangan

koperasi, kerana inisiatif ini mencatatkan skor yang sederhana. Koperasi boleh mengadakan seminar, bengkel, dan sesi penerangan yang membantu anggota memahami pelbagai pilihan pembiayaan yang tersedia dan bagaimana untuk memanfaatkannya. Selain itu, koperasi perlu menyediakan perlindungan insuran untuk membantu anggota mengurangkan risiko dari ancaman seperti banjir, kemalangan, atau penyakit berjangkit. Koperasi boleh bekerjasama dengan syarikat insuran

untuk menawarkan pakej insuran yang komprehensif dan berpatutan kepada anggota.

Dengan melaksanakan cadangan-cadangan ini, koperasi dapat meningkatkan tahap kepuasan anggota dalam subdomain Kerjasama Koperasi dan Awam. Ini akan membantu memastikan kerjasama yang lebih erat antara anggota dan masyarakat serta memaksimumkan manfaat daripada aktiviti koperasi.

4.4.3.3 Sub Domain Bantuan kepada Anggota

Berdasarkan dapatan kajian dalam subdomain Bantuan kepada Anggota, beberapa cadangan telah dirumuskan untuk meningkatkan tahap kepuasan anggota koperasi. Pertama, koperasi perlu memperluas dan memperkukuhkan program bantuan kewangan kepada anggota yang memerlukan, kerana inisiatif ini mencatatkan skor tertinggi. Koperasi boleh memperkenalkan lebih banyak

skim bantuan kewangan, termasuk bantuan kewangan jangka pendek dan jangka panjang, untuk memastikan lebih ramai anggota dapat menerima sokongan yang diperlukan. Selain itu, koperasi perlu memastikan dana kecemasan untuk membantu anggota yang ditimpa musibah sentiasa mencukupi dan mudah diakses. Ini boleh melibatkan penyediaan prosedur permohonan yang mudah dan cepat,

serta memastikan bahawa dana kecemasan ini dapat menampung pelbagai jenis musibah seperti bencana alam, kemalangan, atau krisis kesihatan.

Usaha memberikan bantuan kewangan atau biasiswa untuk anggota yang ingin melanjutkan pelajaran perlu diperhebat memandangkan inisiatif ini mencatatkan skor rendah. Koperasi perlu memperkenalkan lebih banyak program bantuan pendidikan yang komprehensif, seperti biasiswa, pinjaman pendidikan tanpa faedah, atau subsidi yuran pendidikan. Selain itu, koperasi boleh menjalin kerjasama dengan institusi pendidikan untuk menyediakan peluang pendidikan yang lebih banyak dan berpatutan kepada anggota. Koperasi juga perlu mengadakan lebih banyak program kesedaran dan pendidikan kewangan untuk membantu anggota mengurus kewangan mereka dengan lebih baik. Ini boleh termasuk seminar, bengkel, dan kursus pengurusan kewangan yang

memberikan pengetahuan praktikal tentang cara menguruskan kewangan peribadi, membuat bajet, dan menabung untuk masa depan.

Akhirnya, koperasi perlu menyediakan saluran sokongan dan maklumat yang mudah diakses oleh anggota mengenai bantuan kewangan dan dana kecemasan yang tersedia. Ini boleh termasuk laman web koperasi yang mesra pengguna, pusat panggilan bantuan, dan sesi penerangan berkala untuk memastikan anggota sentiasa mendapat maklumat terkini tentang program bantuan yang ditawarkan. Dengan melaksanakan cadangan-cadangan ini, koperasi dapat meningkatkan tahap kepuasan anggota dalam subdomain Bantuan kepada Anggota. Ini akan membantu memastikan bahawa lebih ramai anggota dapat menerima sokongan kewangan dan pendidikan yang diperlukan, serta meningkatkan kesejahteraan mereka secara keseluruhan.

4.4.3.4 Sub Domain Bantuan kepada Masyarakat

Berdasarkan dapatan kajian dalam subdomain Bantuan kepada Masyarakat, beberapa cadangan telah dirumuskan untuk meningkatkan tahap kepuasan masyarakat. Pertama, koperasi perlu terus memperkukuhkan dan memperluas program bimbingan pendidikan koperasi, memandangkan inisiatif ini mencatatkan skor tertinggi. Koperasi boleh mengadakan lebih banyak sesi bimbingan, kursus, dan seminar yang berkaitan dengan pendidikan koperasi untuk meningkatkan pemahaman dan pengetahuan masyarakat tentang manfaat dan fungsi koperasi. Selain itu, usaha mewujudkan dana kecemasan untuk membantu masyarakat yang ditimpa musibah perlu diperkukuhkan lagi, kerana mendapat sambutan yang baik (min 3.30). Koperasi perlu memastikan dana kecemasan ini sentiasa mencukupi dan mudah diakses oleh masyarakat yang memerlukan, dengan menyediakan prosedur permohonan yang mudah dan cepat

serta memastikan dana tersebut dapat menampung pelbagai jenis musibah seperti bencana alam, kemalangan, atau krisis kesihatan.

Usaha memberikan bantuan kewangan atau biasiswa untuk masyarakat yang ingin melanjutkan pelajaran perlu diperhebat memandangkan inisiatif ini mencatatkan skor rendah. Koperasi boleh memperkenalkan lebih banyak program bantuan pendidikan yang komprehensif, seperti biasiswa, pinjaman pendidikan tanpa faedah, atau subsidi yuran pendidikan. Selain itu, koperasi boleh menjalin kerjasama dengan institusi pendidikan untuk menyediakan peluang pendidikan yang lebih banyak dan berpatutan kepada masyarakat. Koperasi juga perlu meningkatkan akses kepada sumber dan bahan pendidikan yang boleh diakses oleh masyarakat, kerana skor item ini adalah rendah (min 3.10). Koperasi boleh menyediakan lebih banyak bahan pendidikan seperti buku, artikel, jurnal,

dan akses kepada perpustakaan digital untuk memastikan masyarakat mempunyai akses yang mencukupi kepada maklumat dan bahan pembelajaran yang relevan.



cadangan-cadangan ini, koperasi dapat meningkatkan tahap kepuasan masyarakat dalam subdomain Bantuan kepada Masyarakat, membantu memastikan lebih ramai masyarakat dapat menerima sokongan yang diperlukan serta meningkatkan kesejahteraan dan pembangunan mereka secara keseluruhan.

Akhirnya, koperasi boleh meningkatkan usaha menyediakan khidmat nasihat perundingan kepada masyarakat. Ini boleh dilakukan dengan menyediakan sesi perundingan berkala dengan pakar-pakar dalam bidang tertentu seperti kewangan, perniagaan, dan pendidikan untuk membantu masyarakat mendapatkan nasihat yang berguna dan praktikal. Dengan melaksanakan



RUMUSAN



5 . 0 R U M U S A N

Berdasarkan dapatan kajian, prestasi koperasi dalam tiga domain utama iaitu Masyarakat, Alam Sekitar, dan Ekonomi menunjukkan bahawa koperasi memiliki kekuatan dalam aspek **ekonomi** dengan **skor tertinggi (66.20)**, namun masih memerlukan peningkatan dalam aspek sosial dan alam sekitar. Skor bagi Domain Masyarakat (61.21) dan Domain Alam Sekitar (62.98) menunjukkan pencapaian yang sederhana, mencerminkan keperluan untuk meningkatkan usaha koperasi dalam menyokong kesejahteraan masyarakat serta kelestarian alam sekitar.

Dalam **Subdomain Keharmonian Masyarakat (74.75)** dan **Peluang Pekerjaan Baharu (71.00)**, koperasi telah menunjukkan prestasi yang baik. Ini mencerminkan bahawa koperasi memainkan peranan penting dalam mewujudkan perpaduan sosial dan menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Namun begitu, skor rendah dalam **Kesehatan Fizikal (53.00)** dan **Perumahan (52.75)** mengisyaratkan bahawa koperasi masih belum cukup berperanan dalam memastikan kesejahteraan fizikal dan akses perumahan yang mencukupi kepada masyarakat.

Tambahan pula, prestasi yang sederhana dalam Penglibatan Masyarakat dalam kegiatan koperasi (64.50) dan Bantuan kepada Masyarakat (55.25) menekankan bahawa koperasi perlu lebih aktif dalam menggalakkan penyertaan masyarakat secara lebih luas dan menambah baik usaha bantuan sosial kepada mereka yang memerlukan.

Bagi memantapkan koperasi sebagai sebuah organisasi keusahawanan sosial yang berdaya saing, beberapa pelan intervensi perlu dirangka dan dilaksanakan dengan segera:

Pengukuhan Program Sosial dan Kesejahteraan Masyarakat:

Koperasi perlu melaksanakan program yang lebih menyeluruh dalam aspek kesihatan fizikal dan kesejahteraan mental, serta menyediakan akses yang lebih baik kepada perumahan. Ini boleh dicapai melalui kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan institusi kewangan untuk melaksanakan skim perumahan yang mampu milik serta memperkenalkan program kesihatan komuniti.

Mempertingkatkan Keterlibatan Masyarakat:

Masyarakat perlu lebih terlibat secara aktif dalam kegiatan koperasi. Pelan intervensi boleh memfokuskan kepada kempen kesedaran mengenai faedah penglibatan dalam koperasi serta menggalakkan kepimpinan komuniti dalam koperasi. Aktiviti-aktiviti koperasi juga harus dirancang untuk memenuhi keperluan masyarakat, agar lebih ramai yang tertarik untuk turut serta.

Mengukuhkan Peranan Koperasi dalam Alam Sekitar:

Dalam domain alam sekitar, intervensi perlu menumpukan kepada inisiatif kelestarian alam sekitar seperti program pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi, serta kerjasama dengan penyelidik tempatan untuk inovasi alam sekitar. Usaha ini bukan sahaja akan menyokong kelestarian, tetapi juga memberi imej positif kepada koperasi sebagai organisasi bertanggungjawab sosial.

Penambahbaikan Bantuan Sosial:

Skor sederhana dalam bantuan kepada anggota dan masyarakat mencadangkan bahawa koperasi perlu memperkenalkan lebih banyak program bantuan, seperti skim kewangan mikro untuk membantu golongan berpendapatan rendah serta inisiatif-inisiatif komuniti untuk menangani isu-isu sosial yang mendesak.


Pembangunan Keusahawanan Sosial Bersepadu:

Koperasi harus memfokuskan kepada strategi keusahawanan sosial yang mampan dengan membangunkan perniagaan yang berasaskan nilai sosial sambil menjana keuntungan. Ini termasuklah memperkenalkan produk atau perkhidmatan yang menyokong matlamat sosial seperti pendidikan, kesihatan, atau kelestarian alam sekitar.



Melalui pelan intervensi yang lebih strategik, koperasi berpotensi untuk menjadi organisasi keusahawanan sosial yang lebih berdaya saing dan relevan dalam memenuhi keperluan masyarakat serta alam sekitar. Peningkatan dalam

aspek keterlibatan masyarakat, kelestarian alam sekitar, dan bantuan sosial bukan sahaja akan mengukuhkan kedudukan koperasi tetapi juga menyumbang kepada pembangunan sosial yang lebih inklusif dan mampan.





PELAN INTERVENSI



6.0 PELAN INTERVENSI

6.1 ADDENDUM CADANGAN PELAN INTERVENSI IGK

Pelan Intervensi ini merupakan dokumen tambahan kepada projek asal Kajian Indeks Gerakan Koperasi (IGK) 2023. Ia dihasilkan melalui sesi bengkel intensif selama dua hari yang melibatkan 19 orang pemegang taruh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dari pelbagai peringkat, termasuk beberapa pengarah negeri terpilih, wakil Transformasi, IKMA, dan BBP.

Semasa bengkel, para peserta dibahagikan kepada kumpulan mengikut kluster yang terdiri daripada kluster besar, sederhana, serta kecil dan mikro (digabungkan berdasarkan persamaan isu). Hasil perbincangan setiap kluster berbeza bergantung kepada keutamaan dan keupayaan masing-masing dalam menangani isu yang dihadapi. Setiap kumpulan kluster telah membentangkan dapatan masing-

masing, yang kemudiannya dibincang dan dipersetujui secara kolektif oleh semua ahli yang terlibat.

Asas pelan tindakan ini disandarkan kepada dapatan Kajian IGK, di mana beberapa isu kritikal dalam setiap subdomain telah dikenalpasti. Pemilihan isu tersebut dilakukan berdasarkan hasil kajian, dengan bilangan isu yang dipilih berbeza mengikut kluster. Hasil pelan tindakan ini dirumuskan dalam bentuk matriks seperti berikut.



6.1.1 KLUSTER BESAR





DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Pendidikan								
Isu:	Kurang mengadakan ceramah/seminar atau forum ilmu untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat							
Matlamat:	Membangunkan anggota koperasi dan masyarakat yang berhubung kait dengan anggota koperasi dalam bidang keusahawanan dan teknikal yang selaras dengan aktiviti ekonomi koperasi							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
1. Menganjurkan program pendidikan berterusan dalam bidang keusahawanan dan teknikal kepada anggota koperasi dan masyarakat	✓	✓		Menjalinkan kerjasama dengan institusi berkaitan keusahawanan dan teknikal (contoh: INSKEN, Kolej Komuniti)	LOI atau MoU dengan institusi berkaitan	Bilangan usahawan dalam kalangan anggota koperasi	Koperasi	Kursus dan latihan
2. Melibatkan peranan koperasi dalam aktiviti sosio ekonomi anggota dan masyarakat.		✓	✓	Menyediakan akses pendidikan yang mudah kepada anggota dan masyarakat	Prasarana pendidikan yang dinamik dan fleksibel	Program libat urus	Koperasi	Penambahan anggota baharu


DOMAIN: MASYARAKAT
Sub-domain: Pendidikan

Isu	Kurang sumber dan maklumat berkaitan pendidikan yang boleh diakses oleh masyarakat							
Matlamat :	Meningkatkan perkongsian sumber dan maklumat berkaitan pendidikan yang boleh diakses oleh masyarakat							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Meningkatkan ketercapaian (accessibility) maklumat kepada masyarakat.			✓	Bekerjasama dengan pemegang taruh bagi penggunaan media sosial sebagai medium komunikasi utama dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat	Wujudkan platform media sosial dengan penglibatan semua koperasi dan pemegang taruh (FB, Ig: Gerakan Koperasi Malaysia)	Bilangan hebahan di media sosial pemegang taruh (Live, Podcast, Forum)	Information Officer (I.O) Koperasi	Bilangan pengunjung (Program Fizikal) dan pengikut di media sosial.

DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Kesihatan Fizikal & Mental								
Isu:	Kurang berkongsi maklumat tentang agensi atau NGO yang boleh membantu masyarakat setempat yang mengalami kesihatan fizikal dan mental (Cth talian kasih)							
Matlamat:	Peningkatan perkongsian maklumat berkaitan agensi/ NGO lokal (mukim/daerah) terpilih yang menawarkan khidmat yang berkaitan kesihatan fizikal & mental							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Menganjurkan program kesedaran kesihatan mental dengan kerjasama agensi berkaitan		✓	✓	Kerjasama menjayakan aktiviti berkaitan kesihatan fizikal / kestabilan mental	Penganjuran bersama untuk aktiviti berkaitan	Bilangan aktiviti yang dilaksanakan	Koperasi dan agensi berkaitan	Senarai aktiviti yang dilaksanakan



DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi								
Isu	Kurang mengadakan perbincangan berkaitan aktiviti koperasi secara berkala bersama wakil masyarakat							
Matlamat:	Peningkatan kekerapan perbincangan antara pihak koperasi dan masyarakat setempat							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Mengadakan perbincangan di antara wakil masyarakat dengan koperasi	✓	✓	✓	Merencana jadual perbincangan antara pihak koperasi dan masyarakat (Semasa Hari terbuka)	Berbincang berkaitan keperluan masyarakat yang boleh dikongsikan oleh koperasi	Bilangan isu yang dibincangkan	Koperasi	Senarai perbincangan bersama masyarakat

DOMAIN: MASYARAKAT									
Sub-domain: Budaya dan warisan									
Isu	Kurang mempromosikan budaya dan warisan tempatan secara berkala (cth: seni dan kraf)								
Matlamat:	Peningkatan promosi budaya dan warisan tempatan secara berkala (cth: seni dan kraf)								
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil	
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun						
Memelihara budaya dan warisan watan	✓	✓	✓	i. Kenal pasti budaya & warisan yang ingin diketengahkan ii. Bekerjasama dengan pihak ketiga (Jabatan Kesenian & Kebudayaan)	Perbincangan untuk kenal pasti sekurang - kurangnya 2 bahan/ aktiviti budaya dan warisan (seni bina, adat & budaya) tempatan dalam tempoh setahun.	Bilangan bahan/ aktiviti budaya dan warisan (seni bina, adat & budaya) tempatan dalam tempoh setahun.	SKM / Koperasi	Senarai aktiviti budaya dan warisan tempatan	

DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Perumahan								
Isu	Kurang kerjasama dengan pihak institusi kewangan untuk skim perumahan mampu milik masyarakat setempat							
Matlamat:	Mewujudkan kerjasama dengan institusi kewangan yang berlesen atau sumber dalaman koperasi untuk penyediaan pembiayaan deposit perumahan							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Meningkatkan keupayaan anggota memiliki rumah mampu milik			✓	Menyediakan kemudahan pembiayaan skim deposit perumahan	Membangunkan produk baharu bagi pembiayaan yang memenuhi keperluan anggota	Bilangan Produk pembiayaan	Koperasi kredit	Bilangan akaun bagi produk baharu pembiayaan

DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Perumahan								
Isu	Pemilikan tempat tinggal masyarakat BUKAN menjadi sebahagian daripada agenda koperasi							
Matlamat:	Menjadikan isu pemilikan tempat tinggal masyarakat sebahagian daripada agenda koperasi							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Meningkatkan keupayaan anggota memiliki tempat tinggal	✓			Menyediakan kemudahan pembiayaan perumahan	Membangunkan produk pembiayaan baru yang memenuhi keperluan anggota	Bilangan Produk baharu pembiayaan perumahan	Koperasi kredit	Senarai Produk baharu pembiayaan perumahan



DOMAIN: EKONOMI

Sub-domain: Peluang Pekerjaan Baru

Isu	Sumber atau penasihat yang kurang kepada anggota yang ingin memulakan perniagaan sendiri							
Matlamat:	Peningkatan <i>start-up</i> perniagaan alam kalangan anggota koperasi							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Meningkatkan bilangan usahawan dalam kalangan anggota koperasi		✓		Menjalinkan kerjasama dengan institusi berkaitan keusahawanan (cth INSKEN) dan kewangan (koperasi tentera, BRakyat dan CBP) Koperasi sebagai fasilitator (cth dengan TEKUN; MARA)	LOI atau MoU dengan institusi berkaitan	Bilangan usahawan dalam kalangan anggota koperasi	Koperasi	Senarai usahawan yang dihasilkan

DOMAIN: EKONOMI								
Sub-domain: Bantuan kepada anggota								
Isu	Kurang memberi bantuan kewangan /biasiswa untuk anggota yang ingin melanjutkan pelajaran							
Matlamat:	Kemudahan pembiayaan kewangan kepada anggota yang ingin melanjutkan pelajaran dengan kadar yang kompetitif							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Meningkatkan keupayaan anggota melanjutkan pelajaran kepada anggota		✓		Menyediakan kemudahan pembiayaan	Membangunkan produk pembiayaan pendidikan kepada anggota	Bilangan Produk pembiayaan		Pertambahan anggota melanjutkan pelajaran


DOMAIN: EKONOMI
Sub-domain: Bantuan kepada masyarakat

Isu	Kurang memberi bantuan kewangan /biasiswa untuk masyarakat yang ingin melanjutkan pelajaran							
Matlamat:	Kemudahan pembiayaan kewangan kepada masyarakat** (anggota) yang ingin melanjutkan pelajaran dengan kadar yang kompetitif							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Meningkatkan keupayaan (masyarakat) melanjutkan pelajaran			✓	Menyediakan kemudahan pembiayaan kepada masyarakat	Membangunkan produk pembiayaan pendidikan kepada masyarakat	Bilangan pembiayaan		Senarai penerima pembiayaan

DOMAIN: ALAM SEKITAR

Sub-domain: Kerjasama dengan penyelidik tempatan untuk kelastarian alam sekitar (kerjasama dengan pemegang taruh termasuk pemimpin tempatan dan penyelidik tempatan untuk kelastarian alam sekitar)

Isu	Kurang penganjuran membersihkan alam sekitar termasuk sungai/tasik/pantai							
Matlamat:	Peningkatan penganjuran aktiviti membersihkan alam sekitar termasuk sungai/tasik/pantai							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Bekerjasama dengan agensi lain dan masyarakat mengadakan program berkaitan pemeliharaan & pemuliharaan alam sekitar	✓			Program berkaitan bersama dengan masyarakat dan agensi	Merancang dan menjalankan program berkaitan pemeliharaan & pemuliharaan alam sekitar	Bilangan program dan agensi terlibat	Koperasi	Senarai program dan senarai agensi yang terlibat

DOMAIN: ALAM SEKITAR

Sub-domain: Perubahan Iklim

Isu	Kurangnya bantuan kepada masyarakat untuk merangka strategi adaptasi terhadap kesan perubahan iklim							
Matlamat:	Peningkatan bantuan masyarakat untuk merangka strategi adaptasi terhadap kesan perubahan iklim							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Meningkatkan kerjasama antara koperasi, masyarakat dan agensi dalam menghadapi kesan perubahan iklim		✓		Kolaborasi antara koperasi/ wakil masyarakat dan agensi yang berkaitan	Mengadakan aktiviti untuk memberi kesedaran berkaitan impak perubahan iklim kepada masyarakat yang terkesan	Bilangan aktiviti berkaitan	Koperasi	Senarai aktiviti berkaitan

6.1.2 KLUSTER SEDERHANA



DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Pendidikan								
Isu:	Koperasi kurang mengadakan ceramah/seminar atau forum ilmu untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat							
Matlamat:	Peningkatan program ilmu yang boleh memberikan manfaat kepada anggota dan masyarakat							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Kenalpasti 2 ilmu pengetahuan / kemahiran yang diperlukan oleh anggota dan masyarakat setempat	✓	✓		Mendapatkan maklumat secara umum berkaitan keperluan ilmu oleh anggota dan masyarakat setempat	Menjalankan survei	Bilangan Bidang utama untuk program ilmu / kemahiran	ALK Koperasi	Senarai bilangan bidang ilmu



Merancang 2 program ilmu / kemahiran mengikut bidang keutamaan setiap tahun		✓	✓	i. Mengadakan perbincangan bersama anggota koperasi berkaitan program ii. Mengadakan kerjasama dengan agensi/ NGO berkaitan program yang bersesuaian	Merancang program ilmu / kemahiran seperti yang dirancang	Bilangan perancangan program ilmu dalam setahun	ALK Koperasi dan Agensi berkaitan	Senarai perancangan program ilmu/ kemahiran setiap tahun
Melaksanakan 2 program ilmu / kemahiran mengikut bidang keutamaan setiap tahun		✓	✓	Melaksanakan 2 program ilmu / kemahiran mengadakan kerjasama dengan agensi/ NGO berkaitan	Melaksanakan program ilmu / kemahiran seperti yang dirancang	Bilangan pelaksanaan program ilmu dalam setahun	ALK Koperasi dan Agensi berkaitan	Senarai pelaksanaan program ilmu / kemahiran setiap tahun

DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Pendidikan								
Isu	Kurang sumber dan maklumat berkaitan pendidikan yang boleh diakses oleh masyarakat							
Matlamat :	Meningkatkan perkongsian sumber dan maklumat berkaitan pendidikan yang boleh diakses oleh masyarakat							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Menentukan sekurang-kurangnya 2 keperluan ilmu pengetahuan / kemahiran kepada masyarakat setempat	✓	✓		Bekerjasama dengan ketua kampung/ wakil penduduk untuk mengenalpasti keperluan ilmu pengetahuan / kemahiran oleh masyarakat setempat	Mengadakan perbincangan berkaitan keperluan ilmu pengetahuan / kemahiran masyarakat setempat	Bilangan dan jenis keperluan yang diperlukan	ALK Koperasi	Senarai keperluan maklumat pendidikan masyarakat setempat
Perkongsian ilmu melalui pelbagai saluran media		✓	✓	Berkongsi ilmu pengetahuan / kemahiran melalui pelbagai saluran media koperasi	Menyediakan poster, pamflet dan slot radio	Bilangan perkongsian	ALK Koperasi	Senarai perkongsian ilmu pengetahuan / kemahiran

DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Kesihatan Fizikal & Mental								
Isu	Kurang berkongsi maklumat tentang agensi atau NGO yang boleh membantu masyarakat setempat yang mengalami isu kesihatan fizikal dan kesejahteraan mental (Cth talian kasih)							
Matlamat :	Peningkatan perkongsian maklumat berkaitan agensi/ NGO lokal (mukim/daerah) terpilih yang menawarkan khidmat yang berkaitan kes kesihatan fizikal & kesejahteraan mental							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Kenalpasti 2 Agensi/ NGO yang boleh membantu masyarakat setempat yang mengalami isu kesihatan fizikal dan kesejahteraan mental	✓	✓		Mendapatkan maklumat secara umum berkaitan Agensi/ NGO yang boleh membantu masyarakat setempat yang mengalami isu kesihatan fizikal dan kesejahteraan mental	Mengadakan perbincangan untuk mengenalpasti Agensi/ NGO yang boleh membantu masyarakat setempat yang mengalami isu kesihatan fizikal dan kesejahteraan mental	Bilangan Agensi/ NGO yang boleh membantu masyarakat setempat yang mengalami isu kesihatan fizikal dan kesejahteraan mental	ALK Koperasi	Senarai bilangan Agensi/ NGO yang boleh membantu masyarakat setempat



Merancang 2 program bersama Agensi/ NGO yang boleh membantu masyarakat setempat yang mengalami isu kesihatan fizikal dan kesejahteraan mental		✓	✓	i. Mengadakan perbincangan bersama anggota koperasi berkaitan program ii. Mengadakan kerjasama dengan agensi/ NGO berkaitan program yang bersesuaian	Merancang 2 program bersama Agensi/ NGO yang mempunyai kepakaran berkaitan	Bilangan perancangan program bersama Agensi/ NGO	ALK Koperasi dan Agensi berkaitan	Senarai perancangan program bersama Agensi/ NGO
Melaksanakan 2 program bersama Agensi/ NGO yang boleh membantu masyarakat setempat yang mengalami isu kesihatan fizikal dan kesejahteraan mental		✓	✓	i. Mengadakan perbincangan bersama anggota koperasi berkaitan program ii. Mengadakan kerjasama dengan agensi/ NGO berkaitan program yang bersesuaian iii. Menjadi perantara untuk kumpulan sokongan dengan kerjasama individu/ Agensi/ NGO	Melaksanakan 2 program bersama Agensi/ NGO	Bilangan pelaksanaan program bersama Agensi/ NGO	ALK Koperasi dan Agensi berkaitan	Senarai pelaksanaan program bersama Agensi/ NGO

DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Kesihatan Fizikal & Mental								
Isu	Kurang mengadakan program kemahiran mengurus berkaitan kesihatan mental kepada masyarakat							
Matlamat:	Peningkatan program kemahiran berkaitan mengurus kesihatan mental kepada masyarakat							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
1. Mengenalpasti 2 program mengurus kesihatan mental kepada masyarakat	✓	✓		Mendapatkan maklumat secara umum berkaitan keperluan ilmu kesihatan mental oleh anggota dan masyarakat setempat	Menjalankan survei	Bilangan program mengurus kesihatan mental	ALK Koperasi	Senarai bilangan program mengurus kesihatan mental
2. Merancang 2 program mengurus kesihatan mental kepada masyarakat	✓	✓		i. Mengadakan perbincangan bersama anggota koperasi dan wakil masyarakat setempat berkaitan program	Merancang program mengurus kesihatan mental kepada masyarakat	Bilangan perancangan program mengurus kesihatan mental kepada	ALK Koperasi dan Agensi berkaitan	Senarai perancangan program mengurus kesihatan mental kepada



				ii. Mengadakan kerjasama dengan agensi/ NGO berkaitan program yang bersesuaian		masyarakat dalam setahun		masyarakat setiap tahun
3. Melaksana 2 program mengurus kesihatan mental kepada masyarakat		✓	✓	Melaksanakan program mengurus kesihatan mental kepada masyarakat dengan kerjasama agensi/ NGO berkaitan	Melaksanakan program mengurus kesihatan mental kepada masyarakat	Bilangan pelaksanaan program mengurus kesihatan mental kepada masyarakat dalam setahun	ALK Koperasi dan Agensi berkaitan	Senarai pelaksanaan program mengurus kesihatan mental kepada masyarakat

DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi								
Isu	Kurang mengadakan perbincangan berkaitan aktiviti koperasi secara berkala bersama wakil masyarakat							
Matlamat:	Peningkatan kekerapan perbincangan antara pihak koperasi dan masyarakat setempat							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Mengadakan perbincangan di antara wakil masyarakat dengan koperasi 2 kali dalam setahun Cth: MPKK, MPKN	✓	✓	✓	Merencana jadual perbincangan antara pihak koperasi dan masyarakat	Berbincang berkaitan keperluan masyarakat yang boleh dikongsikan oleh koperasi	Bilangan perbincangan	ALK Koperasi	Senarai keperluan masyarakat

DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Penglibatan Masyarakat dalam Kegiatan Koperasi								
Isu	Kurang mendapat sokongan daripada masyarakat dalam bentuk masa/wang/sumber untuk aktiviti koperasi							
Matlamat:	Peningkatan sokongan daripada masyarakat dalam bentuk masa/wang/sumber untuk aktiviti koperasi							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Meningkatkan penglibatan sekurang-kurangnya 10 ahli masyarakat dalam aktiviti koperasi Cth: Ekspo Koperasi/ Jualan Koperasi/ Program Madani Rakyat		✓	✓	Mengadakan program yang melibatkan penglibatan ahli masyarakat setempat	Program yang melibatkan ahli dan ketua masyarakat setempat	Bilangan penglibatan ahli masyarakat	ALK Koperasi	Senarai bilangan ahli masyarakat yang terlibat dalam aktiviti koperasi

DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Budaya dan warisan								
Isu	Kurang mempromosikan budaya dan warisan tempatan secara berkala (cth: seni dan kraf)							
Matlamat:	Peningkatan promosi budaya dan warisan tempatan secara berkala (cth: seni dan kraf)							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
1. Mengenalpasti sekurang-kurangnya 2 bahan/ aktiviti budaya dan warisan tempatan setahun Cth: Jenis makanan, budaya	✓			Bekerjasama dengan JKK	Mendapatkan maklumat bahan/ aktiviti budaya dan warisan tempatan yang boleh diketengahkan	Bilangan bahan/ aktiviti budaya dan warisan tempatan	ALK Koperasi	Senarai aktiviti budaya dan warisan tempatan
2. Membina kerjasama dengan sekurang-kurangnya 2 agensi / NGO yang berkaitan untuk mempromosi budaya dan warisan tempatan Cth: Motac		✓	✓	i. Bekerjasama dengan agensi / NGO yang berkaitan untuk mempromosi budaya dan warisan tempatan ii. Kunjungan hormat ke agensi / NGO	Perbincangan bersama agensi / NGO berkaitan untuk mempromosikan budaya dan tempatan	Bilangan kerjasama dengan agensi	ALK Koperasi	Bilangan perbincangan bersama agensi / NGO berkaitan



				yang berkaitan untuk mempromosi budaya dan warisan tempatan				
3. Melaksanakan program kerjasama dengan sekurang-kurangnya 2 agensi / NGO yang berkaitan untuk mempromosi budaya dan warisan tempatan		✓	✓	Kerjasama dengan agensi / NGO yang berkaitan untuk mempromosi budaya dan warisan tempatan	Pelaksanaan program mempromosi budaya dan warisan tempatan secara kerjasama dengan agensi / NGO berkaitan	Bilangan program mempromosi budaya dan warisan tempatan	ALK Koperasi	Senarai Program mempromosi budaya dan warisan tempatan

DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Perumahan								
Isu	Kurang kerjasama dengan pihak institusi kewangan untuk skim perumahan mampu milik masyarakat setempat							
Matlamat:	Peningkatkan kerjasama dengan pihak institusi kewangan untuk skim perumahan mampu milik masyarakat setempat							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
1. Mengenalpasti 2 institusi kewangan untuk skim perumahan mampu milik masyarakat setempat	✓			Mendapatkan maklumat secara umum berkaitan institusi kewangan untuk skim perumahan mampu milik masyarakat setempat	Mencari maklumat yang berkaitan	Bilangan skim perumahan mampu milik masyarakat setempat	ALK Koperasi	Senarai bilangan skim perumahan mampu milik masyarakat
2. Merancang 2 program akses skim perumahan mampu milik masyarakat setempat dengan kerjasama institusi kewangan bagi		✓	✓	i. Mengadakan perbincangan bersama anggota koperasi dan wakil masyarakat setempat berkaitan program	Berbincang mengenai program perumahan mampu milik masyarakat setempat	Bilangan perancangan program perumahan mampu milik masyarakat setempat	ALK Koperasi dan Institusi kewangan	Senarai perancangan program perumahan mampu milik masyarakat setempat setiap tahun



				ii. Mengadakan kerjasama dengan institusi kewangan		dalam setahun		
3. Melaksana 2 program akses skim perumahan mampu milik masyarakat setempat dengan kerjasama institusi kewangan bagi		✓	✓	Melaksanakan program akses kepada institusi kewangan bagi skim perumahan mampu milik masyarakat setempat	Program akses kepada institusi kewangan bagi skim perumahan mampu milik masyarakat setempat	Bilangan pelaksanaan program akses kepada institusi kewangan	ALK Koperasi dan Agensi berkaitan	Senarai pelaksanaan program akses kepada institusi kewangan

DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Perumahan								
Isu	Pemilikan tempat tinggal masyarakat BUKAN menjadi sebahagian daripada agenda koperasi							
Matlamat:	Menjadikan isu pemilikan tempat tinggal masyarakat sebahagian daripada agenda koperasi							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
1. Mengenalpasti sekurang-kurangnya 1 isu berkaitan pemilikan tempat tinggal masyarakat sebagai agenda koperasi	✓			Bekerjasama dengan pihak wakil tempatan untuk mengenalpasti isu pemilikan tempat tinggal yang boleh menjadi agenda koperasi	Mesyuarat dengan wakil masyarakat	Bilangan isu	ALK Koperasi	Senarai isu
2. Merancang sekurang-kurangnya 2 program pemilikan tempat tinggal dengan kerjasama agensi / institusi berkaitan	✓	✓		Mengadakan perbincangan bersama anggota koperasi dan wakil masyarakat setempat berkaitan program	Berbincang mengenai program pemilikan tempat tinggal	Bilangan perancangan program pemilikan tempat tinggal dalam setahun	ALK Koperasi dan Agensi/ institusi berkaitan	Senarai perancangan program pemilikan tempat tinggal



				Mengadakan kerjasama dengan agensi / institusi berkaitan				
3. Melaksana sekurang-kurangnya 2 program pemilikan tempat tinggal dengan kerjasama agensi / institusi berkaitan Cth:Sehari bersama LPPSA/Agensi Kewangan/RuMAWIP/Selangorku/PRIMA		✓	✓	Melaksanakan program pemilikan tempat tinggal kepada masyarakat setempat dengan kerjasama agensi / institusi berkaitan	Program pemilikan tempat tinggal	Bilangan perancangan program pemilikan tempat tinggal dalam setahun	ALK Koperasi dan Agensi/ institusi berkaitan	Senarai pelaksanaan program pemilikan tempat tinggal

DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Keterjaminan Makanan								
Isu	Kurang inisiatif pembangunan projek pertanian berkelompok bagi anggota yang berminat							
Matlamat:	Peningkatan inisiatif pembangunan projek pertanian berkelompok bagi anggota yang berminat							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
1. Mengenalpasti sekurang-kurangnya 1 isu berkaitan projek pertanian berkelompok	✓			Bekerjasama dengan pihak wakil tempatan untuk mengenalpasti isu projek pertanian berkelompok	Mesyuarat dengan wakil masyarakat	Bilangan isu	ALK Koperasi	Bilangan isu
2. Merancang sekurang-kurangnya 2 program projek pertanian berkelompok dengan kerjasama agensi / institusi berkaitan		✓	✓	i. Mengadakan perbincangan bersama anggota koperasi dan wakil masyarakat setempat berkaitan program ii. Mengadakan kerjasama dengan	Berbincang mengenai program pertanian berkelompok	Bilangan perancangan program pertanian berkelompok dalam setahun	ALK Koperasi dan Agensi/ institusi berkaitan	Senarai perancangan program pertanian berkelompok



				agensi / institusi berkaitan				
3. Melaksana sekurang-kurangnya 2 program projek pertanian berkelompok dengan kerjasama agensi / institusi berkaitan Cth: RISDA, FAMA, Jabatan Pertanian, NGO Berasaskan Pertanian, UPM		✓	✓	Melaksanakan program projek pertanian berkelompok masyarakat setempat dengan kerjasama agensi / institusi berkaitan	Program pertanian berkelompok dengan kerjasama agensi / institusi berkaitan dilaksanakan	Bilangan pelaksanaan program pertanian berkelompok dalam setahun	ALK Koperasi dan Agensi/ institusi berkaitan	Senarai pelaksanaan program pertanian berkelompok

DOMAIN: MASYARAKAT								
Sub-domain: Keterjaminan Makanan								
Isu	Kurang penyediaan maklumat berkaitan bantuan modal untuk aktiviti pertanian							
Matlamat:	Penyediaan maklumat berkaitan peluang bantuan modal untuk aktiviti pertanian							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
1. Mengenalpasti sekurang-kurangnya 1 isu berkaitan peluang bantuan modal untuk aktiviti pertanian	✓			Bekerjasama dengan pihak wakil tempatan untuk mengenalpasti isu berkaitan peluang bantuan modal untuk aktiviti pertanian	Mesyuarat dengan wakil masyarakat	Bilangan isu	ALK Koperasi	Senarai isu
2. Merancang sekurang-kurangnya 2 program projek berkaitan peluang bantuan modal untuk aktiviti pertanian dengan kerjasama agensi / institusi berkaitan		✓	✓	i. Mengadakan perbincangan bersama anggota koperasi dan wakil masyarakat setempat berkaitan program	Berbincang mengenai program peluang bantuan modal untuk aktiviti pertanian	Bilangan perancangan program peluang bantuan modal untuk aktiviti pertanian	ALK Koperasi dan Agensi/ institusi berkaitan	Senarai perancangan program peluang bantuan modal untuk aktiviti pertanian



				ii. Mengadakan kerjasama dengan agensi / institusi berkaitan				
3. Melaksana sekurang-kurangnya 2 program berkaitan peluang bantuan modal untuk aktiviti pertanian dengan kerjasama agensi / institusi berkaitan Cth: RISDA, FAMA, Jabatan Pertanian, NGO Berasaskan Pertanian, UPM		✓	✓	Melaksanakan program berkaitan peluang bantuan modal untuk aktiviti pertanian dengan kerjasama agensi / institusi berkaitan	Program berkaitan peluang bantuan modal untuk aktiviti berkaitan	Bilangan pelaksanaan program peluang bantuan modal untuk aktiviti pertanian dalam setahun	ALK Koperasi dan Agensi/ institusi berkaitan	Senarai pelaksanaan program peluang bantuan modal untuk aktiviti pertanian

DOMAIN: MASYARAKAT

Sub-domain: Keharmonian Masyarakat

Isu	Kurang memberi pengiktirafan kepada anggota masyarakat setempat							
Matlamat:	Membina budaya menghargai pencapaian masyarakat setempat							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
1. Menentukan bidang pencapaian yang boleh diberi pengiktirafan	✓	✓	✓	Bekerjasama dengan pihak wakil tempatan untuk mengenalpasti bidang pencapaian yang boleh diberi pengiktirafan	Mesyuarat dengan wakil masyarakat	Bilangan bidang pencapaian	ALK Koperasi	Senarai bidang pencapaian
2. Menyebarkan sekurang-kurangnya 2 kejayaan masyarakat setempat di platform media sosial	✓	✓	✓	Berkongsi maklumat kejayaan masyarakat setempat melalui pelbagai saluran media sosial	Koperasi berkongsi maklumat kejayaan masyarakat setempat melalui pelbagai saluran media sosial	Bilangan perkongsian kejayaan	ALK Koperasi	Senarai perkongsian kejayaan

DOMAIN: EKONOMI

Sub-domain: Peluang Pekerjaan Baru

Isu	Sumber atau penasihat yang kurang kepada anggota yang ingin memulakan perniagaan sendiri							
Matlamat:	Peningkatan sumber maklumat atau penasihat kepada anggota yang ingin memulakan perniagaan sendiri							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
1. Kenalpasti 2 Agensi/ NGO yang boleh menyumbang sumber maklumat atau penasihat kepada anggota yang ingin memulakan perniagaan sendiri		✓	✓	Mendapatkan maklumat secara umum berkaitan Agensi/ NGO yang boleh menyumbang sumber maklumat atau penasihat	Perbincangan untuk mengenalpasti Agensi/ NGO yang boleh menyumbang sumber maklumat atau penasihat	Bilangan Agensi/ NGO boleh menyumbang sumber maklumat atau penasihat	ALK Koperasi	Senarai bilangan Agensi/ NGO yang boleh menyumbang sumber maklumat atau penasihat
2. Merancang 2 program bersama Agensi/ NGO yang boleh menyumbang sumber maklumat atau penasihat kepada		✓	✓	i. Mengadakan perbincangan bersama anggota koperasi berkaitan program	Merancang 2 program bersama Agensi/ NGO yang boleh menyumbang	Bilangan perancangan program bersama Agensi/ NGO	ALK Koperasi dan Agensi berkaitan	Senarai perancangan program bersama Agensi/ NGO



anggota yang ingin memulakan perniagaan sendiri				ii. Mengadakan kerjasama dengan agensi/ NGO berkaitan program yang bersesuaian	sumber maklumat atau penasihat	NGO yang boleh menyumbang sumber maklumat atau penasihat		
3. Melaksanakan 2 program bersama Agensi/ NGO yang boleh menyumbang sumber maklumat atau penasihat kepada anggota yang ingin memulakan perniagaan sendiri Cth: Bersama YB setempat, PBT			✓	i. Mengadakan perbincangan bersama anggota koperasi berkaitan program ii. Mengadakan kerjasama dengan agensi/ NGO berkaitan program yang bersesuaian	i. Melaksanakan 2 program bersama Agensi/ NGO	Bilangan pelaksanaan program bersama Agensi/ NGO	ALK Koperasi dan Agensi berkaitan	Senarai pelaksanaan program bersama Agensi/ NGO



DOMAIN: EKONOMI

Sub-domain:Kerjasama Koperasi & Awam

Isu	Kurang pendedahan terhadap budaya kreatif dan inovatif dalam masyarakat							
Matlamat:	Peningkatan pendedahan terhadap budaya idea kreatif dan inovatif dalam masyarakat							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
1. Mengadakan sekurang-kurangnya 3 pertandingan idea kreatif & inovatif dalam masyarakat	✓	✓	✓	Kerjasama dengan agensi luar untuk menganjurkan pertandingan idea kreatif & inovatif dalam masyarakat	Pertandingan idea kreatif & inovatif dalam masyarakat	Bilangan Pertandingan	ALK Koperasi dan Agensi luar	Senarai Pertandingan
2. Memberikan insentif kepada idea-idea kreatif dan inovatif dalam masyarakat		✓	✓	Kerjasama dengan mereka yang berpotensi untuk menaja penganjuran insentif idea kreatif & inovatif dalam masyarakat	Pemberian insentif	Jumlah insentif kuantiti dan kualiti	ALK Koperasi	Senarai penaja & insentif

DOMAIN: EKONOMI								
Sub-domain: Bantuan kepada anggota								
Isu	Kurang memberi bantuan kewangan /biasiswa untuk anggota yang ingin melanjutkan pelajaran							
Matlamat:	Peningkatan pemberian bantuan kewangan /biasiswa untuk anggota yang ingin melanjutkan pelajaran							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
Mengadakan sekurang-kurangnya 1 insentif bantuan kewangan /biasiswa untuk anggota yang ingin melanjutkan pelajaran / meningkatkan kemahiran		✓	✓	Mewujudkan tabung pendidikan melanjutkan pelajaran / meningkatkan kemahiran	Tabung pendidikan melanjutkan pelajaran / meningkatkan kemahiran diwujudkan	Jumlah dan bilangan insentif	ALK Koperasi	Senarai insentif

DOMAIN: EKONOMI								
Sub-domain: Bantuan kepada masyarakat								
Isu	Kurang penyediaan maklumat berkaitan bantuan kewangan /biasiswa untuk masyarakat yang ingin melanjutkan pelajaran							
Matlamat:	Peningkatan penyediaan maklumat berkaitan bantuan kewangan /biasiswa untuk masyarakat yang ingin melanjutkan pelajaran							
Objektif	TEMPOH			Strategi	Aktiviti	Indikator	PIC	Jangkaan hasil
	1 tahun	2-3 tahun	3-5 tahun					
